


Jilid II
Bil. 27



MALAYSIA

Hari Khamis
22hb Julai, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2957]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 2990]

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Keempat) [Ruangan 2990]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3060]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat** Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,**
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**
- „ **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).**
- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).**
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**

Yang Berhormat TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 22hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
perkerusi Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PASARAN BERSAMA EROPAH (EEC)

1. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada delegasi perdagangan yang dihantar oleh Kerajaan kita pada tahun lepas ke negara-negara Pasaran Bersama Eropah untuk menjual cara terus-menerus kepada negara-negara ini, hasil-hasil negara kita seperti papan lapis, nenas dan minyak kelapa sawit itu, telah mencapai kejayaan dan samada Kerajaan kita telah dapat berunding untuk mendapatkan tarif-tarif yang berpatutan dan jika tidak, berikan sebab-sebab kegagalan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Rombongan Perdagangan yang telah dihantar oleh Kerajaan ke Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah pada bulan Oktober/November, 1975 adalah dengan tujuan untuk memperluaskan hubungan perdagangan secara langsung serta untuk menambahkan eksepot barang-barang keluaran Malaysia ke Pasaran E.E.C. Barang-barang keluaran yang diliputi oleh Rombongan Perdagangan itu meliputi pakaian sudah siap, hasil perikanan dan bahan makanan termasuk bahan makanan yang dibekukan; akan tetapi adalah tidak termasuk nenas dan minyak kelapa sawit.

Rombongan Perdagangan tersebut telah mencapai kejayaan dalam menambahkan penjualan barang-barang keluaran Malaysia terutamanya bagi pakaian sudah siap.

Banyak tempahan dan penjualan telah dibuat di tempat-tempat yang dilawati. Jumlah tempahan dan penjualan semasa lawatan adalah sebanyak \$2.5 juta. Pihak pengguna-pengguna di United Kingdom dan Negeri Perancis telah juga menunjukkan minat terhadap bahan makanan, terutamanya bagi makanan yang dibekukan dan hasil perikanan khasnya papan lapis dan kayu gergaji jenis meranti merah.

Untuk mendapatkan tarif-tarif yang berpatutan bagi barang-barang eksepot utama Malaysia, Kerajaan telah menghantar beberapa perwakilan ke E.E.C. secara terus dan bersama dengan negara-negara ASEAN. Hasil dari perwakilan-perwakilan tersebut pihak E.E.C. telah mengambil langkah-langkah positif dengan memberi keutamaan tarif di bawah Sistem Keutamaan Am atau Generalised System of Preferences bagi barang-barang eksepot utama Malaysia seperti minyak kelapa sawit, minyak isi kelapa sawit, minyak kelapa, nenas dalam tin, udang dan lada hitam.

K.W.S.P.—PINJAMAN PROJEK
PEMBANGUNAN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang ada di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja setakat 31-12-75 dan jumlah wang yang telah digunakan untuk projek-projek pembangunan Malaysia dan namakan projek-projek tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang ataupun jumlah kredit ahli-ahli yang terkumpul di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga 31-12-75 ialah \$4,203,370,307. Daripada jumlah itu, sebanyak \$3,959,063,602 dilaburkan di dalam Surat-surat Jaminan Kerajaan

sebagai sumbangan kepada Pinjaman Tempatan Kerajaan Malaysia. Oleh kerana Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959 jelas memperuntukkan bahawa semua hasil yang diperolehi melalui Pinjaman Tempatan adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan negara, maka kesemua sumbangan K.W.S.P. terhadap Pinjaman Tempatan bagi jumlah yang disebutkan di atas adalah digunakan untuk projek-projek pembangunan dan saya tidaklah dapat menamakan tiap-tiap projek pembangunan tersebut.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada meminjamkan kepada Kerajaan adakah K.W.S.P. juga meminjamkan wangnya kepada lain-lain badan swasta?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

BANK PERDAGANGAN—KAWALAN UNDANG-UNDANG

3. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau bercadang mengadakan peraturan untuk menyatakan semua bank-bank perdagangan di Malaysia supaya segala kegiatannya dapat dikawal. Jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak perlu untuk mengadakan peraturan-peraturan baru bagi menyatakan semua bank-bank perdagangan di Malaysia supaya kegiatan-kegiatan mereka dapat dikawal. Ini ialah kerana perkara ini telahpun dilaksanakan melalui Akta Bank, 1973 di mana Bank Negara diberi kuasa serta melaksanakan dasar-dasar di bawah arahan Menteri Kewangan.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

4. Tuan Chieng Tiong Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mentafsirkan makna satu "Kebudayaan" dalam pengertian suasana Malaysia.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti Ahli Yang Berhormat kemukakan itu telahpun dijawab semasa

memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mengenai tafsiran Kebudayaan Kebangsaan pada 16hb Julai, 1976.

PENGGANAS KOMINIS

5. Datuk Peter Lo Su Yin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa pengganas-pengganas komunis sekarang betul-betul hendak menghancurkan Kerajaan dan negeri ini tetapi Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka mengikut undang-undang sedangkan mereka tidak berbuat demikian kerana mereka tidak akui undang-undang kita, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang berkesan yang sedang diambil mengenai perkara ini;
- (b) bilangan pengganas-pengganas kominis yang telah ditangkap dan apakah hukuman dikenakan ke atasnya; dan
- (c) samada orang-orang hartawan di negara ini telah membantu gerakan komunis untuk menghancurkan negara ini, dan jika ya, apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar sangat bahawa pengganas komunis tidak mengakui atau menghormati undang-undang negara dan sedang mencuba hendak menggulingkan Kerajaan. Musuh memang tidak mengakui undang-undang, tetapi kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk menghadapi ancaman mereka. Kerajaan adalah melaksanakan undang-undang itu secara adil dan saksama.
- (b) Sejak tahun 1970 Kerajaan telah berjaya menangkap seramai 278 orang pengganas komunis dan tindakan-tindakan sewajarnya menurut undang-undang telahpun diambil ke atas mereka.
- (c) Kerajaan tidak mempunyai bukti-bukti yang nyata bahawa orang-orang hartawan terlibat di dalam memberi

bantuan kepada pengganas komunis. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak memilih kaya atau miskin, keturunan atau ugama dan kedudukan apabila tindakan diambil ke atas seseorang yang didapati membantu komunis.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa seseorang yang telah dituduh memberi bekalan makanan kepada pengganas komunis yang ditahan tanpa dibicarakan lalu dibebaskan sahaja?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menerangkan di Dewan ini jumlah pengganas komunis yang telah ditangkap mengikut keturunan kaum?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu berkehendakkan notis.

POLIS WANITA DI TIAP-TIAP BALAI POLIS

6. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa pegawai Polis Wanita telah menunjukkan perkhidmatannya yang cemerlang kepada negara ini, jika sedar, adakah beliau bercadang supaya di tiap-tiap Balai Polis ditempatkan sekurang-kurangnya seorang Polis Wanita.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang perkhidmatan cemerlang yang ditunjukkan oleh polis wanita di negara kita. Langkah-langkah telahpun diambil untuk menempatkan polis wanita di seluruh daerah yang besar dan sebok di mana diperlukan perkhidmatan mereka itu. Penempatan sekurang-kurangnya seorang polis wanita di tiap-tiap balai polis akan dijalankan bila jumlah mereka itu mencukupi.

Tuan Embong bin Yahya: *Bangun.*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di Ledang juga hendak polis wanita?

Tuan Embong bin Yahya: Adakah Kerajaan memikirkan hendak mengubah uniform polis wanita yang penjaga trafik itu kepada seluar panjang, tidak pakai skirt atas lutut sahaja yang menyebabkan ada drebar yang melanggar tembok.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah drebar sahaja atau orang lain daripada drebar juga?

Tuan Embong bin Yahya: Orang lain daripada drebar pun nampaknya kelam-kabut juga (*Ketawa*).

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, gunanya kita letakkan polis wanita itu bukanlah untuk menengok betisnya (*Ketawa*). Dia kontrol trafik, tetapi waktu ini belum ada lagi cadangan menukarkan pakaian mereka.

PENDAPATAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KELAPA

7. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa di negara ini, terutamanya di Negeri Johor, sedang diancam sekarang berikutan dengan pengimpotan kelapa kering dari luar negeri terutamanya Indonesia secara meluas, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak sedar.

RUMAH PANGSA HARGA MURAH

8. Tuan Chieng Tiong Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan memberi butir-butir mengenai rumah-rumah pangsa berharga murah di Wilayah Persekutuan yang boleh dipohon oleh orang ramai pada tahun ini, di manakah terletak rumah-rumah pangsa tersebut dan bilakah rumah-rumah pangsa tersebut akan diuntukkan kepada orang ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini, ada 2 kawasan rumah pangsa yang berharga murah yang boleh dipohon oleh orang ramai di Wilayah Persekutuan. Rumah-rumah pangsa tersebut ialah di Sentul Selatan yang terdiri dari 1 block—17 tingkat yang mengandungi 256 yunit dan di Jalan San Peng yang terdiri dari 3 blok—17 tingkat dan mengandungi 792 yunit. Rumah-rumah pangsa ini dijangka dapat diuntukkan kepada orang ramai yang berpendapatan tidak lebih daripada \$300—pada pertengahan hingga akhir tahun 1977.

KONTREKTOR BUKAN BUMIPUTRA

9. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan.

- (a) samada beliau sedar bahawa ramai kontraktor-kontraktor bukan bumiputra telah menggunakan bumiputra untuk menubuhkan syarikat-syarikat kontrak dengan tujuan mendapatkan tender yang dikhaskan untuk bumiputra serta menikmati lain kemudahan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan pengawas untuk mencegah kegiatan yang tidak diingini ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada (a) dan (b), ya. Saya sedar ada terdapat kes-kes penyelewengan terhadap tender-tender yang dikhaskan kepada pemborong bumiputra seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kementerian saya walau bagaimanapun adalah sentiasa mengawasi perkara ini bagi memastikan penyelewengan tidak berterusan. Kementerian saya tidak bercadang menubuhkan satu badan pengawas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memandangkan sebuah yunit khas yang mengendalikan hal ehwal pemborong bumiputra telahpun diwujudkan di Kementerian saya untuk mengawasi perkara ini. Berkaitan dengan perkara ini saya sukalah menyeru kepada peniaga dan pengusaha bumiputra, khususnya kepada pemborong bumiputra

supaya mereka menjalankan perusahaan mereka dengan bersungguh-sungguh, dan jujur kepada diri mereka sendiri dalam menggunakan keistimewaan yang dikhaskan kepada mereka itu dengan sebaik-baiknya dan menjauhkan diri kepada menyalahgunakan peluang-peluang ini, kerana hasrat Kerajaan menyediakan keistimewaan ini adalah dengan harapan supaya dapat membantu bumiputra yang masih ketinggalan dalam bidang perniagaan dan perusahaan maju ke hadapan setanding dengan lain bangsa yang telah maju dalam bidang itu. Jika sekiranya penyelewengan dan ketidakjujuran itu berterusan saya khuatir matlamat Kerajaan untuk membantu kaum bumiputra dalam konteks Dasar Ekonomi Baru tidak akan dicapai dengan memuaskan.

SYARIKAT-SYARIKAT BADAN BERKANUN

10. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sehingga ini berapa banyak syarikat-syarikat daripada Badan-badan Berkanun telah diserahkan kepada Syarikat Bumiputra. Jika belum ada apakah sebab-sebabnya.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini di antara Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian saya hanya MARA sahaja yang telahpun menyerahkan beberapa syarikat-syarikatnya kepada bumiputra. Syarikat-syarikat yang diserahkan itu adalah syarikat-syarikat bas yang berjumlah 24 semuanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penyerahan anak-anak syarikat Badan-badan Berkanun yang di bawah Kementerian saya kepada syarikat-syarikat Bumiputra adalah tergantung kepada beberapa perkara. Sebelum penyerahan dibuat Kementerian saya akan menentukan samada syarikat yang hendak diserahkan itu menguntungkan. Jikalau perjalanan anak syarikat itu belum lagi memberi keuntungan maka tiadalah menasabah diserahkan kepada syarikat Bumiputra kerana ini akan menggalakan kesudahannya.

Begitu juga jikalau syarikat Bumiputra yang hendak mengambil alih itu belum ada kemampuan mengendalikan anak-anak syarikat itu maka Kementerian saya tiada akan

bersetuju penyerahan dibuat kerana ini akan mengecewakan syarikat Bumiputra itu dan mungkin akan rugi kelak. Akhirnya, bilangan syarikat Bumiputra bukannya bertambah tetapi berkurangan pula. Oleh itu, penyerahan anak-anak syarikat Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian saya tiada akan dilaksanakan hingga saya puas hati, iaitu perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tiada timbul. Dengan cara pengawalan seperti itu sahajalah baru dapat kita mencapai tujuan yang dimaksudkan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Menteri yang berkenaan mengatakan akan diserahkan kepada bumiputra yang layak. Kelayakan ini adakah diukur dari segi kemampuan kewangan atau kemampuan pengurusan?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perkara tetapi kalau tentang kewangan itu bolehlah berunding, sekiranya tidak dapat modal yang cukup MARA boleh mencari jalan bagi menambahkan modal itu sekiranya ada kemampuan dan pengurusan yang baik.

KANUN TANAH NEGARA

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan oleh kerana tanah yang diwartakan kerana tujuan penyelesaian di bawah Kanun Tanah Negara tidak boleh dibuat sebarang "dealing" seperti jualan, cagaran, gadai dan sebagainya sehingga *warta* itu ditarik balik, dan tempoh ini lazimnya tidak kurang daripada 3 tahun malahan kadangkala sampai 5 tahun yang mana ini amatlah lama bagi rakyat menunggu untuk membuat sebarang kemajuan di atas tanahnya dan keadaan ini boleh menghalang kemajuan, apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 3 (2) dari Kelantan Land Settlement Ordinance, No. 51/1955, tanah-tanah di dalam kawasan yang diisytiharkan sebagai "Kawasan Penyelesaian" adalah ditegah daripada dijual beli, penurunan pesaka,

gadaian, kaveat, atau apa-apa urusaniaga lain sehingga kawasan itu diisytiharkan keluar dari "Kawasan Penyelesaian".

Pengisytiharan keluar dari kawasan penyelesaian hanya dapat dibuat setelah surat-surat milik baru dikeluarkan bagi tanah-tanah yang diselesaikan. Tetapi pengeluaran surat-surat milik ini boleh jadi tergendala oleh kerana umpamanya pihak Pejabat Ukur kurang tenaga bagi menyiapkan kerja-kerja pengukuran tanah-tanah itu dengan segera. Kesulitan ini boleh diatasi jika tanah-tanah yang diselesaikan dikeluarkan hakmilik sementara dan tidak hakmilik kekal dan ini memerlukan sedikit pindaan kepada Kanun Tanah Negara. Syor pindaan ini telahpun dikemukakan kepada pihak Peguam Negara, bagi dikaji dari segi undang-undang dan dibuatkan Rang Undang-undang untuk dikedepulkan.

Dengan adanya pindaan ini nanti, maka pengisytiharan keluar dari kawasan penyelesaian boleh dibuat dengan lebih segera lagi.

PERANG SAUDARA DI LEBANON

12. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sumbangan yang dicadangkan akan diberi kepada rakyat Lebanon yang menderita akibat berlanjutan perang saudara di negara mereka.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memandang berat terhadap keadaan trajik yang timbul akibat dari perang saudara yang berlanjutan di Lebanon. Walaupun begitu, ini adalah masalah dalam negeri yang kita percaya hanya dapat diselesaikan oleh rakyat Lebanon sendiri. Kita berharap semoga satu penyelesaian secara damai akan dapat dicapai dengan secepat mungkin dengan tidak melibatkan lagi kehilangan nyawa dan harta-benda.

Hingga ini, Kerajaan belum lagi menerima apa-apa permohonan secara rasmi yang meminta supaya kita memberi apa-apa bentuk bantuan kepada rakyat Lebanon. Sekiranya kita dihubungi dengan secara rasmi untuk memberi sumbangan atau bantuan tersebut, perkara tersebut akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (L.T.N.)

13. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kuasa-kuasa yang diberi kepada Lembaga Tembakau Negara (L.T.N.) bagi menentukan gred-gred dan harga Daun Tembakau di negara ini supaya gred-gred yang ditentukan oleh L.T.N. itu mesti diterima oleh pihak pembeli.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, bagi penjualan dan pembelian daun tembakau hijau di antara penanam dan pengawit, Lembaga Tembakau Negara (L.T.N.) meluluskan gred-gred daun tembakau hijau serta menetapkan harganya mengikut gred-gred yang diluluskan itu.

Selain daripada itu, L.T.N. telah mengadakan beberapa syarat untuk lesen pengawit. Pelanggaran mana-mana syarat tersebut boleh menyebabkan seseorang pengawit digantung atau dibatalkan lesennya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Lembaga Tembakau Negara, 1973 ada juga memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan mengawit tembakau melalui proses pengawitan-pemanas melainkan setelah ianya mendapat lesen daripada L.T.N. L.T.N. juga dengan sendirinya menentukan gred-gred dan harga-harga minima bagi tembakau yang diawit-pemanas. Gred dan harga tembakau adalah ditentukan oleh L.T.N. seperti yang diwartakan. Harga tersebut telah mengambil kira tentang kos pengeluaran. Pada masa sekarang penjualan daun tembakau diawit-pemanas hampir kesemuanya dilakukan di satu pusat sahaja dimana semasa pemasaran tembakau itu pegawai-pegawai L.T.N. menentukan gred-gred serta harga minimanya kepada tiap-tiap bungkusan yang dikemukakan oleh pengawit-pengawit untuk dijual. Penentuan atau keputusan oleh pegawai-pegawai L.T.N. atas gred-gred tembakau itu adalah secara muktamad dan mesti dipatuhi oleh kedua-dua pihak pengawit dan pengilang.

Sebelum pemasaran pusat ini dijalankan, pembelian oleh syarikat-syarikat pengilang rokok dijalankan berasingan mengikut pengilang-pengilang rokok iaitu setengah daripadanya di pasaran pusat dan yang lainnya di stesyen mengawit masing-masing.

Memandangkan banyak masalah-masalah yang timbul akibat dari syarikat tersebut L.T.N. telah mengadakan pemasaran pusat bagi tembakau yang diawit-pemanas seperti yang mana saya menjelaskan tadi. L.T.N. ada juga mengenakan beberapa syarat ke atas lesen bagi mengilang rokok untuk pembelian daun tembakau diawit-pemanas. Satu daripada syarat ialah supaya pengilang-pengilang membeli tembakau yang diawit menurut quota yang ditetapkan baginya. Pelanggaran mana-mana syarat tersebut boleh menyebabkan pengilang itu dikenakan dengan denda sebanyak tidak lebih daripada \$5,000 atau digantung lesennya dari membeli daun tembakau diawit-pemanas selama tidak lebih dari satu tahun.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang berkenaan melatih ataupun memberi pengetahuan secukupnya kepada pegawai-pegawai L.T.N. yang menentukan harga atau menentukan jenis-jenis daun tembakau yang telah diawit-pemanas?

Yang Kedua, cuma sekali

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, boleh. Pendek-pendek.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Yang kedua, adakah Kementerian yang berkenaan dapat menjamin bahawa pegawai-pegawai L.T.N. yang menentukan gred itu dapat menentukan gred-grednya dengan tidak berat sebelah?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Saya tidak dengar soalan bahagian pertama tetapi bagi menjawab soalan bahagian kedua bahawa bolehkah L.T.N. memberi jaminan atas pegawai yang menjalankan tugas untuk menentukan gred-gred tembakau itu adalah adil, ini terpulang kepada pegawai L.T.N. mesti ada pengalaman dalam tugas gred-gred itu dan ada kemungkinan pada masa yang singkat L.T.N. baru ditubuhkan barangkali ada setengah-setengah daripada pegawai-pegawai itu tidak ada banyak pengalaman tetapi saya harap apabila sudah dapat pengalaman ini pegawai boleh menjalankan tugas ini dengan adil dan bolehkah saya dengar bahagian yang pertama?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ulang semula soalan yang pertama.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soal yang pertama ialah adakah Kementerian yang berkenaan memberi latihan ataupun pengetahuan yang cukup kepada pegawai-pegawai L.T.N. yang diberi kuasa menentukan grednya? Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menambah satu lagi soalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oh, tambah pula lagi satu! Bolehlah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi ada mengatakan bahawa pegawai-pegawai L.T.N. yang menentukan gred itu diberi kuasa yang tertentu. Adakah Kementerian yang berkenaan sedia membuat peraturan ataupun memberi tolak-ansur sekiranya gred-gred yang ditentukan oleh pegawai-pegawai L.T.N. itu tidak dapat diterima oleh pihak pengawit dapat dirayu dan dipertimbangkan semula?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang saya kata tadi kalau pegawai L.T.N. hendak mendapat pengalaman, saya yakin latihan mesti diberi kepada semua pegawai itu supaya mereka bukan sahaja boleh dapat pengalaman tetapi juga kemahiran dalam tugas mengredkan tembakau.

Bagi menjawab soalan tambahan mengenai samada pegawai itu boleh bertolak-ansur; pada masa dahulu ada timbul pertikaian oleh sebab gred-gred itu tidak boleh ditentukan. Langkah yang baru diambil oleh L.T.N. ialah diadakan satu pusat pemasaran untuk mengatasi pertikaian di antara gred-gred itu. Pada masa sekarang pusat pemasaran itu baru dapat dijalankan dalam tempoh dua minggu sahaja. Ada kemungkinan setengah daripada pihak pengawit-pemasar tidak setuju dengan gred yang diputuskan oleh pegawai L.T.N. itu. Tetapi mengikut syarat-syarat yang diterima oleh kedua pihak apabila tembakau itu dikemukakan bagi menentukan gred-grednya, kedua-dua pihak iaitu pihak penjual mesti jual dan pihak yang membeli mesti beli. Tetapi saya rasa barangkali ada kemungkinan setengah daripada pengawit-pengawit itu tidak bersetuju dengan keputusan pegawai L.T.N. Tetapi pada masa sekarang belum ada aduan dikemukakan kepada L.T.N.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut kata Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai mungkin tidak ada pengalaman yang cukup hari ini untuk menentukan gred-gred daun tembakau. Saya ingin mengetahui bilakah masanya dapat kita menentukan ada pegawai-pegawai yang betul-betul berkelayakan yang dapat mengred daun-daun tembakau itu dengan tepat, dan tidakkah ada satu cara supaya dapat ditentukan gred daun-daun tembakau itu dengan cara menggunakan alat-alat, tidak sebagaimana yang dialami hari ini cuma menengok dan merasa begitu sahaja supaya tidaklah timbul rasa curiga daripada pengawit-pengawit.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bilakah pegawai L.T.N. mempunyai cukup pengalaman, ini saya yakin dengan seberapa segera yang boleh atau dengan secepat mungkin. Saya fikir L.T.N. mesti mengambil perhatian atas masalah ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Tumpat bertanya kalau ada alat yang boleh menggantikan selain daripada pakai rasa sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Lew Sip Hon: Alat itu saya fikir boleh digunakan jika diterima oleh kedua-dua pihak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah pegawai L.T.N. mempunyai alat (gadget) untuk menentukan grednya?

Tuan Lew Sip Hon: Pada masa sekarang tidak ada; tetapi ialah saya boleh kemukakan perkara ini kepada L.T.N. supaya menitikberatkan masalah yang timbul.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menerangkan mengenai problem di antara pengawit dengan kilang pembeli. Sekarang saya ingin tahu masalah di antara pengawit dengan penanam tembakau. Kebanyakan penanam tembakau tertipu oleh pengawit oleh sebab tidak ada orang yang mengredkan tembakau oleh kerana penanam tidak tahu cara hendak mengredkan tembakau. Jadi kalau pengawit itu kata tembakau kelas satu itu adalah kelas tiga dan diminta bayaran dengan harga yang

murah pun ikut juga. Jadi adakah Kementerian menjalankan sebarang usaha untuk mengredkan daun tembakau daripada penanam kepada pengawit supaya penanam tidak tertipu oleh pengawit-pengawit.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang saya ketahui belum ada masaalah timbul di antara penanam dengan pengawit. Masaalah yang selalu timbul ialah di antara pengawit dengan pengilang rokok atas daun-daun yang dikeringkan oleh pengawit. Tetapi bagi daun rokok hijau, pada masa sekarang semua penanam mesti jual daun tembakau hijau kepada pengawit, sebaliknya pengawit akan beri apa-apa technical service dan credit kepada penanam-penanam dan pada masa sekarang diketahui tidak ada kesulitan atas masaalah gred ini.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cara raba dan cium itu memang tidak boleh. Tidakkah ada satu sample, sebagai pegawai-pegawai tentu dia sudah mahir. Kita sudah banyak tanam tembakau, oleh itu dia tahu macam mana cara-cara daun itu, tidak payah raba atau cium.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau dia selsema hari itu lagi tidak boleh. (*Ketawa*) Jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Lew Sip Hon: Apa dia soalnya? (*Ketawa*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ulang lagi sekali.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, cara raba daun dan cium itu memang tidak patut. Tidak adakah satu sample. Dia memang pandai tengok daun tembakau, sebab sudah lama kita tanam, tentu ada satu sample, secara tebal atau nipis. Ini dia pakai raba atau cium sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, sila jawab Yang Berhormat. Ini baru dua minggu sahaja umur L.T.N. ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, fasal hendak tahu apa-apa gred itu mengikut

bau saya fikir perkara ini boleh saya kemukakan kepada pegawai L.T.N. supaya mengambil perhatian atau mengkaji dengan telitinya apakah masaalah yang dihadapi dan cari satu cara yang patut dijalankan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani ini bertanya sample daripada daun-daun itu. Sample ini gred apa, sample ini pula gred apa. Itu boleh dibuat. Itu pertanyaan dia. Nanti dia tanya lagi. Sebelum dia bertanya lagi lebih baik, Yang Berhormat terangkan.

Tuan Lew Sip Hon: Sample itu memang L.T.N. ada. Lagi pun pegawai-pegawai L.T.N. saya fikir mesti mengikut sample itu untuk menjalankan tugas-tugas menentukan gred-gred.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak benar kesah tembakau ini.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, biasanya dalam perkara teh misalnya dapat dicuba dan dirasa. Tembakau ini bolehkah dicuba dan dirasa sama, bukan raba dan cium sahaja. Tetapi cuba dan rasa semacam daun teh yang boleh dicuba dan dirasa.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dicubalah, kalau boleh. (*Ketawa*)

PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK

14. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan kemudahan-kemudahan padang permainan kanak-kanak, gelanggang bola jaring, gelanggang badminton, perpustakaan dikebanyakan daripada rumah-rumah pangsa harga murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya; jika ya, nyatakan samada Kerajaan akan menyediakan banyak lagi kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk penghuni-penghuni rumah pangsa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan-kekurangan kemudahan seperti padang permainan kanak-kanak, gelanggang bola jaring, gelanggang

Badminton dan perpustakaan di rumah-rumah pangsa harga murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya, adalah bergantung kepada jenis kawasan perumahan tersebut.

Sebagaimana yang diketahui Kawasan Perumahan Murah Dewan Bandaraya pada masa ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu Kawasan Perumahan Terhad dan Kawasan Perumahan Yang Luas. Di Kawasan Perumahan Terhad, di mana kawasan lapang adalah sangat terhad, Dewan Bandaraya hanya menyediakan tempat-tempat permainan yang memerlukan kawasan-kawasan kecil, seperti padang permainan kanak-kanak, gelanggang Takraw dan Badminton, sebagaimana yang didapati di kawasan perumahan murah di Bukit Bangsar, Jalan Shaw, Jalan Loke Yew dan lain-lain lagi. Tetapi Kawasan Perumahan yang luas seperti di Jalan Cheras, Dewan Bandaraya memanglah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti padang permainan kanak-kanak, gelanggang Bola Keranjang dan barangkali Dewan Orang-ramai.

Walau bagaimanapun, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk penghuni-penghuni rumah pangsa.

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat yang ditubuhkan di tiap-tiap kawasan rumah pangsa tidak berjalan dengan giatnya dalam hal mengadakan aktiviti sosial dan kebudayaan kepada penghuni-penghuni di kawasan rumah pangsa itu kerana kekurangan wang. Jika ya, samada Kementerian beliau akan memperuntukkan lebih banyak wang kepada Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu akan disiasat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Racha Umong.

Datuk Shariff Ahmad: Saya diberitahu Yang Berhormat itu menarik balik soalan No. 15.

(Soalan No. 15 ditarik balik)

RELA MENOLONG PASUKAN KESELAMATAN

16. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) peranan yang dimainkan oleh RELA dalam menolong Pasukan Keselamatan menjaga keamanan dan menentang penjahat-penjahat Kominis; dan
- (b) adakah senjata yang diberi kepada RELA itu sesuai untuk menentang penjahat-penjahat Kominis di negara kita sekarang.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

- (a) memang banyak cara-cara rela menolong pasukan keselamatan menjaga keamanan antaranya:
 - (i) tiap-tiap yunit RELA di kampung-kampung mengawal dalam lengkungan kawasan 5 batu daripada kampung mereka.
 - (ii) RELA telah dan sedang menuhkan beberapa kubu pertahanan di kawasan perbatasan Malaysia/Thai setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang berkenaan.
 - (iii) RELA juga bergiat untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan dengan pergerakan kominis, anasir-anasir sabersif dan juga anasir-anasir antinasional untuk disalurkan kepada pihak pasukan keselamatan.
- (b) senjata diberikan kepada RELA pada masa sekarang ini adalah difikirkan sangat sesuai.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi menyatakan pasukan RELA boleh membantu dan menjaga pasukan keselamatan menjaga keamanan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di satu kawasan di tempat saya banyak berlaku kecurian-kecurian dalam kampung dan pihak RELA di kawasan itu telah memohon kepada Majlis Tindakan Daerah yang berkenaan untuk bertugas pada waktu malam, tetapi jawapan

yang diterima ialah belum masanya lagi. Jadi, apakah tindakan Timbalan Menteri akan mengambil atas perkara ini?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas yang specific di satu-satu negeri itu selalunya mendapat buah fikiran dan persetujuan daripada Majlis Negeri, kalau pihak Majlis Keselamatan Negeri fikirkan tidak perlu, maka tidak diadakan. Walau bagaimanapun, bolehlah saya siasat perkara ini, kalau perkara itu perlu bolehlah saya rundingkan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Mengikut yunit RELA yang ada sekarang dalam satu yunit itu cuma mendapat satu dua senapang patah sahaja. Saya rasa dengan senapang patah ini tidak sesuai hendak melawan kominis yang ada sekarang ini yang menggunakan senjata moden. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan bahawa senapang patah itu digantikan dengan senapang moden. Yang kedua, memberi lebih banyak lagi dalam satu-satu yunit itu kerana tidak memadai dengan dua senapang, dan kebanyakan Pasukan RELA yang ada sekarang bersungut tidak ada langsung senjata, batang kayu pun tidak ada, macam mana hendak melawan kominis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu faham, konsep RELA ini bukanlah direct melawan kominis, dia membantu pasukan-pasukan keselamatan. Jadi, soal pemberian senapang patah dan sebagainya kita utamakan kepada pasukan di kawasan sempadan dan juga kawasan-kawasan yang sensitif (control areas). Jadi, barangkali tidak berapa kena kalau mengatikan kawasan-kawasan ini hanya ada dua sahaja senapang diberikan, tetapi kawasan-kawasan sempadan boleh dikatakan banyak senapang diberi kepada mereka. Kawasan-kawasan yang tidak sensitif ini kita beri kepada mereka sebagai token, kerana tugas RELA ini bukan semata-mata memegang senjata, tetapi kita berkehendakkan mereka itu mempelupuri badan-badan kebajikan dan juga sosial serta development dalam kawasan masing-masing. Soal yang kedua berkenaan dengan senapang moden ini, mengikut yang kami tahu pihak musuh ini lebih takut kepada senapang patah ini, kerana pelurunya keluar banyak (*Ketawa*). Bagi menyesuaikan semangat mereka itu pihak RELA dan juga pihak polis sedang berbincang samada perlu

atau tidak diberikan kepada mereka yang di kawasan sempadan dahulu. Tetapi sebelum daripada diberikan senjata moden itu perlulah RELA ini diberi latihan dahulu dan ini mengambil masa.

Tuan Embong bin Yahya: Selain daripada senapang patah ada lagi kebajikan yang diberi oleh Kerajaan kepada pasukan RELA?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal.

UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA

17. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau fikir kadar hadiah pampasan di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja adalah tidak cukup oleh kerana kadar penghidupan yang tinggi pada masa sekarang. Jika ya, samada ia cadang membetulkan Ordinan untuk tiga kali ganda kadar hadiah sekarang.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum suatu Rang Undang-undang pindaan kepada Ordinan Pampasan Pekerja telahpun dibentangkan dan diluluskan oleh sidang ini pada 8hb Julai yang lalu. Ahli Yang Berhormat itupun ada turut mengambil bahagian di dalam perbahasan tersebut.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

18. Datuk Peter Lo Su Yin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan pemaaju-pemaaju perumahan swasta membina rumah-rumah untuk orang-orang yang berada atau orang-orang yang berpendapatan tinggi sedangkan orang-orang yang berpendapatan rendah atau sederhana tidak akan mampu membeli rumah-rumah ini kiranya sedar, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menolong orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana ini supaya dapat memiliki rumah-rumah kediaman sendiri.

- (b) adakah Kerajaan sedar di Sabah rakyat di sana tidak dapat menikmati rancangan rumah murah di bandar-bandar seperti di Semenanjung, kiranya sedar, adakah rancangan rumah murah akan dibina di Sabah kiranya ada, di mana dan kiranya tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-
juatan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin
Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengenai soalan (a) Ahli Yang Berhormat itu, saya sedar bahawa kebanyakan pemaju perumahan swasta lebih berminat mendirikan rumah-rumah untuk orang-orang yang berada sedangkan rumah-rumah untuk orang-orang berpendapatan rendah tidak banyak dibina oleh mereka.

Menyedari keadaan tersebut dalam konteks kekurangan rumah di Negeri ini, terutama rumah bagi rakyat berpendapatan rendah, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah yang termasuk:

- (i) meminta peruntukan yang besar untuk program perumahan awam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang mana cadangan telahpun dibentangkan di Dewan yang mulia ini;
- (ii) menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri, terutama mereka yang ada tanah-tanah Kerajaan, memberi tapak perumahan yang sesuai untuk rakyat berpendapatan rendah mendirikan rumah-rumah mereka;
- (iii) melicinkan dan merengangkan peraturan-peraturan serta kehendak-kehendak institusi dalam hal perancangan dan kemajuan perumahan sebagai yang ditetapkan oleh Pihak-pihak Yang Berkenaan (seperti majlis-majlis tempatan) supaya kos menyediakan infrastruktur tidak berlebihan dan harga rumah tidak tinggi;
- (iv) mendapatkan kerjasama pihak swasta mengendalikan projek-projek perumahan kos rendah secara usaha-bersama dengan agensi-agensi Kerajaan di kawasan-kawasan tertentu; tanpa mementingkan keuntungan yang

lazim menjadi tujuan utama pemaju perumahan swasta;

- (v) memberi layanan dan keutamaan kepada permohonan-permohonan mendapatkan lesen pemaju di bawah Akta yang berkenaan atau memperbaharui lesen-lesen yang ujud kepada mereka yang ada bercadang membina rumah-rumah yang harganya boleh tercapai oleh orang-orang berpendapatan rendah;
 - (vi) menerusi peraturan Bank Negara, menetapkan kadar pinjaman dan keutamaan bagi pinjaman-pinjaman oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk tujuan perumahan supaya mereka yang berkehendakan pinjaman itu tidak mengalami kerumitan kewangan;
 - (vii) mewujudkan sekim pinjaman perumahan untuk mereka daripada golongan pendapatan rendah yang mempunyai tanah sendiri di tempat-tempat tertentu meminjam wang membina rumah daripada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan; dan
 - (viii) menggalakkan pihak industri swasta membina atau menyertai projek-projek perumahan untuk pekerja-pekerja;
 - (ix) mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan binaan daripada sumber-sumber tempatan serta mendapatkannya menurut cara-cara yang boleh merendahkan harga-harga bahan itu.
- (b) Mengenai soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sedar bahawa rakyat di Sabah belum dapat menikmati rancangan perumahan awam kos rendah secara yang dinikmati di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana itu, peruntukan yang lebih besar bagi menemui maksud ini telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian saya melalui Suruhanjaya Perumahan Sabah, bercadang melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah di

beberapa daerah di Negeri Sabah dan butir-butirnya akan diumumkan setelah persetujuan didapati daripada Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan swasta membina rumah untuk mendapat lebih untung bukan menolong dasar Kerajaan dalam masalah perumahan. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apakah kerjasama atau insentif Kementerian beliau boleh memberi kepada pemaju-pemaju swasta, yang suka menolong dasar Kerajaan atas masalah-masalah rumah.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama atau insentif-insentif yang akan diberi kepada pemaju-pemaju perumahan adalah memberi keutamaan kepada pemaju-pemaju perumahan yang memohon lesen kepada Kementerian saya supaya mereka itu diberi keutamaan dan kelonggaran-kelonggaran mendirikan rumah-rumah yang murah dalam harga yang mampu bagi rakyat yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah ini. Sayugia diingatkan kepada Yang Berhormat bahawa pemaju-pemaju perumahan ini mendirikan rumah-rumah kepada mereka yang berpendapatan pertengahan dan pendapatan tinggi (middle income group dan high income group). Sektor awam bagi pihak Kementerian saya ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini merancang rumah-rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Penguasa-penguasa Tempatan bagi memberi kepada mereka yang berpendapatan bawah daripada \$300 atau \$400.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi satu senarai yang panjang mengenai usaha-usaha Kerajaan yang dijalankan untuk mengatasi soal kekurangan rumah kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Oleh kerana selama ini peruntukan-peruntukan Kerajaan yang diberi oleh Kerajaan Pusat, misalnya, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan selalu digunakan untuk membina rumah-rumah bagi faedah golongan-golongan yang berpendapatan pertengahan (middle income) dan tidak boleh menolong orang-orang yang bergaji rendah.

Adakah Kementerian Perumahan dan Kema-juan Perkampungan akan menimbang mengadakan satu peraturan yang baru di mana semua peruntukan-peruntukan yang dikeluarkan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri atau agensi-agensi Kerajaan baru hanya digunakan untuk membina rumah yang murah untuk golongan-golongan yang miskin dan tidak digunakan untuk membina rumah bagi middle income group atau golongan-golongan yang tinggi pendapatannya.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya itulah sebabnya Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak telahpun meluluskan Wang Amanah Pusingan \$10 juta untuk mereka yang boleh mendapat pinjaman dengan harga-harga yang murah, dan itu secara terus Kementerian saya boleh membantu kepada mereka. Ahli Yang Berhormat mestilah faham bahawa mengikut Perlembagaan Negara kita rumah dan tanah ialah kuasa Kerajaan Negeri. Maka Kementerian saya hanya memberi fund dan pengawasan masalah Akta Pemaju-pemaju Perumahan, kita mengawal di atas harga-harga perumahan supaya perumahan ini dapat dijual oleh pemaju-pemaju perumahan dengan harga yang berpatutan. Sungguhpun soalan ini datang daripada Ahli Negeri Sabah, jadi saya dapat menerangkan faedah itu dalam negeri Sabah dan tidak termasuk dalam Semenanjung Malaysia. Tetapi walau bagaimanapun sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita sedia memandang ke hadapan, lebih-lebih lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita memerhatikan dengan teliti supaya keadaan-keadaan pemaju-pemaju perumahan itu dapat dilaksanakan sebagaimana kehendak-kehendak rakyat. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan rumah ialah owning democracy dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah dianggap oleh pihak Kerajaan perlunya mengadakan satu Perbadanan Perumahan Nasional atau Kebangsaan yang boleh menguruskan usaha sendiri ataupun dengan kerjasama Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan ataupun pihak swasta yang mahu bekerjasama untuk berusaha khususnya mendirikan rumah-rumah peringkat murah

dan rendah, kerana pihak swasta memang mahu untung besar dan terpaksa mereka menumpukan usaha kepada rumah besar-besar sebab untung besar. Ini saya harap dapat dipertimbangkan dan barangkali dapat dijelaskan samada Kerajaan bercadang mengadakan satu Perbadanan Perumahan Kebangsaan (National Housing Board) yang akan bertanggungjawab dan menjalankan kerja sendiri.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan wujud pada bulan Disember, 1974—baru sahaja. Walau bagaimanapun, atas syor Ahli Yang Berhormat itu bolehlah saya bawa balik dan menimbangkan kehendaknya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada bantuan-bantuan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri untuk membina perumahan. Adakah Kementerian mempunyai kuasa memberi arahan kepada Kerajaan Negeri supaya segala bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan Pusat itu cuma untuk membina rumah-rumah murah sahaja, tidak rumah-rumah yang boleh dimiliki oleh orang-orang berpendapatan pertengahan dan berpendapatan tinggi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapan itu telah diberi tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, melainkan kalau ada hendak ditambah lagi. Kalau tidak ada, tidak apalah.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah salah faham soalan saya ataupun tujuan soalan saya itu. Saya tahu bahawa tanah dan perumahan ialah perkara State, dan saya tidak mengatakan bahawa Kerajaan Pusat campurtangan atau merampas hak Kerajaan Negeri, tetapi di mana Kerajaan Pusat ada memberi bantuan selain daripada apa yang mesti diberi kepada Kerajaan Negeri Capitation grant atau lain-lain dalam Perlembagaan. Selain daripada itu, apa-apa bantuan khas seperti yang diberi kepada S.E.D.C. setiap negeri untuk perumahan atau lain-lain adakah Yang

Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dan sedar bahawa Kerajaan Pusat boleh membuat satu syarat bahawa peruntukan-peruntukan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bertanyakah atau hendak memberi arahan kepada Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Bertanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau bertanya buatlah pertanyaan. Apakah pertanyaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu menenangkan oleh kerana tadi beliau tidak faham.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah diterangkan panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana untuk menjamin supaya peruntukan-peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada agensi-agensi Kerajaan seperti S.E.D.C. untuk membina rumah bagi mengatasi masalah kekurangan rumah selain daripada States subject. Bolehkah Kerajaan Pusat mengenakan satu syarat di mana peruntukan-peruntukan ini hanya boleh digunakan untuk membina rumah-rumah murah untuk golongan yang berpendapatan rendah, selain daripada wang Kerajaan Negeri sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cukuplah setakat itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak faham dan tidak mengikuti akan rancangan perumahan ini. Memang kita telah buat dahulu sebagaimana yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat itu. Adalah Kerajaan-kerajaan Negeri hendak mendirikan rumah kadang-kadang kita minta supaya dia sediakan tapak perumahan rakyat dengan menyediakan infrastruktur dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kita, di samping itu wang peruntukan yang lebih daripada itu kita boleh memberi pula bantuan bagi mendirikan rumah-rumah murah.

Soal Ahli Yang Berhormat itu panjang sangat, jadi jawapan saya memang kita sudah buat dahulu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu banyak soalan tambahan yang dikemukakan dalam Majlis ini, saya syorkan

supaya Ahli Yang Berhormat buat satu cadangan yang baru dan kemukakan pada mesyuarat akan datang.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sehingga sekarang adakah Kementerian beliau berunding dengan Persatuan Pemaju-pemaju Swasta untuk merancang atau mengadakan rumah-rumah harga murah kepada golongan miskin.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada, bukan sahaja berunding tetapi mereka bersetuju.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tadi pemaju-pemaju perumahan mesti disyaratkan mendapat lesen terlebih dahulu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mengikut syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan bagi mendapat lesen pemaju perumahan sekarang ini amatlah sukar, khususnya kepada kaum bumiputra untuk mendapatkan lesen-lesen dengan syarat-syarat yang mesti ada deposit yang begitu banyak. Adakah Kementerian berkenaan bercadang menimbangakan semula peraturan menentukan deposit yang rendah bagi membolehkan bumiputra yang ingin menceburkan diri dalam usaha perumahan ini dan mereka itu dapat membuat rumah-rumah harga murah apabila syarat ini dilonggarkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sebenarnya telah terkeluar sedikit daripada soalan asal. Tetapi Yang Berhormat Menteri ada menyebut fasal lesen tadi. Kalau ada tolonglah beri jawapan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemaju-pemaju Perumahan itu sudah mencukupi kerana kuasa Yang Berhormat Menteri ada menyatakan dalam Akta itu boleh melonggarkan, bukan sahaja kehendak bumiputra, siapa-siapa sahaja dalam negara ini yang meminta lesen untuk memajukan perumahan.

RUMAH KAKITANGAN KERETAPI

19. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa

rumah kakitangan dan pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu didapati terlalu tua dan usang dan masih tidak mendapat perubahan langsung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah mencadangkan peruntukan sebanyak \$5 juta khasnya untuk memperelokkan keadaan rumah-rumah kakitangan keretapi. Tindakan telahpun diambil supaya rumah-rumah yang terlalu teruk dan tua di gantikan dengan rumah-rumah pangsa.

SURAT LEE YIN HAR

20. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau telah menerima sepucuk surat bertarikh 18-5-1976 yang dikirimkan oleh Encik Lee Yin Har, K.P. 7583553 beralamat di 144, Bali N./V., Tronoh, Perak; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil dalam perkara berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya berdukacita tidak ada menerima surat tersebut. Walaupun demikian, kalau boleh saya diberi satu salinannya, saya akan ambil tindakan terhadap kandungannya serta-merta.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat hairan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri yang berkenaan oleh sebab Encik Lee Yin Har ada menunjukkan satu surat kepada saya bahawa Kementerian beliau ada menerima surat itu, dan saya sangat hairan bagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak sedar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Surat dari Kementerian itu ada?

Tuan Chian Heng Kai: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada jawapan hendak menerima surat itu?

Tuan Chian Heng Kai: Ya, ada.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah check rekod surat-surat berdaftar yang kita terima dan kakitangan-kakitangan Kementerian saya telah memberitahu kepada saya tidak ada surat yang seperti ini yang kita terima.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat mesti berjumpa Kementerian bawa surat daripada Kementerian, surat betulkah atau palsu.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

21. Tuan Richard Damping anak Laki (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang menaikkan jumlah perlepasan persendirian/pendapatan dll. (Seksyen 61(2) dalam Akta Cukai Pendapatan) seseorang pembayar cukai oleh kerana pelepasan yang diberi sekarang tidak mencukupi untuk perbelanjaan sesebuah keluarga.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa maksudnya telahpun saya jawab kelmarin dalam soalan No. 75 dan oleh sebab itu saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

PEMBANTU-PEMBANTU TEKNIK

22. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah pembantu-pembantu teknik di Jabatan Parit dan Tali-air di Malaysia sekarang dan berikan angka pecahannya mengikut;

- (i) kaum Bumiputra; dan
- (ii) bukan Bumiputra.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Bilangan Pembantu-pembantu Teknik dalam Jabatan Parit dan Tali-air, Malaysia adalah seramai 114 orang yang terdiri dari-

- (i) kaum Bumiputra 32 orang dan
- (ii) bukan Bumiputra 82 orang.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU

23. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan kemajuan-kemajuan yang telah dibuat dan perbelanjaan ke atas kampung-kampung baru semenjak 1970-1975, jika ya, nyatakan nama kampung-kampung tersebut, jumlah perbelanjaan dan jenis perbelanjaan (samada untuk pembinaan jalan, gelanggang bola keranjang, dan lain-lain).

Tuan Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Kedua sejumlah \$10 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek kemajuan di Kampung-kampung Baru. Sebanyak \$9,551,505 telah dibelanjakan untuk projek-projek kecil seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semenjak pertubuhan Bahagian Tugas-tugas Khas Kampung-kampung Baru dalam tahun 1973 dan jumlah tersebut tidak termasuk perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (atau Alam Sekitar pada masa itu) serta oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis majlis Tempatan yang berkenaan.

Dalam masa itu juga sejumlah 360 kampung-kampung baru (daripada 465 buah) telah menerima bantuan dari Kementerian saya. Oleh kerana masa tidak membenarkan saya memberi maklumat yang lebih penuh bagi tiap-tiap satu kampung daripada 360 buah kampung-kampung baru itu, saya hanya akan memberi perbelanjaan mengikut jenis-jenis projek iaitu:

Jenis Projek	Peruntuk \$	%
1. Tempat Permainan (Sepak takraw, sepak raga, gelanggang bola keranjang, badminton, taman kanak-kanak.	1,104,086	13
2. Bangunan Awam (Balai Raya, Pasar, Tandas, gerai perniagaan)	898,091	10
3. Infrastruktur yang lain (longkang/Parit, jalan dan jambatan)	7,549,328	77
JUMLAH ...	9,551,505	

PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI LUAR ISLAM DI ISTANBUL

24. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Luar Negeri menyatakan keputusan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam di Istanbul baru-baru ini di bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan dan nyatakan peranan yang sayugia diusahakan oleh kita di bidang-bidang itu bersemangatkan keputusan sidang tersebut.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Resolusi-resolusi yang diambil di Persidangan Menteri-menteri Luar Islam yang diadakan di Istanbul baru-baru ini terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu politik, ekonomi dan pentadbiran dan kewangan, sementara resolusi-resolusi dalam bahagian ekonomi meliputi perkara-perkara sosial dan kebudayaan.

Melalui resolusi-resolusi dalam bidang ekonomi, Persidangan tersebut telah mengambil azam baru berjuang kearah mencapai susunan ekonomi antarabangsa yang baru dan adil dan mengakhiri apa bentuk penindasan oleh negara-negara maju ke atas negara-negara yang sedang membangun. Seterusnya Persidangan itu telah mengulangi pengesahan kedaulatan negara-negara membangun terhadap sumber-sumber alamnya. Di mana terdapat ketidak-seimbangan dalam bidang perdagangan, kewangan, perindustrian atau teknologi Persidangan tersebut telah menyeru supaya negara-negara maju memberi kerjasama mereka membaiki keadaan-keadaan ini. Walau bagaimanapun, Persidangan sedar untuk mencapai objektif-objektif itu, adalah penting bagi negara-negara Islam memelihara dan mengiratkan lagi perpaduan antara negara-negara Islam. Ini dapat dicapai melalui kerjasama ekonomi antara negara-negara Islam. Untuk mencapai matlamat ini banyak cadangan-cadangan telah dibuat, seperti dengan adanya pertukaran-pertukaran pekerjaan dan keahlian, memajukan perdagangan, pelaburan, permodalan bersama dan kerjasama dalam bidang teknikal dan kewangan. Aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi sebenarnya terkandung dalam Perjanjian Ekonomi, Teknikal dan Kerjasama Perdagangan yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi dan diluluskan oleh Persidangan tersebut. Satu mesyuarat akan diadakan di Istanbul tahun hadapan yang terdiri dari Ketua-ketua Dewan-dewan Perdagangan dan Perindustrian untuk mem-

bincangkan soal-soal kerjasama dalam bidang perdagangan dan Perindustrian antara negara-negara Islam.

Persidangan tersebut juga meluluskan satu ketetapan untuk membesarkan lagi "Jawatankuasa Wakil-wakil dan Pakar-pakar Ekonomi", yang dahulunya di anggotai oleh 13 buah negara, termasuk Malaysia, dengan melantik 5 anggota baru dan menamakannya "Suruhanjaya Ekonomi, Kebudayaan dan Hal Ehwal Sosial Islam" yang diberi tugas termasuk pengawasan, penyelarasan dan membangunkan usaha-usaha ke arah mengembangkan kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial di kalangan negara-negara Islam. Adalah diharapkan Suruhanjaya ini dapat menyelaraskan aktiviti-aktivitinya dengan aktiviti-aktiviti Yayasan Islam untuk Sains, Teknologi dan Pembangunan yang bertujuan untuk memperkenalkan Sains dan Teknologi di dalam pembangunan dan pelaksanaan rancangan-rancangan socio-ekonomi di negara-negara Islam. Badan yang mengawasi pertubuhan yaysan ini ialah Majlis Perundingan Sains Negara-negara Islam, yang termasuk Malaysia sebagai ahlinya.

Keputusan-keputusan lain yang telah diambil di Persidangan tersebut termasuk penubuhan 2 Pusat Penyelidikan Islam di Istanbul, iaitu "Pusat Penyelidikan Statistik, Ekonomi dan Sosial" dan "Pusat Penyelidikan Sejarah, Kesusasteraan dan Kebudayaan Islam". Kedua-dua pusat ini tentunya akan dapat memberi sumbangan-sumbangan yang berguna ke arah meluaskan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan sosial. Sekretariat Islam pada ketika ini sedang menjalankan kajian bagi menyelaraskan aktiviti pusat-pusat kebudayaan dan penubuhan beberapa institusi-institusi dan pertubuhan-pertubuhan Islam, terutama untuk mengembangkan syiar Islam. Di Guinea-Bissau satu Pusat Penyelidikan Islam akan didirikan dengan mendapat bantuan kewangan dari Pertubuhan Persidangan Islam untuk orang-orang Islam di negara tersebut. Selaras dengan objektif ini juga Pertubuhan Persidangan Islam telah mengambil keputusan memberi sokongan kepada Persekutuan Sekolah-sekolah Arab-Islam Sedunia yang telah ditubuhkan baru-baru ini di Arab Saudi dengan tujuan untuk menanam semangat dan keperibadian Islam kepada generasi baru di seluruh dunia Islam.

Persidangan tersebut juga meluluskan satu resolusi dengan mengambil keputusan untuk mengadakan perayaan bagi menandakan permulaan Abad ke 15 Hijrah pada tahun 1980. Satu Jawatankuasa telah dilantik untuk mengatur rancangan-rancangan yang akan dijalankan dan juga menyediakan anggaran belanjawannya. Negara kita adalah antara 12 buah negara-negara yang telah dilantik untuk menduduki Jawatankuasa ini.

Masaalah Timur Tengah, seperti mana yang telah diketahui oleh Dewan masih menjadi masaalah utama yang melibatkan keamanan dan keselamatan antarabangsa dan sehingga Israel berundur dari semua kawasan dan wilayah-wilayah Arab yang didudukinya dan bersetuju untuk mengembalikannya semula hak-hak orang Palestine, keamanan tidak akan dapat dicapai. Telah banyak saudara-saudara kita dari bangsa Arab dan Palestine telah gugur dalam perjuangan mereka untuk mendapat keadilan, hak-hak kemanusiaan dan kehormatan mereka dengan meninggalkan keluarga-keluarga mereka. Adalah berkaitan dengan perkara ini di mana Persidangan Islam di Istanbul telah meluluskan satu resolusi dan menyeru negara-negara ahli untuk mengeluarkan stem khas yang akan diberi nama "Stem Palestine", untuk membantu keluarga-keluarga dan pahlawan-pahlawan yang telah terkorban dan juga bagi memperingati perjuangan rakyat Palestine. Satu hariibulan yang bersejarah yang berkaitan dengan perjuangan ini akan ditetapkan bagi mengeluarkan stem ini.

Malaysia telahpun memainkan dan akan terus memainkan peranan dan aktiviti-aktivitinya yang aktif dalam bidang ekonomi kebudayaan dan sosial di Persidangan Islam. Dalam Persidangannya yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Jun, 1974, Malaysia telah mengarahkan perhatian Persidangan itu kepada kepentingan dalam bidang kerjasama ekonomi antara negara-negara Islam. Ini adalah merupakan objektif kita dari awal lagi kerana kita percaya melalui kerjasama dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan aktiviti-aktiviti sosial antara negara-negara Islam, samada antara dua pihak atau semua pihak sahajalah dapat menjadikan konsep perpaduan dan kerjasama antara negara-negara Islam satu makna yang lebih jelas dan berfaedah kepada semua yang berkenaan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini

menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama maju dan kukuh. (21hb Julai, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada masa Dewan ini ditangguhkan petang semalam atau malam semalam Ahli Yang Berhormat dari Kangar baru diberi peluang 5 minit bercakap. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak menyambung lagi bolehlah sekarang. Sila.

3.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, saya berkata semalam berkenaan dengan kedudukan rakyat khasnya petani. Mengikut pendapat saya pendapatan petani-petani amatlah sedikit kalau dibandingkan dengan pendapatan-pendapatan yang lain dan kebanyakan daripada hasil petani-petani salah satunya ialah padi. Memandangkan kepada keadaan barang-barang lain sudah naik pada segala-galanya, terutama yang menjadikan padi seperti baja, trektor dan sebagainya, maka saya berpendapat dan saya mencadangkan patutlah harga padi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sekarang dinaikkan kepada \$35 sepikul.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada setengah orang menganggap \$35 ini terlampau mahal tetapi pada pendapat saya sebagaimana saya katakan tadi dengan sebab baja dan sebagainya telah naik, maka harga yang \$35 ini tidaklah begitu tinggi. Apa yang amat menyedihkan lagi, sebagaimana saya katakan semalam, padi ini walaupun sekarang ditetapkan kepada \$28 dan \$30 sepikul, tetapi keadaan musim yang padi terlampau banyak, saya ulangi sekali lagi iaitu pada bulan Ogos, tetapi harga yang sebenarnya tidak sampai kepada \$25 kerana dipotong oleh pembeli-pembeli tadi dengan 1001 macam potongan selepas padi sudah tinggal tidak lebih daripada 10% pada masa itu bukan lagi \$30 bahkan beli lebih hingga \$35 dengan alasan pihak pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha mengatakan padi harganya mahal maka patutlah beras dijual dengan harga mahal. Jadi, yang teraniaya pihak pengguna beras dan pihak yang menjual padi yang terpaksa menjual dengan

harga murah, sebaliknya pihak pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha membeli padi yang harganya mahal itu di masa padi tinggal sedikit. Dengan sebab itu sebagaimana saya kata tadi saya cadangkan \$35 sepikul patut ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan, banyak telah disuarakan oleh sahabat-sahabat saya wakil-wakil rakyat berkenaan dengan kekurangan pegawai. Saya juga berpendapat patutlah ditambahkan pegawai-pegawai bagi tiap-tiap jabatan. Bagaimana banyak sekalipun wang yang akan dibelanjakan untuk Rancangan Malaysia Ketiga kalau pegawai-pegawainya tidak cukup tentulah rancangannya tidak berjalan lancar dan kadang-kadang saya dapati ada setengah-setengah pegawai yang sabotaj. Boleh jadi sabotaj ini bukanlah salah pegawai itu sahaja kadang-kadang salah daripada pihak Kerajaan sendiri. Kadang-kadang kita tetapkan pegawai itu sekim gaji tetapi kita tidak confirmkan, kita tidak laksanakan. Ada di antara pegawai-pegawai daripada Pejabat Kerajaan Pelajaran, misalnya, Guru Besar yang sepatutnya mereka dapat gaji \$1,500 sebulan tetapi tidak diconfirmkan, mereka dapat \$1,150. Begitulah juga pejabat-pejabat yang lain. Kadang-kadang pegawai yang berkenaan sabotaj dan dengan sebab itu lambat-laun ada daripada badan-badan swasta menawarkan gaji yang lebih mahal sedikit, maka masing-masing pun larilah ke pejabat lain kerana kita tidak menunaikan janji kita tadi, kita tidak laksanakan apa yang kita telah janjikan kepada mereka, melainkan ada setengah-setengah pegawai ataupun Jabatan sahaja yang dapat diconfirmkan dengan serta-merta, setengah pegawai-pegawai sehingga beberapa tahun tidak diconfirmkan. Maka dengan sebab itu saya merayu Kerajaan untuk mengambil berat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Perlis, negeri yang kecil, pegawai-pegawai dijadikan sebagai satu batu luncatan; apa pegawai sekalipun, pegawai pelajaran, J.K.R., pendek kata, tiap-tiap jabatan. Apabila seorang hamba Allah itu telah bertambah cekap, bertambah pandai tahu selok-belok Perlis untuk mengatasi apa-apa kesulitan, hamba Allah itu dinaikkan pangkat, maka jawatan berkenaan itu tidak ada lagi di

Perlis, berhijrahlah hamba Allah itu, datanglah pula pegawai yang baru yang hendak memegang jawatan. Seolah-olah negeri Perlis itu dijadikan tempat mereka belajar. Maka dengan sebab itu, saya merayu kalaulah Perlis satu negeri yang kecil tidak ada jawatan yang sesuai patutlah disesuaikan kerana Perlis ingin juga mendapat kenikmatan sebagaimana yang saya katakan tadi ataupun pegawai tersebut ditetapkan walaupun mereka berkebolehan patut diadakan satu jawatan khas di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, yang kekurangan sangat dalam jabatan-jabatan saya dapati pegawai-pegawai teknik sebagai pembantu teknik di tiap-tiap jabatan. Kita akan mengembangkan Rancangan Malaysia Ketiga, kepada segenap rakyat tetapi bagi tiap-tiap jabatan pembantu-pembantu teknik terlampau kurang terutamanya bumiputra.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang kurang?

Tuan Shaari bin Jusoh: Jawatan Pembantu Teknik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pembantu Teknik?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Bagi tiap-tiap Jabatan baik di J.P.T. atau di J.K.R. boleh dikatakan semua jabatan. Boleh jadi bumiputra kurang ada dalam jabatan itu maka saya berharap kepada tiap-tiap Kementerian yang berkenaan patutlah mengawasi dan cari jalan. Jika saya kata ada sabotaj sebagaimana yang dituduh pemborong-pemborong bumiputra sebagaimana yang disebutkan dalam Dewan ini, saya tidaklah hendak berkata dengan tepat. Perkara itu kita tidak boleh lari, kerana dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga kita hendak mengseimbangkan segenap kaum baik bumiputra atau bukan bumiputra yang terlampau mundur, bagi bumiputra yang kita tidak boleh nafikan dari segi perniagaan dan perindustrian dan perkara Pembantu Teknik adalah sebagai satu alat atau pegawai yang akan menjalankan tugas sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pertanian lagi dalam segi perniagaan kita C.G.C. beri pinjaman sebanyak \$30,000 dan dinaikkan sampai \$200,000 kepada peniaga.

Tetapi kepada pak tani yang kita akan cadang menolong mereka tidak ada C.G.C., kerana pinjaman C.G.C. dengan ada alasan baru dapat, kalau tidak ada tidak boleh dapat. Jadi dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah Bank Pertanian dan Bank Rakyat dilonggarkan sedikit syaratnya kepada pinjaman-pinjaman pak tani. Pak tani akan meminjam wang tak sampai \$3,000 lebih terpaksa mengadakan geran sebagaimana yang ditetapkan dalam satu badan yang tak silap saya untuk menebus gadai dan sebagainya. Jadi terpaksa mencari geran dan sebagainya, sedangkan perniagaan lain telah dapat membuatkan perusahaannya dengan tak payah mencari geran dengan dua orang penjamin. Kalaulah dasar Kerajaan kita yang kita yakin akan menolong semua rakyat termasuk juga pak tani, saya berpendapat Bank Pertanian dan Bank Rakyat ini patutlah mengubah dasarnya daripada tiap-tiap satu pinjaman akan mengadakan geran dengan menggantikan 2 orang penjamin sahaja sehingga sampai kepada \$10,000. Jadi baharulah boleh pak tani yang mana tanah tergadai kepada Chetti, tergadai kepada berbagai-bagai orang dapat menebus kembali. Jadi kalau hendak cari geran pula sesudah tanah hamba Allah ini tergadai tidak ada geran lagi, mana pula hendak dapat geran. Ada pak-pak tani, Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka itu tidak berkebolehan tidak berkelulusan, tetapi ada di antaranya yang beramanah, dipercayai oleh keluarga mereka yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan orang yang berada yang dapat menjamin mereka bukan sahaja setakat \$3,000 bahkan \$10,000 dapat dijamin oleh mereka kalau syarat itu dilonggarkan. Kalau seperti saya katakan tadi kalau semuanya bergeran begitulah nasib pak tani, geran tergadai hendak tebus pula kena cari geran lagi. Saya berharap patut diubahkan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Bank Pembangunan, bank ini ditetapkan yang saya difahamkan kalau tak silap pinjamannya hendaklah \$100,000 ke bawah baru boleh dipinjam. Jadi kalau kurang daripada itu tidak boleh pinjam. Jawabnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak perusahaan yang besar sahajalah yang boleh menambah usaha lagi kalau yang kecil yang \$50,000 tidak boleh. Kalau saya hendak kata yang besar bertambah besar yang kecil tidak dapat

tentulah tak baik sedikit. Dengan sebab itu, saya merayu dan berharap saya percaya dengan kemurahan Tuan Yang di-Pertua sendiri daripada \$100,000 diturunkan kepada \$50,000 sahaja boleh menjalankan satu-satu perusahaan di atas dasar Bank Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Felda, Felda pada hari ini setahu saya telah banyak menolong rakyat-rakyat yang tidak ada tanah yang mana bekerja daripada umur belasan tahun sampai berpuluh tahun tidak pernah ada tanah walaupun satu ekar. Buat kata orang: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mengambil upah biasa. Tetapi dengan adanya rancangan Felda, baik cara getahnya, cara kelapa sawitnya, cara tebunya di Perlis, tetapi hari ini tidak ada lagi yang dapat rancangan Felda di Perlis yang kebanyakannya dapat di Pahang. Saya mencadangkan patut Kerajaan meluaskan lagi rancangan Felda ke beberapa banyak yang boleh, kerana dengan rancangan Feldalah boleh membahagikan harta kepada orang-orang yang hari ini tidak pernah dapat memiliki tanah baik getah ataupun kelapa sawit, yang saya katakan tadi dapat memiliki walaupun terpaksa dibayar balik secara beransur-ansur. Oleh itu, dibayangkan lagi dengan rancangan Felda kepada seluruh yang akan mendapat tanah dan kepada negeri-negeri yang tidak ada tanah seperti Perlis dapat menumpang berhijrah ke negeri Pahang yang mana pada hari ini telah berhijrah dan kalau ada di Johor, di Perak di mana yang ada minta semua negeri masing-masing membuka tanah dengan kerjasama Felda dengan seberapa banyak yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini juga banyak Kerajaan akan mengeluarkan wang, tetapi apa yang dibangkitkan selalu kalau kita di kampung-kampung perkara yang menjadi mustahak sekali, terutama di negeri saya di Perlis ialah tempat-tempat yang tidak ada letrik. Letrik menjadi tumpuan yang hebat. Wakil rakyat di mana pergi letrik diminta, perkara lain tak ditanya, dan kita sama-sama percaya kadang-kadang kalaulah letrik terjahanam terkelam buat beberapa waktu saya percaya semua orang semacam. Lima minit terkelam masing-masing tergagau cari tiang, kalaulah kita kata di Kuala Lumpur, tetapi bagi penduduk-penduduk luar bandar yang tak pernah rasa langsung api dalam kaca kata mereka, mereka berazam sungguh-sungguh

supaya perkara itu disegerakan dengan seberapa boleh. Saya percaya mengikut ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18hb di Perlis di mana beliau memberi ucapan dalam perjumpaan 30 tahun UMNO yang diadakan di Perlis, katanya, Perlis akan menjadi satu negeri yang bercahaya dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Saya tak nafi, tetapi Rancangan Malaysia Ketiga sampai tahun 1980, saya berharap sangat bukan tahun 1980 seboleh-bolehnya tahun 1977 tolonglah beri cahaya kepada seluruh negeri Perlis di mana sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum Pilihanraya sekali lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan sebelum pilihanraya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebelum tahun 1980. Maknanya tahun 1977 kerana negeri Perlis satu negeri yang kecil, Tuan Yang di-Pertua sendiripun tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi suaranya besar. (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Suaranya besar. Negeri Perlis satu negeri yang kecil. Pendek kata, negeri Perlis itu dapat kita pusing tak payah memakan masa lebih daripada satu hari. Banyak tempat sudah ada letrik, kecuali ada setengah kampung yang tak ada. Jadi, kalau Kementerian berkenaan atau Lembaga Letrik Negara membuat satu keistimewaan kepada Perlis walaupun hari ini saya tahu beri keistimewaan ke negeri Perlis, saya tak mahu hendak bercakap lebih, saya tahu istimewa diberi kepada Perlis, maklumlah negeri yang mundur tetapi tolonglah beri istimewa lagi tahun 1977 di Perlis. Apabila kita pergi ke mana-mana kampung mereka tidak meminta letrik, sebab tiap-tiap kampung sudah ada letrik.

Jadi, saya berharap sangat-sangatlah diberi seberapa bolehnya kepada Perlis.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mencari wang. Kita banyak mendapat cukai, menaikkan hasil dan berbagai-bagai lagi. Kadang-kadang kita mengecualikan juga cukai kepada setengah-setengah pengusaha. Jadi,^{***} saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua,

patutlah Kerajaan mengkaji semula pengusaha-pengusaha yang datang dalam Malaysia kita ini ada setengahnya kita mengecualikan cukai sampai lima tahun ataupun kadang kala dilipat ganda sampai lebih daripada itu. Agak saya bukanlah semua ada pengusaha yang mengeluarkan barang-barang tidak begitu bermutu sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan dan ada setengahnya daripada Pegawai-pegawai yang tidak mengambil pekerja-pekerja yang terdiri daripada rakyat Malaysia khususnya dan kalau boleh bumiputra. Dan saya berharap sangatlah juga kepada pengusaha-pengusaha ini kalau bolehnya datang ke Perlis, bukanlah Perlis ini menjadi macam kata orang fanatik, tetapi sebagai sebuah negeri ataupun sebagai seorang manusia ia tentulah ingin juga menambahkan rakyat negeri dia atau menempatkan negeri dia kalau ada sesuatu perusahaan. Janganlah kita ini kata orang kalau satu-satu pengusaha datang ke satu-satu negeri khasnya negeri kita sendiri yang kita rakyat negeri yang berkenaan tidak lain tidak bukan yang diuntukkan kepada kita ialah buruh kasar. Kalau ada jawatan yang istimewa sedikit tidak dapat tidak diberikan kepada orang-orang negeri lain, kadang-kadang orang yang luar daripada Malaysia ini sendiri. Walaupun pada pendapat saya yang agak boleh dilatih kepada penduduk-penduduk tempatan atau anak negeri masing-masing kadang-kadang tidak diambil hirau oleh pihak pengusaha yang berkenaan.

Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berharaplah perkara yang saya katakan tadi kalau tiap-tiap pengusaha negeri yang saya sebutkan tadi, misalnya, di Perlis patutlah diutamakan kepada anak negeri Perlis bukanlah kepada buruh kasarnya sahaja bahkan seboleholehnya daripada atas sampai ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebagaimana yang saya tunjukkan kelmarin selain daripada memaju ataupun meninggikan taraf hidup rakyat bagi semua kaum, dari segi keselamatan amatlah penting. Kita tengok keadaan negara kita hari ini walaupun terkawal sebagaimana disebut oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan sebagainya tetapi kita tidak menafikan keadaan samun, keadaan rompak, kidnap dan sebagainya menjadi-jadi. Pendek kata, dalam suratkhbar jarang

yang kita tidak dengar apa yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu, saya berharaplah kepada Kerajaan supaya mengambil berat betul-betul di atas perkara ini walaupun Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang begitu banyak. Kalau kerana kekurangan pegawai-pegawai sebagaimana Pegawai Polis, patutlah ditambah seberapa banyak yang boleh lagi. Terutama kepada negeri jiran sebagaimana negeri Perlis walaupun negerinya kecil selalu dicakap oleh orang Perlis baik Datuk Menteri Besar inilah juga dirayu, Wakil Rakyatnya inipun dirayu, Wakil Rakyat Kangar pun inilah juga dirayu kerana ini kenyataan. Walaupun negeri Perlis itu sebuah negeri yang kecil, Perlis adalah satu negeri yang menjadi pintu masuk ke Malaysia, maka dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangatlah kepada Kerajaan mengutamakan perkara ini seboleholehnya membanyakkan lagi Pegawai-pegawai Keselamatan dan begitu juga menempatkan askar satu batallion yang telah dijanjikan oleh Kementerian yang berkenaan. Tetapi janji ini, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh kata boleh jadi dijanji kita hendak buat, harus hendak buat kepada tahun hadapan pun kita hendak buat juga, tahun sekali lagi pun hendak buat juga. Perkara hendak ini tidak ditentukan, kata orang kampung kalau kata hendak tanam binjai, boleh jadi sudah bercucu binjai itu tidak ditanam lagi. Jadi, saya berharaplah sangat-sangat bukanlah perkara hendak tetapi tolonglah seberapa yang boleh. Kalau kita kata hendak menempatkan askar di Perlis, tolonglah menempatkan seberapa cepat yang boleh.

Negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi sebuah negeri walaupun kecil tetapi keistimewaannya banyak, terutama fasal buat kebun. Tanahnya cukup menjadi dengan tanahnya dan hasil gulanya pula kita tahu Kerajaan kita sangat berharaplah kepada gula dengan memberi subsidi dan sebagainya. Tetapi malangnya setengah negeri yang besar-besar, saya tidak mahulah sebut, boleh jadi tersinggung negeri-negeri yang lain tidak menjadi sebagai tanah di Perlis. Tetapi malangnya kadang-kadang tanah yang begitu baik harus takut pula hendak ditanam tebu, walaupun gulanya agak baik kerana keselamatannya tidak terjamin. Keselamatannya tidak terjamin, Tuan Yang di-Pertua, selalu berlaku macam mana saya katakan tadi. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangatlah

supaya pihak yang berkenaan mengawasi, betul-betul menambahkan Pegawai-pegawai dan mengambil tindakan yang perlu kerana apa yang patut. Begitu juga macam penyeludupan, kita tidak bimbang penyeludupan kalau kadar beras semata-mata, tetapi yang kita takut kadang-kadang bersama dengan penyeludupan juga dibubuh penyeludupan senjata. Dan kadang-kadang pula penyeludupan ini kita takut ada setengahnya memakai motokar yang besar, Mercedes 280, pakai necktie, dan sebagainya kerap kali saya tidak marah kepada Polis. Dia tidak periksa sangat kalau kereta yang macam itu. Dia hendak periksa kalau kereta itu asapnya banyak keluar, dia tidak peduli M.P. tidak M.P., dia cukup jaga. Kalau kereta itu special, dia pakai corner begitu sahaja. Kadang-kadang kita takut, Tuan Yang di-Pertua, benda yang dibubuh itu yang begitu baik itu dia lepaskan sahaja. Ini yang kita takut sekali. Dengan sebab itu, saya berharap pengawasan ini patutlah diawasi, macam saya kata penyeludupan tadi. Saya terima kasih kepada Polis dan patutlah ditambah lagi kerana kerja Polis ini terlampau teruk. Begitu juga Kastam dan sebagainya.

Saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan penyeludupan ini, dan patut ditangkap. Tetapi yang saya sedih kadang-kadang penyeludupan ini ada dua, tiga jenis. Satu, penyeludupan beras dengan basikal, paling kuat dibawa seguni 28 gantang, dan kadang-kadang ada penyeludupan pakai kapal. Ada penyeludupan pakai lori, yang pakai kapal lagi banyak. Jadi kadang-kadang yang kena tangkap ini yang pakai basikal dan pakai Honda yang membawa tidak lebih daripada 1 pikul 50. Yang pakai lori, pakai kapal ini pakai out sahaja. Perkara ini pun, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap patutlah diawasi betul-betul oleh Kerajaan kita pada hari ini kerana perkara ini sedang berlaku. Kalau dimasukkan beras macam saya katakan tadi, saya tidak bersetuju beras ini masuk banyak kerana dua perkara. Satu, saya takut padi jatuh harga. Yang kedua, saya takut di samping ada beras ada pula pistol dan sebagainya. Kalau kadar padi tidak jatuh harga, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada setengah manusia hendak cari makan. Saya tidak bersetuju kalau Polis tidak tangkap penyeludup dengan menggunakan basikal dan Honda itu. Kalau hendak tangkap pun saya merayulah tangkap yang pakai lori, yang pakai kapal laut yang ada

dalam laut Kuala Perlis dan Kuala Kedah di mana yang patut benda ini diawasi betul-betul. Kesihankan hamba Allah itu, kalau tidak tangkap orang tidak baik, tetapi tolonglah ada satu sifat apa kata orang peri kemanusiaan kepada hamba Allah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya berkenaan dengan sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah ini di negara kita bertambah maju. Kadang-kadang satu darjah budak-budak sampai 50 orang lebih. Jadi kalaulah satu darjah sampai 50 orang lebih, Tuan Yang di-Pertua, kalau dihitung panjang guru-guru memberi perhatian kurang sangat kepada murid-murid. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat kepada Kementerian yang berkenaan walaupun kita kekurangan wang, hendak buat sekolah semua orang suka buat cantik lagi baik, tetapi kalau sudah kurang sangat wang, buat tidak cantik pun tidak mengapa asalkan budak-budak kita teratur sedikit. Janganlah sekolah terlampau elok, 50 orang murid tidak cukup darjah, tidak cukup kelas, murid 50 orang satu guru, kadang-kadang guru itu lena dengan murid. Jadi biarlah dihadkan kadar berpatutan. Budak-budak kita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan merayulah patutlah diberi banyak lagi pelajaran-pelajaran pengetahuan am. Sebab saya percaya, saya dan banyak kawan-kawan yang lain semalam sama-sama menyaksikan "Kuiz Perpaduan" yang telah diadakan oleh TV Malaysia. Saya setuju bila ditayangkan tiga gambar: satu gambar Ketua Menteri Sarawak, satu gambar Ketua Menteri Sabah, dan yang saya merasa hairan gambar Menteri Penerangan sendiri tidak diketahui oleh murid-murid yang berkenaan oleh ketiga-tiga buah sekolah itu. Apabila saya tengok keadaan itu, saya merasa hairan murid-murid sekolah menengah tidak tahu gambar Menteri Penerangan sendiri. Ini tiga sekolah yang mengambil bahagian dalam Kuiz Perpaduan di TV itu. Saya bukan hendak cabar tetapi ini menunjukkan kekurangan pengetahuan am yang ada pada pelajar-pelajar kita. Begitu juga setengah-setengah pegawai-pegawai, kebanyakan mereka ini bukannya tidak baik, banyak yang baik dan banyak yang pandai. Kadang-kadang dia tak tahu mana-mana satu. Biasanya, kalau motokar kita bertulis crest semacam ini, dia hairan. Katanya, teksi ini hendak pergi kemana. Dia tengok crown di hadapan kereta, dia tak peduli crown. Dia

kira teksi, sebab kereta itu selekeh sangat. Jadi banyak pejabat-pejabat lain dan pegawai-pegawai lain yang setengahnya saya dapati tempat-tempat security yang kita hendak masuk, beginilah keadaannya. Kadang-kadang kita sendiri tersenyum akan keadaan pegawai-pegawai kita yang setengahnya tidak ada kursus sivik dan sebagainya. Saya harap perkara-perkara yang saya katakan tadi untuk membaiki negara kita lagi patutlah diawasi dan patutlah ditambah apa yang kurang supaya dapat diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Perlis sebuah negeri yang sangat kecil, peruntukannya akan ditambah dengan begitu banyak, jadi saya berharaplah segala rancangan-rancangan ini dapat dijalankan mengikut masa yang telah ditetapkan, sebabnya saya kata begitu kadang-kadang kita akan diberi wang yang banyak, tetapi kalau masa yang akan diberi itu tidak tepat pada masanya, kadang-kadang wang itu tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Dalam Dewan yang mulia ini selalu saya merayu, dan selalu saya bercakap, katakanlah hendak beri satu peruntukan yang sepatutnya dibuat pada bulan April. Saya tahu Kerajaan kita akan mendapat cukai, tetapi wang yang berkenaan kadang-kadang bulan Ogos baharu dapat. Apabila wang itu didapati pada bulan Ogos datanglah kehendak Tuhan seperti hujan dan sebagainya, maka tempat-tempat yang hendak dibuat tadi tidak boleh dijalankan dengan sempurna. Dengan sebab itu segala rancangan yang akan memakan belanja tidak lebih daripada \$4,000 terpaksa digunakan sampai \$8,000. Kalau pihak yang membuat itu pemborong maka pemborong akan menanggung kerugian, dan kalau pihak yang membuat itu Kerajaan sendiri maka kadang-kadang bertaburan batu dan sebagainya yang tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Saya merayu sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, segala peruntukan yang akan diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebagaimana saya sebutkan tadi seboleh-bolehnya tolonglah diberi pada satu masa yang telah diminta oleh Kerajaan, janganlah sampai dekat dengan akhir tahun, barulah wang yang berkenaan akan diberi, maka dengan sebab itu barulah dapat segala rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini berjalan dengan baik dan memuaskan.

4.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Usul yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah sambungan kepada Rancangan Malaysia Kedua yang telah membawa rahmat kepada rakyat Malaysia dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Pengalaman dan pengajaran yang diperolehi daripada Rancangan Malaysia Kedua akan dapat membimbing kita untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dengan lebih sempurna lagi. Rancangan raksaksa ini akan membelanjakan sebanyak \$44.2 juta bagi tempoh lima tahun sehingga tahun 1980 bagi membangunkan negara ini di dalam semua lapangan berdasarkan Dasar Ekonomi Baru yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyusun Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang terkandung di dalam Buku Hijau ini sangatlah mengembirakan rakyat negeri ini. Rakyat menaruh penuh kepercayaan kepada Kerajaan agar apa yang digariskan di dalam buku ini akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jaya. Kita tahu di samping Kerajaan mahu membangunkan negeri ini di sana ada satu perkara yang selalu diawasi iaitu keselamatan negara, kerana dalam masa 5 tahun yang akan datang cabaran dalam bidang ini tidaklah dapat diketepikan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

“Bahawa menerusi kegiatan subversif dan keganasannya pengganas-pengganas komunis cuba menghancurkan perpaduan rakyat dan cara hidup kita.”

Walaupun demikian kita penuh percaya bahawa halangan itu akan dapat diatasi oleh pihak Kerajaan memandangkan kepada perhatian yang berat diberi oleh Kerajaan kepada Pasukan-pasukan Keselamatan kita dan semangat Pasukan Keselamatan kita adalah sangat tinggi; ditambah pula dengan sokongan yang telah diberi oleh seluruh rakyat negeri ini yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan bagi menjalankannya untuk kepentingan dan demi keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri kita sanggup memikul senjata demi memper-tahankan negara ini dari jatuh ke tangan orang lain seperti kata Nabi:

“Cintakan tanahair setengah daripada iman.”

Merujuk kepada Rancangan Malaysia Ketiga yang mana belanja yang akan dicurahkan sebanyak \$44.2 juta, tetapi bukan semuanya itu datang dari sektor awam. Ianya hanya sebanyak \$18.6 juta sahaja, manakala sektor swasta akan berbelanja sebanyak \$26.8 juta.

Saya ingin membicarakan tentang kejayaan kedua-dua sektor ini, dalam pengalaman kita di dalam masa menjayakan Rancangan Malaysia Kedua bahawa tidak semua yang kita rancangan itu berjaya mengikut yang kita kehendaki, walaupun boleh kita katakan tidak semuanya, ada yang gagal. Di sinilah perlu kita ambil perhatian supaya di masa yang akan datang segala yang dirancang itu akan lebih berjaya lagi.

Dalam bidang pembangunan dan melaksanakannya apa yang dirancang, saya nampak ada beberapa kesulitan iaitu:

- (i) Tidak cukup tenaga jentera Kerajaan.
- (ii) Tidak cukup alat-alat untuk menjalankan kerja.
- (iii) Kelemahan pegawai menjalankan pengurusan.
- (iv) Koordinasi antara Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kadang-kadang tidak memuaskan.
- (v) Perlantikan orang yang bukan pada tempatnya.

Dalam hal ini suka saya menyebut lebih jelas sedikit iaitu dalam perkara tidak cukup tenaga jentera, maksud saya ialah kekurangan kakitangan. Kadang-kadang seorang pegawai mengawasi kerja yang terlampau banyak sehingga beliau dipenuhi oleh program-program khasnya program-program mesyuarat. Untuk menjalankan kerja dengan lebih berkesan tidaklah dapat, kerana semua perkara hendak dijalankan dan akhirnya semua perkara tidak dapat dibereskan.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang hanya memarahi pegawai sahaja, tetapi saya fikir itu pun tidak betul, kalaulah dengan keadaan seperti apa yang saya katakan, maka siapa pun tidak dapat menyempurnakan kerja. Jadi dalam hal ini, apa

yang diperlukan ialah menambahkan tenaga pegawai mengikut sewajarnya sesuai dengan apa yang kita kehendaki. Apatah lagi dalam bidang teknik kita dapati di sana-sini projek tertangguh, terbantut, ialah disebabkan kekurangan tenaga teknik. Kita bertanya Jabatan Kerjaraya, mengapa bangunan ini tidak siap. Mengapa jabatan ini tidak siap mengikut jadualnya. Jawabnya ialah kerana kekurangan tenaga teknik. Demikian juga dalam beberapa projek yang lain. Bila saya menyebut Jabatan Kerjaraya, saya ingin mengatakan bahawa Jabatan ini sungguh berat tanggungjawabnya. Segala bangunan, segala pembangunan yang dipunyai oleh orang lain, tetapi ia menjadi bertanggungjawab, sedangkan ianya mempunyai kekurangan pegawai yang sangat banyak.

Saya ingin menyarankan agar pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan harus mengkaji dengan teliti dalam hal ini, juga pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pihak Perbendaharaan yang mana kesemuanya ini ada kaitan di antara satu sama lain. Kerana membiarkan pegawai-pegawai teknik yang telah kita latih itu lari ke tempat lain adalah merupakan satu kelemahan yang harus diperbaiki dengan segera demi pembangunan kita di masa hadapan.

Berhubung dengan tidak cukup alat-alat untuk menjayakan rancangan itu ialah disebabkan kekurangan persediaan kita sebelum kita melancarkan sesuatu rancangan. Kalau dalam Rancangan Malaysia Kedua ada beberapa perkara yang dirancang dan diluluskan, masih belum dilaksanakan, kadang-kadang yang diluluskan pada tahun 1973 tetapi sehingga sekarang ini pun masih belum dapat dinikmati oleh rakyat. Banyak boleh saya sebutkan dalam hal ini seperti projek letrik, jalanraya dan bangunan-bangunan yang belum pun siap sehingga hari ini. Banyak berlaku, bukan satu sahaja dan di tempat saya sendiripun ada juga kejadian berlaku seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan kelemahan pegawai-pegawai kita dalam menjalankan kerja, saya tidaklah mengatakan semua tetapi ada sebahagiannya. Sebahagian ini pun amat mustahak juga kerana seorang pegawai pun kalau sekiranya lemah dalam menjalankan kerja, ertinya kegagalan bagi beberapa projek yang telah dirancang oleh Kerajaan. Saya tidak mahu menerangkan lebih lanjut dalam hal ini, cuma

saya ingin menyatakan bahawa banyak daripada pegawai-pegawai kita yang perlu diorientasikan dengan semangat pembangunan yang benar-benar. Lebih tegas saya sebutkan bahawa ada setengah-setengah pegawai kita yang kurang mempunyai inisiatif dalam menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan kepadanya dan ada yang kurang semangat motivation dan semangat yang berdedikasi dalam menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah satu perkara yang besar yang perlu difikirkan oleh semua pihak yang berkenaan.

Dalam bidang kerjasama antara jabatan-jabatan Kerajaan, saya rasa ini satu perkara yang sangat perlu dititik-beratkan, sebab pembangunan negara ada kait-mengait antara satu jabatan dengan jabatan yang lain. Kita tidak suka satu jabatan bertindak hanya mengikut pandangan jabatannya sahaja dengan tidak memikirkan kepentingan jabatan yang lain. Kadang-kadang projek itu tergendala, lambat untuk dijalankan disebabkan kerjasama antara satu dengan lain tidak sempurna, misalnya sebuah bangunan tidak dapat dijalankan dengan sebab tanah belum diselesaikan. Demikianlah juga hal-hal yang lain yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang kerjasama antara jabatan-jabatan ini, saya ingin menekankan kadang-kadang kita sendiri tidak selaras dalam menuju ke arah kejayaan pembangunan seperti kita menubuhkan satu perbadanan, misalnya MARDI, NISIR, SIRIM dan lain-lain tetapi tidak banyak hasil-hasil yang dicipta oleh SIRIM, NISIR dan MARDI disalurkan kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan dijalankan oleh mereka. Ini saya rasa kurang memuaskan dan yang paling mendukacitakan ada satu perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membuat satu barang seperti kotak atau tin, tetapi ada satu perbadanan yang lain yang memerlukan tin itu mengadakan pengkongsian dengan syarikat yang bukan Kerajaan, kerana kononnya harga barang itu lebih murah 5 sen atau 2 sen daripada yang dibuat oleh perbadanan Kerajaan. Ini bererti kita tidak ada koordinasi antara satu badan dengan perbadanan yang lain, lepas itu kita bersungut tentang kegagalan perbadanan

yang ditubuhkan itu. Saya rasa pada masa akan datang perkara seperti ini tidak harus berlaku lagi. Saya fikir dengan adanya Kementerian Perbadanan Awam, maka Kementerian ini patut dapat menyelaraskan antara satu perbadanan dengan perbadanan yang lain dan kalau boleh apa yang dicipta oleh sesuatu perbadanan itu hendaklah diketahui oleh perbadanan yang lain yang boleh membuat hubungan daripada satu masa ke satu masa untuk faedah rakyat dan negara ini.

Berkaitan dengan perlantikan orang yang bukan pada tempatnya, ini memang satu perkara yang besar juga yang perlu diambil perhatian agar pada masa akan datang tidak berlaku perkara itu lagi. Kadang-kadang seorang itu dilantik menjadi Pengurus Besar, kerana beliau lebih sesuai pada pandangan dari segi politik dan dari segi yang lain. Demikian juga seperti jawatan yang lain dalam satu-satu perbadanan, sedangkan kebolehan dan keupayaannya untuk mengendalikan perbadanan itu tidak boleh diketaraikan. Jadi saya harap perkara seperti itu tidak akan berlaku, kerana belanja yang dicurahkan adalah hasil daripada pemberian rakyat, cukai yang dipungut daripada rakyat dan rakyat mahu melihat kejayaannya di masa hadapan sesuai dengan hasrat yang dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Rancangan Malaysia berdasarkan Dasar Ekonomi Baru, maka suka saya menyebutkan tentang pelaburan yang akan datang untuk rancangan tersebut, kerana sebahagian besarnya adalah datang daripada sektor swasta, yang bererti pihak sektor swasta benar-benar dapat memainkan peranannya. Soalnya sebab Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga berdasarkan Dasar Ekonomi Baru, maka saya ingin membangkitkan masalah sambutan daripada swasta. Apakah pihak swasta benar-benar menyambut Dasar Ekonomi Baru itu dengan hati yang tulus ikhlas, dengan perasaan yang benar-benar jujur kepada negara ini demi perpaduan negara. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, saya nampak kejayaan bumiputra dalam bidang perdagangan kurang memuaskan, hanya dalam syarikat-syarikat persendirian 2.3% sahaja dimiliki oleh bumiputra, yang bererti terlampau sedikit pertambahannya

dalam bidang ini semenjak 5 tahun yang lalu, kalau dibandingkan dengan kejayaan-kejayaan yang lain dalam masa yang sama, dan kalau dalam masa yang akan datang keadaannya seperti itu juga, maka keadaannya tidak memuaskan. Sebab itulah saya ingin menekankan tentang sambutan mereka, sambutan swasta terhadap Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Apakah sambutan mereka panas atau sejuk? Kalau sambutan mereka panas, maka kejayaannya panas juga. Sebaliknya kalau sambutan mereka sejuk, maka kejayaannya adalah sejuk juga.

Selain daripada itu satu contoh dalam bidang kilang papan, misalnya. Daripada 525 kilang papan itu walaupun pada namanya sebahagian besarnya permohonan adalah bumiputra, tetapi saya yakin dan saya lihat tidak sampai 5% yang benar-benar dipunyai oleh bumiputra, yang lain itu adalah dimiliki oleh bukan bumiputra, dan bumiputra hanya menjadi pengerusi (chairman), menjadi pekerja dalam syarikat itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak menyalahkan kepada bumiputra yang berkenaan kerana mengikut apa yang saya tahu pihak bumiputra telahpun berhempas pulas untuk menjadikan dirinya aktif dalam syarikat-syarikat ini tetapi biasanya pertarungan dari dalam adalah sangat kuat, akhirnya bumiputra menerima sahaja apa yang ada. Tambahan pula bumiputra ini kebanyakannya kurang modal dan kurang pengalaman dalam bidang ini. Sebab itulah saya ingin meminta Kerajaan supaya perkataan kerjasama, jujur syarikat swasta untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini haruslah ditekankan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit berkaitan dengan badan-badan berkanun yang telah diperuntukkan sebanyak \$1,400 juta iaitu bagi MARA, UDA, PERNAS dan sebagainya. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada pihak Kerajaan, Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan yang telah menjayakan ataupun meletakkan modal sebegitu banyak untuk menjayakan badan-badan yang akan menolong bumiputra dalam lapangan perdagangan. Di samping itu saya ingin mencadangkan agar badan-badan ini hendaklah menjadikan dirinya sebagai badan yang benar-benar berjaya dan benar-benar

menguntungkan yang pada masa akan datang akan dapat diambil alih oleh pihak bumiputra yang pula menyambung di atas keuntungan-keuntungan itu. Saya tidak mahu syarikat-syarikat ataupun anak-anak syarikat yang dikendalikan oleh badan-badan ini gagal ataupun menempuh kerugian setiap masa. Saya tidak mahu dan saya rasa rakyat dan pihak pentadbir-pentadbir sendiri tidak mahu kejadian-kejadian di mana sebuah Perbadanan tiap-tiap tahun mengalami kerugian dan ditambah daripada wang lain untuk menjayakan syarikat itu. Misalnya, saya bandingkan sahaja kalau syarikat kenderaan kita dapat melihat hari-hari bas penuh dinaiki penumpang-penumpang (passengers) tetapi penyata tahunan—rugi. Soalnya? kenapa banyak masalaah-masalaah yang perlu dikaji, sama ada tayar orang lain biasa pakai 6 bulan, kita pakai 3 bulan atau sebagainya. Ini sebenarnya perlu ditekankan ialah pengawalan, pengawasan di atas syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh badan-badan dan perbadanan Kerajaan ini biar benar-benar berjaya, biar benar-benar menghasilkan sebagaimana yang kita kehendaki. Saya tidak banyak mahu membawa contoh dalam hal-hal ini, cuma saya ingin menekankan ialah pengawalan kepada anak-anak syarikat, perbadanan-perbadanan ini harus dikuatkuatkan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan kerana memperuntukkan wang sebanyak \$200 juta bagi Tabung Pelaburan Bumiputra, dan ini saya rasa adalah sebagai menyambut hasrat Kongress Ekonomi Bumiputra yang telahpun meminta agar Kerajaan buat sementara mengadakan Tabung Pelaburan seperti ini dan Alhamdulillah, hari ini kita dapat melihat Kerajaan telahpun menjalankan usahanya iaitu mengwujudkan \$200 juta bagi Tabung yang tersebut. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan agar pihak Tabung ini membeli saham-saham yang diuntukkan bagi bumiputra dengan cara yang bijak dan berjaya. Saya ingin menyebut ini kerana bimbang kalau wang kita ini kita laburkan kepada satu syarikat yang hampir-hampir hendak mati, kemudian dengan wang kita ini kita taruh di dalam syarikat itu dia hidup dan kita tinggal dengan keadaan pemegang saham sahaja, saya lebih gembira sekiranya pihak Tabung Pelaburan Bumiputra ini dapat membeli saham-saham dengan jumlah, dengan had yang tertentu supaya bumiputra

dapat aktif dalam bidang-bidang yang tersebut yang akan dapat diikuti oleh rakyat bumiputra dimasa kemudiannya. Walau bagaimanapun, saya penuh percaya dan penuh yakin bahawa pihak pentadbiran pelaburan ini akan benar-benar mengawasi supaya apa yang saya katakan ini akan dapat berjaya.

Berkaitan dengan penglibatan bumiputra dalam lapangan perdagangan, suka saya menarik perhatian agar ditumpukan ke arah melatih bumiputra yang telahpun menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, seperti pekedai-pekedai runcit, penjaja dan kontraktor-kontraktor kecil, kerana selama ini banyak di antara mereka hanya belajar di atas kakinya sendiri dan sebahagian daripada mereka juga belajar daripada kaum China yang telah mengambil mereka bekerja di kedai-kedai mereka. Tidak kurang juga daripada penjaja-penjaja ataupun peniaga-peniaga kecil bumiputra ini yang telah belajar daripada kaum China. Cuma apa yang saya ingin menyebut di sini ialah supaya orang-orang yang telah ada asas kemahiran, asas perniagaan ini dilatih lebih baik lagi, lebih bersistem lagi supaya dapat mereka melangkah di masa hadapan untuk mencapai perniagaan yang lebih besar, lebih maju dan lebih berat. Jika tidak dilatih maka sudah tentu dia tidak akan berbuat dengan apa yang kita katakan. Sekarang banyak kita latih hanya daripada anak-anak yang keluar daripada sekolah-sekolah sedangkan mereka apakala tamat latihan bukan hendak menjalankan perniagaan, tetapi mereka terus mencari pekerjaan di firma-firma, di syarikat-syarikat yang telah ada. Ini tidaklah dapat kita mewujudkan kaum perniagaan yang berjaya di kalangan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini ingin saya menyebut sedikit tentang perbadanan Kerajaan yang kadangkala bertanding dengan syarikat bumiputra sendiri untuk mengambil tender. Jadi saya harap pada masa yang akan datang pihak yang berkenaan harus mengawasi supaya pertandingan antara perbadanan Kerajaan dengan syarikat bumiputra tidak akan berlaku lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan tentang satu panduan (guideline) perlu diwujudkan yang dapat diikuti oleh Jabatan-jabatan Kerajaan

bagi menolong bumiputra dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada setengah-setengah Jabatan seperti Jabatan Kerja Raya (J.K.R.) dan ada Jabatan lain yang telah memberi guideline tentang syarikat bumiputra yang harus diberi tender, bagaimana keutamaan diberi dan lain-lainnya. Tetapi tidak semua Jabatan Kerajaan berbuat demikian, sehingga kadang-kadang menimbulkan pertikaian antara Jabatan Kerajaan dengan pihak Perbendaharaan dalam pemberian tender. Ini tidak sewajarnya. Kadang-kadang pihak Perbendaharaan mengatakan bahawa sewajarnya pihak Kementerian memberi tender kepada angka seperti ini, tetapi pihak Kementerian mengatakan bahawa ia memberikan penender yang setinggi ini oleh sebab bumiputra. Timbul kurang persefahaman dalam bidang angka. Jadi saya rasa semua Kementerian harus ada panduan, guideline, bagaimana mereka dapat menolong bumiputra dalam lapangan perdagangan mengikut saluran Jabatan masing-masing supaya bukan sahaja dapat menolong bumiputra, juga dapat mengimbangkan, menyelaraskan fahaman antara pihak Jabatan dan Perbendaharaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan langkah Kerajaan memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang mundur seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Saya kira langkah ini adalah satu langkah yang bijak kerana sampai bilakah negeri ini tetap mundur sekiranya tidak dibantu lebih. Jika mahu bertanding dengan negeri-negeri yang telah maju, sudah tentu tidak akan dapat sekiranya tidak diberi keutamaan dalam peruntukan negara seperti apa yang ada di hadapan kita ini. Ada suara-suara meminta supaya bilangan rakyat dihitungkan dalam pemberian-pemberian peruntukan. Saya berpendapat, itu tidak sesuai. Sebab kalau bilangan rakyat diperhitungkan, sudah tentu negeri-negeri yang telahpun maju yang mempunyai rakyat ramai sahaja yang akan dapat banyak peruntukan. Sedangkan negeri-negeri yang mundur yang rakyatnya sedikit tetapi tanahnya luas, kawasannya luas yang boleh diterokai dan boleh rakyat-rakyat lain pergi kesana untuk membuka rancangan-rancangan yang dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya harap pihak Kerajaan tidak memikirkan masaalah ini bahkan terus berjalan mengikut yang ditentukan oleh pihak Kerajaan dalam memberikan peruntukan kepada negeri-negeri yang mundur itu. Cuma sedikit sahaja ingin saya sebutkan, ialah tentang keupayaan Kerajaan-kerajaan itu melaksanakan peruntukan yang diberi. Adakah berjaya atau tidak dan adakah machinery ataupun jentera yang ada di negeri-negeri itu cukup atau tidak. Saya amat gembira pihak Kerajaan mahu menambahkan tenaga di peringkat-peringkat negeri. Sebab di masa yang lalu, ada kegagalan yang mana disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang tertentu. Saya boleh beri contoh: satu jalan di antara Marang, Trengganu dengan Wakaf Tapai—sepanjang 15 batu, jalan negeri tidak dapat dijalankan walaupun telah habis Rancangan Malaysia Kedua, tidak dapat berjaya. Dan sekarang hanya ditentukan sebatu setahun yang dapat dibina. Jalan itu sepanjang 15 batu yang akan memakan masa 15 tahun. kenapakah jadi begini? Kerana kekurangan tenaga. Jadi pada masa yang akan datang, saya harap jentera-jentera ini harus dibetulkan dan tambahkan demi pembangunan dan untuk menjayakan rancangan Buku Hijau (R.M.T.) kita ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyambung sedikit lagi

Tuan Yang di-Pertua: Setengah minit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh sebab setengah minit, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menggulung sahaja ucapan saya, iaitu dengan buku yang indah ini, yang dibentangkan di depan Majlis yang mulia ini, ternyata keupayaan yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan bagi membangunkan negeri ini. Cuma yang saya ingin menekankan lagi ialah pihak Jabatan Penerangan harus dapat benar-benar memainkan peranannya agar sambutan rakyat terhadap Rancangan Buku Hijau atau Rancangan Malaysia Ketiga ini benar-benar ada. Dan bukan setakat itu, sokongan daripada rakyat kepada Kerajaan kita akan benar-benar didapati. Jangan kita membangunkan rancangan-rancangan, lepas itu dia duduk di dalam rancangan; dia menentang Kerajaan balik. Kejadian ini disebabkan kerana tidak kuatnya Jabatan-jabatan Penerangan, apatah lagi dalam

bidang ugama yang tidak disalurkan dengan bersungguh-sungguh dan pengetahuan yang benar-benar terhadap rakyat negeri ini. Jadi saya cadangkan supaya hal ini harus dititik-beratkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan pada masa yang akan datang.

4.35 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang di hadapan Majlis ini yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Di sini saya sukacita mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita atas pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga. Satu Rancangan raksaksa yang begitu comprehensive dan berani supaya memperbetulkan keadaan yang tak seimbang baik dari segi social atau dari segi ekonomi yang wujud di antara semua kaum di negara ini. Pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga ini membuktikan keazaman berat Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat. Ia menunjukkan juga bahawa Kerajaan kita bukan cakap kosong sahaja tetapi sebaliknya telah mengemukakan dengan bersungguh-sungguh demi untuk rakyat jelata Malaysia.

Saya tidak ada sebarang keraguan bahawa rancangan-rancangan yang disediakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah adil dan saksama. Tetapi walau bagaimanapun matlamat-matlamat Kerajaan hanya dapat dicapai sekiranya Rancangan-rancangan yang dimaksudkan adalah dilaksanakan dengan kejujuran dan kesetiaan oleh para pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Kerajaan dari kumpulan yang berpangkat tinggi hingga kumpulan yang berpangkat rendah.

Memang benar bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan boleh menentukan dasar-dasar negara tetapi hanya kakitangan Kerajaan sahaja mempunyai kunci kepada Perjalanan dasar-dasar itu untuk melaksanakan dengan penuh hasrat-hasrat Kerajaan supaya dapat menunaikan aspirasi-aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar, bahawa kebanyakan jawatan-jawatan tinggi di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan serta Jabatan-jabatan Berkanun adalah dipegang oleh pegawai-pegawai kaum Bumiputra. Oleh itu adalah kemungkinan besar pegawai-pegawai

tersebut dalam usaha mereka untuk memperbetulkan keadaan sosial dan ekonomi yang tidak seimbang di negara ini memilikasih terhadap satu bangsa tertentu. Perbuatan demikian akan menimbulkan perasaan yang wasangka dan ketidak puas hati di dalam kalangan pegawai-pegawai yang bukan Bumiputra. Saya yakin pegawai-pegawai bukan Bumiputra tidak bersungut atas dasar Kerajaan untuk memberi segala pertolongan serta peluang kepada pegawai-pegawai kaum Bumiputra supaya dapat mengurangkan jurang perbezaan di dalam kedudukan sosial dan ekonomi. Tetapi saya merayu kepada Kerajaan memberi perhatian berat juga kepada kaum yang bukan Bumiputra. Dengan cara ini mereka akan merasa lebih gembira kerana mereka sedar bahawa Kerajaan kita tidak melupakan jasa mereka juga di dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Perkara ini penting kerana pencapaian matlamat-matlamat Kerajaan, matlamat-matlamat negara terpulang kepada kedua-dua golongan pegawai bekerjasama dengan rapat dan bersemangat dedikasi untuk menjalankan jentera pentadbiran Kerajaan dengan berkesan dan licin, dan di mana terdapat unsur-unsur ketidak puas hati, saya berharap Kerajaan kita akan mengambil langkah yang sesuai untuk menghapuskan perasaan itu dengan segera supaya ianya tidak merebak dan meresap masuk ke dalam struktur perkhidmatan Kerajaan kerana ini akan melemahkan semangat pegawai-pegawai Kerajaan. Di sini biarlah saya menerangkan iaitu saya membangkitkan perkara tersebut dengan niat yang baik kerana saya seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, janganlah di silap faham tujuan saya nanti.

Saya merasa gembira, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ketika mengemukakan usul pada 19hb Julai, 1976 telah mengakui bahawa pada masa yang lalu kesilapan memang ada berlaku seperti cabutan ucapan beliau :

“Let us learn from our past mistakes so that we may improve on our future performance.”

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kaum bukan bumiputra masih was-was lagi sama ada Kerajaan adakah adil dalam mengisikan kekosongan yang ada di perkhidmatan Kerajaan atau perkhidmatan jabatan berkanun dan di dalam agensi-agensi Kerajaan. Begitu

juga dalam hal pelajaran, khususnya mengenai pengambilan pelajar-pelajar masuk dalam Institusi-institusi Pelajaran Tinggi dan pembahagian wang pemberian (grants) kepada bangunan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar serta kampung-kampung China.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta dari semasa kesemasa di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan menambahkan wang pemberian (grants) untuk bangunan sekolah-sekolah di Kawasan Bukit Mertajam, khususnya di Kampung Baru, Juru Machang Buboh dan Berapit. Walaupun peruntukan wang melebihi \$16 juta khasnya bagi tahun 1976 sebagai peruntukan bagi bangunan-bangunan sekolah rendah dan menengah, tetapi dukacita keadaan sekolah-sekolah masa ini yang terdapat di kampung-kampung baru masih dalam keadaan struktur yang sama seperti yang ada semenjak 20 tahun dahulu.

Parti M.C.A. telah dituduh kerana tidak memperjuangkan faedah kaum China dalam pembangunan negara. Dalam pada ini ada sungutan bahawa walaupun lebih daripada 20,000 keluarga telah menikmati faedah daripada Sekim-sekim FELDA, kaum China tidak mendapat peluang yang luas untuk menyertai rancangan FELDA itu. Walaupun ada sedikit keluarga China telah diterima untuk ke dalam sekim tersebut tetapi mereka telah dapati suasana social yang ada di sekim itu tidak menyenangkan hati mereka. Dengan itu kaum China telah tertinggal jauh belakang. Saya berharap Kerajaan kita dapat menimbangkan supaya mencampurkan dengan seboleh-bolehnya keluarga-keluarga dari berbagai kaum untuk menjayakan rancangan FELDA itu.

Berkenaan dengan pertahanan negara kita, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa penyertaan secara aktif kaum China kurang memuaskan dalam aspek itu. Pemimpin M.C.A. semasa berucap di Perhimpunan Agong M.C.A. pada tahun yang lepas telah menyatakan dengan tepat dan berat bahawa kaum China memang sedia membuktikan kesetiaan mereka kepada negara sekiranya Kerajaan memberi peluang yang lebih kepada mereka untuk berkhidmat di dalam Tentera Darat, Laut, Udara ataupun Polis. Banyak pegawai-pegawai China di dalam Tentera Laut, Udara dan Polis telah menunjukkan kemampuan serta kesetiaan mereka yang tidak berbelah-bagi ketika menjalankan tugas mereka dan saya menggesa Kerajaan supaya

bersifat adil dalam perkara memberi kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai itu berdasarkan kepada merit mereka. Peluang yang sama untuk kenaikan pangkat dan latihan serta kemudahan-kemudahan lain harus dibahagikan dengan adil dan saksama kepada pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan Kerajaan yang lain supaya mereka dapat memberi sumbangan positif dalam pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berucap sedikit sahaja dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Tan Cheng Bee: (*Dengan izin*) Sir, the role of the Government servants must be made clear in this respect. They must be sincere, impartial and just in carrying out the policies set out in the Third Malaysia Plan. They must on no account make any false interpretation of the policies and wherever there is any doubt in any particular matter, it is expected that they make reference to the Minister responsible or to the Prime Minister to clear such doubt. It must be the duty of the Government servants at all levels to remove uncertainties and inconsistencies in implementing these policies. Through the dedicated and faithful discharge of their duties according to the tenets of Rukunegara and combined with the co-operative efforts of contented and true Malaysians, the goal envisaged in this Plan could well be achieved.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya menyokong usul ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

4.46 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, buku yang mengandungi panduan Rancangan Malaysia Ketiga ini ada 504 muka, tidak termasuk segala lampiran-lampirannya. Sesudah saya membacanya dan mendengar huraian yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya percaya bahawa hasrat Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga bagi faedah rakyat adalah hasrat yang baik dan jujur dan saya berdiri menyokong perancangan Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata di dalam usulnya bahawa Dewan yang mulia ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua, saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sedar-sedarnya akan adanya jua di dalam usaha Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua beberapa kegagalan dan juga beberapa penyelewengan serta beberapa kerumitan. Baiklah kita, Tuan Yang di-Pertua, jangan hanya memandang kepada kemajuan dan kejayaan tetapi hendaklah juga kita menyedari segala kerumitan dan kegagalan-kegagalan pada masa-masa yang lampau supaya perkara-perkara ini dapat dielakkan masa menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga.

Di manakah letaknya kegagalan yang dimaksudkan itu. Siapakah yang bertanggungjawab dan di manakah penyelarasan yang tidak berjalan dengan memuaskan. Adakah letaknya diperingkat Pusat atau Negeri atau daerah ataupun di peringkat mukim. Saya berpendapat bahawa peringkat yang mustahak untuk menjalankan rancangan-rancangan yang diatitkan oleh Kerajaan ialah peringkat daerah.

Di sinilah pula kerap berlaku kegagalan yang membawa kepada perasaan tidak puas hati dan perasaan yang dibawa oleh rakyat yang mendatangkan jua kerumitan kepada Wakil-wakil Rakyat kerana Wakil-wakil Rakyat terpaksa mempertahankan Kerajaan di masa perkara-perkara ini dibawa oleh rakyat dan melindungi apa jua kelemahan-kelemahan yang terjadi di dalam kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, jika dipandang kepada keadaan masa-masa yang lampau bolehlah dikatakan bahawa perkara ini terjadi adalah kerana pada pendapat saya; pertama, pegawai-pegawai di peringkat daerah ragu-ragu membuat keputusan dan kerana selalunya decision-making ini diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun kepada Exco Negeri, maka banyak rancangan-rancangan yang boleh dijalankan terpaksa terhenti kerana menunggu keputusan daripada pihak atasan.

Kedua, pegawai-pegawai daripada daerah mahupun daripada Jabatan Kerjaraya, Jabatan Parit dan Taliair, MARA, MARDI, FAMA dan sebagainya yang didapati mempunyai kebolehan yang luar biasa ataupun kecakapan kerap ditukar ke Jabatan-jabatan di Kementerian. Ini membawa satu anggapan (false concept) bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat di peringkat daerah yang tidak dipilih untuk ditukar ke Jabatan-jabatan di Kementerian adalah mereka yang tidak ada mempunyai masa hadapan yang cerah dan mereka yang tidak ada peluang untuk naik ke peringkat yang lebih tinggi, pendek kata they are the drop-outs.

Ketiga, saya berpendapat pegawai-pegawai yang bekerja sebagai Penolong Pegawai Daerah ataupun Penolong (Pembangunan) Pegawai Daerah ataupun Jurutera Kerjaraya, Parit dan Taliair, Jurutera Jabatan Kerjaraya, Lembaga Letrik Negara dan sebagainya di peringkat daerah kebanyakannya adalah daripada graduate universiti yang baru diambil dan ditukarkan di daerah-daerah untuk memegang jawatan pada kali yang pertamanya. Golongan graduate universiti ini menganggap bahawa perkhidmatan di daerah adalah semata-mata satu latihan ataupun tempat mereka berlatih dan sesudah 6 bulan, setahun atau dua tahun mereka akan ditukarkan pula ke daerah lain atau ke Kementerian.

Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang biasa didapati ialah pegawai-pegawai ini menunggu masa (mark time) dan perkara-perkara yang disampaikan kepada mereka tidak diberi layanan atau mereka hanya menyapu sampah di bawah tikar (sweeping the dust under the carpet). Ini benar berlaku. Bukti boleh didapati di mana-mana daerah sahaja, tidak boleh dinafikan-nafikan. Dengan adanya bertambah-tambah dan bertimbun-timbun fail yang mengandungi beberapa perkara seperti menukarkan tanah, meminta hakmilik tanah, permohonan tukar syarat, permohonan untuk mendapat tanah dan sebagainya-lagi lagi yang tidak disentuh; disimpan sahaja. Apabila pegawai yang baru ini ditukarkan, keadaan itu terus berlaku. Rakyat menggelisah kerana tidak puas hati dan Wakil Rakyat yang menjadi sasaran.

Contohnya, peruntukan Wakil Rakyat iaitu Ahli Dewan Rakyat berjumlah \$50,000 yang baru-baru ini diluluskan hingga sampai 5 bulan sesudah Wakil Rakyat sendiri meluluskan supaya bekalan itu dan bekalan ini

diberi kepada surau, kuil, temple dan kepada rancangan-rancangan kecil belum lagi bekalan itu dibuat.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu bagi Kerajaan mengambil tindakan untuk perkara-perkara penyelarasan atau implementasi ini dijalankan dengan rancak, dengan licin, dengan memuasnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah memperkuatkan lagi jentera pentadbiran di peringkat daerah. Saya jua berpendapat bahawa di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri Wakil-wakil Rakyat yang memegang jawatan sebagai Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen dan Menteri Besar ada bekerja bersama bahu dengan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Jika perkara ini boleh jadi di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri mengapa pula di peringkat Daerah, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negeri tidak dapat bekerja bersama bahu dengan pegawai-pegawai di peringkat Daerah sebagaimana terjadi di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri.

Saya berpendapat bahawa masanya telah sampai di mana di peringkat daerah jua hendaklah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negeri diberi tempat di dalam pentadbiran daerah dan boleh memberi kerjasama sepenuhnya di dalam pelaksanaan rancangan Kerajaan. Saya berpendapat bahawa pada masa ini seseorang Wakil Rakyat tidak boleh lagi menjalankan kerja sambilan (part time) tetapi hendaklah menumpukan masa sepenuhnya (full time) menjalankan tanggungjawabnya di dalam melaksanakan rancangan Kerajaan. Ini bukan bermakna bahawa Wakil Rakyat dikehendaki campurtangan di dalam pentadbiran dan tugas-tugas pegawai Kerajaan di daerah tetapi apa yang perlu ialah kerjasama sepenuhnya di antara pegawai Kerajaan dan Wakil Rakyat, iaitu masing-masing dengan tugas dan tanggungjawabnya yang tertentu. Di dalam konteks ini hendaklah Wakil Rakyat diberi tempat atau pejabat di tiap-tiap Pejabat Daerah.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada di antara Wakil-wakil Rakyat daripada golongan professional ataupun golongan peniaga-peniaga tetapi demi kepentingan negara, demi kepentingan untuk membawa faedah kepada rakyat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, Wakil-wakil

Rakyat sanggup akan bekerja full-time sebagaimana Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar dan seterusnya di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri dan di sini jualah letaknya satu cabaran kepada semua Wakil-wakil Rakyat, tetapi hendaklah recognition diberi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita jua mendapati satu badan yang lain di peringkat Negeri iaitu, atas arahan daripada Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri kita dahulu, tiap-tiap negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan untuk mengikuti dan meneliti supaya rancangan-rancangan yang dijalankan berjalan dengan baik terutama pada segi penyertaan bumiputra. Saya tidak mengetahui apa yang dibuat oleh Badan Penyelarasan di negeri lain, tetapi saya boleh menerangkan apa yang dibuat oleh Badan Penyelarasan di Negeri Selangor kerana sebenarnya saya adalah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Badan Penyelarasan tersebut. Badan ini bermesyuarat empat atau lima bulan sekali dan di waktu-waktu yang akhir ini lapan bulan tidak berjumpa dan tidak bermesyuarat untuk membincangkan beberapa perkara yang penting. Saya membawa perkara ini kerana ini adalah satu contoh di mana bukan sahaja didapati penyelarasan tidak berjalan dengan sempurnanya di peringkat daerah, tetapi keadaan yang tidak memuaskan ada juga berlaku di peringkat Negeri lebih-lebih lagi di dalam satu badan yang bertanggungjawab mengawasi penyelarasan. Pengerusi badan penyelaras ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri. Bukanlah saya mencurigai kecakapan ataupun kebijaksanaan ataupun pengalaman Setiausaha Kerajaan Negeri. Apa yang perlu dikaji ialah samada seorang Setiausaha Kerajaan Negeri patut dibebankan dengan beberapa tanggungjawab sehingga beliau tidak mempunyai masa dan upaya membuatnya. Adakah wajar bagi Kerajaan mengkaji perkara ini dan memberi tanggungjawab kepada pegawai yang lain yang mempunyai masa yang lapang dan yang boleh mengadakan mesyuarat dari satu masa ke satu masa sebagaimana yang dikehendaki oleh jawatankuasa untuk meneliti pembangunan dan penyelarasan terutama di luar bandar. Saya fikir masanya telah sampai.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengalukan peruntukan permulaan yang disediakan oleh Kerajaan berjumlah \$200 juta untuk

peniaga-peniaga kecil bumiputra. Saya berharap perlaksanaannya dapat dibuat dengan lebih berkesan dan lebih bermakna jika dibandingkan dengan apa yang dijalankan oleh Credit Guarantee Corporation. Saya berpendapat bahawa untuk menentukan supaya bantuan-bantuan yang dikatakan itu dapat benar-benar dilaksanakan sebagaimana hasrat Kerajaan, maka hendaklah pihak yang berkenaan menggunakan lebih banyak pegawai bumiputra di bank-bank dan di badan-badan yang diberi tanggungjawab di dalam perkara pinjaman ini. Saya di sini kalau hendak mengatakan bahawa memang ada banyak kekurangan pegawai-pegawai bumiputra di dalam bank-bank dan badan-badan peminjaman, bukanlah saya membuat tuduhan ini secara melulu sahaja sebagaimana tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengatakan banyak kekurangan kaum yang bukan bumiputra di dalam jawatan-jawatan Kerajaan seperti tentera dan sebagainya tanpa apa-apa angka; saya di dalam Dewan yang mulia ini menunjukkan angka-angka sebagai satu bukti sebenarnya ada kekurangan bumiputra di dalam badan-badan bank, Syarikat Peminjam, Syarikat Insuran, Merchant Bank dan juga di dalam Stock-broking firm. Pada hujung tahun 1975 di negara kita ini didapati ada 36 Commercial Banks, 32 Syarikat Peminjam (Borrowing Companies), 85 Insurance Companies, 11 Merchant Bank dan 33 Stock-Broking firms.

Elok saya sentuh bidang pekerjaan. Di dalam bidang pekerjaan ada 14,949 orang pekerjaan-pekerjaan dan di antaranya 5,159 orang dari bumiputra. Dari jumlah 5,159 orang ini 1,260 orang bumiputra bekerja dengan Bank Bumiputra. Angka-angka menunjukkan Bank Bumiputra mempunyai 86% pekerja-pekerja bumiputra pada keseluruhannya, tetapi bank-bank yang lain yang jumlahnya, selain daripada Bank Bumiputra, pada keseluruhannya hanya mempunyai 28.9% sahaja bumiputra dan kebanyakan bumiputra yang bekerja di dalam bank-bank, selain daripada Bank Bumiputra, hanya kecil sahaja bilangan yang menjadi executive tetapi kebanyakannya ialah menjadi kerani-kerani biasa dan sejumlah besarnya pula menjadi jaga dan office boy.

Dari segi pinjaman pula, pada hujung tahun 1975 didapati pinjaman yang diberi kepada bumiputra berjumlah \$790 juta atau 12% daripada jumlah keseluruhannya iaitu

\$6,470 juta. Dari jumlah \$790 juta ini \$300 juta atau 40% pinjaman daripada Bank Bumiputra. Dari angka-angka ini didapati bahawa bank yang lain hanya meminjamkan \$490 juta sahaja kepada bumiputra atau mengikut banci bank-bank selain daripada Bank Bumiputra hanya 8.5%. Saya membawa perhatian Dewan ini kepada angka-angka yang tersebut supaya Bank Negara dapat mengawasi dan bertindak; Bank Negara hendaklah memikirkan samada masanya sudah sampai di mana tiap-tiap bank yang ada di negara kita ini dikenakan quota dan quota ini hendaklah dipenuhi sebagai pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputra sejajar dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya suka mengulangi apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kemiskinan di luar bandar. Kemiskinan di luar bandar telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan huraian dan dengan angka-angkanya dan ini tidak boleh dinafikan kerana angka-angka yang diperolehi oleh beliau adalah angka-angka yang telah disediakan oleh Jabatan Statistik dan angka-angka itu adalah benar dan letak kemiskinan itu sejumlah besar adalah di kalangan bumiputra. Saya berasa dukacita kerana sehingga hari ini Kerajaan menumpukan sejumlah besar dari segala kajian dan pandangan kepada perusahaan getah. Sejumlah besar usaha tenaga dan wang telah dicurahkan oleh Kerajaan untuk membuat kajian di Pusat Penyelidikan Getah yang diperbesar dan ditambah dengan pakar-pakar serta alat-alat. Memang ini adalah penting kerana perusahaan getah memberi peluang pekerjaan kepada sejumlah besar rakyat negara ini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa pihak Kerajaan hendaklah juga mengambil langkah-langkah menambah dan membesarkan kajian terhadap perusahaan kelapa. Pekebun-pekebun kecil di luar bandar selain daripada menanam getah, juga mempunyai kebun-kebun kelapa dan mereka bergantung pada hasil kelapa untuk menambah pendapatan bulanan mereka.

Tembakau juga mempunyai satu badan yang memelihara bidang ini iaitu Lembaga Tembakau Negara. Tidakkah boleh Kerajaan menubuhkan satu lembaga iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Kelapa? Pada masa ini pekebun-pekebun kecil kelapa hanya menjual kelapa untuk digunakan di dalam masak-masakan, kueh-mueh untuk diguna

dan dijadikan minyak kelapa dan sebagainya. Pendek kata pemasarannya adalah terhad. Saya mengetahui bahawa beberapa buah negara di Afrika telah menumpukan usaha mereka di dalam bidang mencari jalan supaya pemasaran kelapa ini dapat diluaskan dan juga mencari jalan supaya keluaran kelapa pada tiap-tiap ekar itu dapat diletakkan dan ditambahkan.

Contohnya, ialah di Ivory Coast di mana Kerajaan negara itu telah dapat melipatgandakan hasil tiap-tiap satu ekar kebun kelapa empat kali ganda dengan menggunakan sejenis benih dari hasil kajian mereka. Kajian-kajian juga diteruskan untuk mencari kegunaan yang memerlukan kelapa sebagai bahan. Masanya telah sampai bagi kita mengantar satu rombongan yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen yang kawasannya mempunyai kebun kelapa yang besar dan juga pakar-pakar dari Kementerian yang berkenaan ke negara-negara Afrika dan juga negara-negara di mana banyak terdapat perusahaan kelapa untuk melihat secara dekat usaha yang dibuat oleh mereka.

Saya mengalu-alukan juga peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga berjumlah \$275,000,734 kepada Majuikan. Saya berharap peruntukan ini hendaklah ditambah apabila keadaan masa memerlukan. Saya berharap peruntukan berjumlah hampir \$280 juta ini akan membawa makna yang lebih kepada Majuikan yang akan dapat meluaskan aktiviti-aktivitinya menolong kaum nelayan. Majuikan hendaklah mencampuri perusahaan-perusahaan yang membuat alat-alat tangkapan ikan seperti bot, jaring dan lain-lainnya. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun billion ringgit disediakan untuk membantu kaum nelayan tetapi berapakah daripada jumlah ini benar-benar pergi kepada nelayan. Saya memandang berat perkara ini kerana sejumlah besar daripada kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan dinikmati oleh kaum-kaum pemodal seperti pembekal-pembekal alat, pemborong-pemborong dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kaum nelayan, kaum pekerja ladang, lombong dan petani-petani di negara kita ini bukanlah mereka berkehendakkan perkara-perkara yang besar, seumpama, menuntut hendakkan tanah lombong, kawasan hutan, Approved Permit untuk mengimpot barang itu barang ini, lesen lori Kelas "A" dan lain-lain, sebagai

yang pernah dituntut oleh kaum-kaum saudagar ataupun kaum-kaum pemodal. Nelayan-nelayan dan pekerja-pekerja di luar bandar berkehendakkan satu perkara yang penting, satu perkara yang diutamakan oleh mereka iaitu tanah. Mereka berkehendakkan tanah bukan seluas 2,000 atau 3,000 ekar tetapi hanya dua atau tiga ekar untuk mereka mendirikan sebuah pondok atau sebuah rumah yang kecil di samping mereka bercucuk tanam dan berternak. Adakah permohonan ini dianggap melampau? Mengapa sehingga hari ini masih juga terdapat beribu-ribu orang jumlahnya tidak mempunyai tanah atau rumah di luar bandar. Mengapa didapati rumah murah diberikan kepada orang yang telahpun mempunyai rumah, mengapakah didapati tanah diberikan kepada orang yang telah mempunyai tanah. Ini adalah penyelewengan. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerap kali perkara-perkara ini dibawakan dalam Dewan yang mulia ini dan begitu juga kerap kali bapak-bapak Menteri menafikan adanya penyelewengan, tetapi mereka yang tahu faham benar bahawa penyelewengan memang terjadi di peringkat-peringkat di mana kuasa-kuasa untuk memberi tanah dan memberi rumah itu disalahgunakan oleh mereka yang berkenaan. Sungguhpun perkara tanah adalah perkara otonomi negeri iaitu kuasanya di dalam tangan Negeri, tetapi sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menerangkan bahawa kerana kepentingan negara beliau boleh membuat dan mengambil satu-satu tindakan, maka di sini saya meminta supaya demi kepentingan negara dapat Kerajaan Pusat mengambil tindakan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang sewajarnya menukarkan Ahli-ahli Exco Negeri dari satu masa ke satu masa. Cara melantik Ahli-ahli Exco Negeri dari awal hingga ke akhir tanpa ditukarkan dan diganti membawa kepada penyelewengan dan juga membawa kepada perasaan over-confidence. Masanya telah sampai bagi Kerajaan mengawasi perkara ini dan saya berpendapat bahawa sangatlah wajar bagi jawatan Exco Negeri ini digilirlirkan di antara Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan syarikat kerjasama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih. Kerajaan hendaklah memberi segala galakan kepada syarikat kerjasama di luar bandar, kerana di sinilah orang-orang luar bandar dapat mengumpulkan modal mereka untuk masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Segala perindustrian yang hendak masuk keluar bandar hendaklah diberi peluang kepada syarikat-syarikat kerjasama yang ada dalam daerah itu menyertainya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan satu perkara iaitu keselamatan negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh di dalam Dewan yang mulia bahawa di dalam Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dalam tempoh 5 tahun yang akan datang Kerajaan akan menghadapi beberapa cabaran, terutama cabaran daripada puak komunis dan puak anti-nasional. Beliau juga mengatakan bahawa kemiskinan adalah satu daripada punca-punca di mana "ism" komunis ini akan dapat menyerap masyarakat kita, tetapi dengan adanya perkara-perkara dan kejadian yang berlaku baru-baru ini kita boleh buktikan bahawa orang-orang kaya, orang-orang mewahpun telah memelok "ism" komunis dan orang-orang ini lebih merbahaya daripada mereka yang memakai uniform yang ada di dalam hutan yang terang-terang menjadi komunis, menentang Kerajaan kita

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

5.18 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan juga pegawai-pegawainya kerana membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga begitu lengkap mengandungi data-data, mengandungi faktor-faktor dan mengandungi kenyataan-kenyataan yang kadang kala sedih dan kadang kala terkejut. Ini saya mengucapkan tahniah. Misalnya, dalam perenggan 20 ada disebutkan bahawa banyak penduduk-penduduk yang miskin ialah dari luar bandar dan 74% daripada

mereka yang miskin ialah golongan bumi-putra. Dan di antara masyarakat atau manusia-manusia bumiputra ini 65% lebih masuk dalam golongan-golongan yang miskin. Ini ialah satu kenyataan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, this is the hard fact. So let us not be lulled into a false sense of security, terutama sekali pegawai-pegawai Kerajaan, Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini yang mana kita dapat berpeluang memakai kereta, memakai baju dan seluar yang cantik-cantik. Tetapi hendaklah selalu ingat bahawasanya 65% lagi kaum bumiputra masih dalam golongan yang miskin. Ini satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Saya menegaskan perkara ini supaya apabila Pegawai-pegawai Kerajaan, apabila kita di sini Wakil-wakil Rakyat menjalankan tugas sentiasa mengingatkan perkara supaya tidak mendatangkan satu kekeliruan bahawasanya Kerajaan cuma hendak menolong bumiputra. Perkara ini apa hendak dikatakan kerana ini sudah jadi satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Memang satu kebetulan yang kebanyakan daripada kaum-kaum yang miskin itu termasuk dalam golongan kaum bumiputra dan sebagai Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan bukan untuk hendak menolong orang Melayu tetapi membasmi kemiskinan.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat luar bandar sektor pertanian dan perikanan merupakan sektor ekonomi yang terbesar dan juga merupakan satu golongan manusia yang terbesar dalam Malaysia ini. Jadi, mereka inilah yang patut diberi pertolongan setakat kadar yang mampu, misalnya, penanam-penanam padi 88% daripada penanam-penanam padi ini masuk dalam golongan orang yang miskin. Begitu juga nelayan. Jadi, strategi yang diaturkan oleh Kerajaan yang diterangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini memang elok, memang patut diterima, memang patut disokong oleh segala golongan masyarakat tetapi yang menjadi masalah ialah perlaksanaannya.

Misalnya, strategi yang pertama ialah memberi bantuan kewangan. Dalam perkara ini, kerap kali kita mendengar apabila pemimpin-pemimpin parti, Menteri-menteri apabila ada ceramah-ceramah, perjumpaan-perjumpaan mengatakan kepada kaum bumiputra terutamanya, rebutlah peluang, rebutlah peluang. Jadi, saya kadang-kadang, hairan, mungkin mata saya kabur, tengok

mana peluang yang saya hendak rebut ini tidak nampak. Ini yang jadi satu masalah. Dasar itu memang elok, hendak rebutkan peluang, beri bantuan, beri itu beri ini. Tetapi bila betul-betul kita hendak rebut peluang itu. Saya sendiri tidak nampak. Misalnya, kita ada MARA untuk memberi bantuan, tetapi kalau saya tidak silap, MARA sekarang cuma beri bantuan sekali sahaja, lepas itu beri kepada orang lain pula, mana dasar yang boleh dikatakan ini lojik. Adakah kita hendak puas hati memberi bantuan kepada seorang peniaga bumiputra itu selepas dia maju memang memerlukan bantuan lagi. Tetapi mengikut apa yang saya difahamkan MARA cuma beri bantuan sekali sahaja, lepas itu beri kepada orang lain pula. Ini pada fikiran saya patut difikirkan semula oleh pihak yang berkenaan supaya mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan selepas diberi pinjaman yang pertama, kalau berjaya beri lagi, jangan hendak disekatkan. Ini pada fikiran saya satu polisi yang tidak lojik.

Lagi satu perkara kita dengar C.G.C. Setahu mengikut pengetahuan fahaman bahasa Inggerislah; Credit Guarantee Corporation ini maknanya Corporation ini dia Guarantee kepada orang hendak meminjam Credit daripada Bank. Dan mengikut yang saya tahu \$30,000 seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan C.G.C. sendiri akan menjadi syarikat pinjaman; memberi pinjaman, tetapi apa yang berlaku sekarang jangan kata \$30,000 hendak pinjam \$3,000 pun pergi bank selepas dapat surat dari C.G.C. hendak geran tanah lagi. Jadi apa guna kita ada C.G.C., Ini satu perkara yang saya sendiri tidak faham. Dan kalau saya tidak faham mungkin masyarakat awam juga pun tidak faham. Apa gunanya ada Credit Guarantee Corporation kalau si peminjam hendak pinjam \$3,000 bank hendak geran tanah dan itu dan ini. Inilah yang dikatakan tadi strategi yang pertama bantuan kewangan cara polisi dasar yang elok, tetapi bila datang perlaksanaannya inilah yang saya khuatirkan. Mungkin perkara-perkara ini tidak diketahui oleh Kementerian yang berkenaan. Jadi, saya ambil peluang dan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa ada kejadian, jangan kata \$30,000, \$3,000 pun mesti ada geran kalau tidak, tidak dapat.

Lagi satu perkara saya juga teringat apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

mengatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga \$200 juta akan diperuntukkan untuk membeli saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra. Ini satu perkara yang elok. Tetapi saya harap dalam melaksanakan perkara ini janganlah di duplikasikan kerja, sebab pada masa sekarang kita ada Komplek Kewangan, Komplek Kewangan ini ialah satu daripada tugas-tugasnya ialah untuk membeli saham-saham yang dikhaskan untuk bumiputra. Jadi dengan adanya \$200 juta ini saya harap \$200 juta ini disalurkan kepada Komplek Kewangan supaya dapat digunakan untuk membeli saham-saham yang dikhaskan untuk bumiputra di mana bumiputra sendiri tidak mampu pada ketika ini.

Satu daripada strategi yang disebutkan dalam Buku Hijau ini ialah memodenkan kawasan luar bandar. Ini juga satu perkara yang amat elok dan wajar dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana kawasan saya yang saya mewakili boleh dikatakan semua penduduknya adalah daripada luar bandar, kawasan yang sehabis mundur sekali dalam satu negeri yang terhabis maju.

Cara-cara hendak memodenkan berkaitan perumahan. Mungkin Kerajaan akan membuat rumah-rumah murah dalam kawasan-kawasan luar bandar. Kalau inilah rancangannya, saya mengucapkan, Allhamdullillah, tetapi ada ketika kita sendiri dan masyarakat rakyat sendiri ingin menolong usaha Kerajaan berkaitan dengan masalah perumahan, misalnya, sepuluh atau lima belas orang berkumpul membeli satu tanah hendak pecah lot hendak buat rumah, kerana Kerajaan tidak ada upaya hendak buat rumah kepada semua orang, jadi mereka ini usaha sendiri, tetapi apabila plan ini dihantarkan kepada satu badan; inilah mula-mula kesulitan akan timbul. Misalnya, di Seberang Perai atau di Pulau Pinang sana diadakan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, inilah satu Lembaga yang kerap kali boleh kata selalu memberi pening kepala kepada penduduk-penduduk di situ. Sebelum permohonan itu dikemukakan kepada Pejabat Tanah L.P.K.T. iaitu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan menghendakkan Bank Guarantee sebanyak \$65,000 untuk hendak buat jalan lebih kurang setengah batu dalam kawasan perumahan yang akan dibuat oleh lebih kurang 15 orang. Kalau \$65,000

belanja hendak buat jalan lebih kurang setengah batu; ini lebih elok jalan daripada Federal Highway. Inilah syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dijalankan oleh pihak-pihak Kerajaan sendiri, kerana mengikut Kanun Tanah Negara apabila tanah hendak dipecah lot mesti diadakan peruntukan untuk jalan. Ini memang benar. Tetapi jalan yang macammana yang kita hendak? Adakah seperti jalan dalam pekan, dalam bandar atau dalam village, town, atau setanding dengan Jalan Federal Highway? Ini adalah satu kerumitan. Lagi satu yang mesti diadakan ialah sistem pengangkutan jalan-jalan kampung yang elok sekiranya hendak memodenkan luar bandar. Ini juga adalah satu perkara yang elok dan saya menyeru kepada Kerajaan terutama sekali di kawasan saya di mana banyak tanah-tanah bendang dan banyak jalan-jalan batasan. Jadi saya menyeru kepada Kerajaan supaya memperbaiki jalan-jalan ini agar sekurang-kurangnya motokar kecil dapat lalu. Kita tidak mahu lori besar-besar lalu di jalan ini, kerana ianya akan merosakkan tetapi buatlah jalan supaya motokar-motokar dan motosikal dapat lalu. Ini adalah satu cara kalau Kerajaan betul-betul hendak memodenkan luar bandar. Dan lagi satu yang saya sebutkan ini bukanlah idea saya tetapi ini adalah idea yang disebutkan dalam Buku Hijau, iaitu bekalan air. Ini juga kami sambut baik, sebab kami anggap ini ialah sebagai keperluan asas (basic necessity) untuk hidup pada kurun yang ke 20 ini. Apabila kita sebagai Wakil Rakyat mengemukakan perkara ini kepada pihak Majlis Tindakan Daerah, apa yang disebutkan oleh pihak Penguasa Air di Negeri Pulau Pinang iaitu kita ada Water Authority iaitu Pihak Berkuasa Air (P.B.A.). Dia mengatakan tidak economical. Inilah sekatan-sekatan yang diatur oleh Jabatan Kerajaan sendiri. Sebaliknya kalau kita hendak memodenkan luar bandar, mestilah diberi bekalan air, tetapi ada pula pihak Jabatan Kerajaan sendiri memperkatakan ini tidak economical. Semenjak bilakah Jabatan Kerajaan menjalankan satu-satu projek berdasarkan kepada economical apabila projek itu ialah sebagai service projek? Inilah yang kita hendak tahu. Service projek yang dikatakan mesti economical, dari mana didapati polisi ini? Begitu juga bekalan letrik kerana ini juga adalah satu daripada keperluan asas

(basic needs) Tetapi apabila projek ini diulaskan L.L.N. pula mengatakan bahan tidak ada.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada projek-projek bekalan letrik sudah lulus selama dua tahun, sehingga sekarang belum dilaksanakan kerana tidak ada bahan. Pada hal kalau kita pergi dekat Prai Industrial Complex didirikan kilang pada hari ini, pada bulan hadapan sudah dapat bekalan letrik. Dari manakah datangnya bekalan dan bahan-bahan ini? Kalau sudah tidak ada bahan bagaimana ianya boleh diadakan. Inilah yang saya sendiri tidak faham. Mungkin kerana apabila kilang-kilang besar ini didirikan di masa hendak dibuat pembukaan rasmi bukan sahaja seorang Menteri yang hadir bahkan satu rombongan (a convoy of Ministers) hadir. Mungkin ini yang menyebabkan pekilang-pekilang di tempat saya ini menjadi bermaharajalela. Mereka ini jugalah yang menyebabkan kekotoran udara, kekotoran air dan kekotoran sungai sehingga di setengah-setengah tempat begitu buruk keadaannya. Kekotoran air ini mengakibatkan nelayan-nelayan sendiri terpaksa membeli ikan. Ini satu kenyataan kerana effluent dan industrial waste ini telah disalurkan ke laut dan ke sungai. Siapa yang membuat saluran longkang-longkang ini Kerajaan Negeri sendiri yang membuatnya untuk industrial waste ini mengalir ke sungai-sungai ke laut-laut sehingga menyebabkan semua ikan dan juga apa-apa benda yang ada dalam itu mati. Apabila mati, hasilnya nelayan sendiri terpaksa kena beli ikan untuk dimakan. This is the irony. Pengilang-pengilang serta pemodal-pemodal ini yang saya sebutkan sebagai bermaharajalela tidak mengambil indah langsung. Ada juga kilang-kilang didirikan di luar bandar seperti kilang baja ikan, kilang getah dan ini semua telah mencemarkan sungai-sungai dalam kawasan-kawasan luar bandar. Pada hal strategi yang disebutkan di dalam Buku Hijau ialah kesihatan luar bandar sebagai satu cara hendak memodenkan kawasan luar bandar, kesihatan ini amatlah perlu. Bagaimana kita hendak adakan kesihatan kalau air sungai telah dikotori oleh hasil-hasil air yang keluar daripada kilang-kilang getah dan sebagainya. Jadi saya minta sangat-sangat kepada Kementerian Alam Sekitar supaya mengambil berat di atas perkara ini, dan saya percaya kalau perkara ini dapat diatasi ini ialah satu miracle kerana Kementerian inilah yang

kakitangannya sehabis-habis kurang. Sungguhpun Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa masalah kekotoran daripada kilang-kilang getah dan kelapa sawit akan diatasi sekurang-kurangnya awal tahun hadapan dengan kakitangan yang 52 atau 53 orang itu cuma miracle sahaja.

Satu lagi syor yang dinyatakan dalam Buku Hijau untuk memodenkan luar bandar ialah berkaitan dengan pelajaran. Ini juga menjadi satu masalah. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya sendiri tidak ada satu Sekolah Menengah penuh. Jadi terpaksa murid-murid daripada luar bandar bangun pagi pukul 5.00 pagi kerana hendak menaiki bas pukul 6.00 sampai di station bus pukul 7.30, dari bus stand pergi ke sekolah, sampai pukul 8.30. Bagaimana murid-murid, atau anak-anak kita daripada luar bandar akan dapat satu kejayaan apabila setengah daripada masanya dibuang dalam masa perjalanan kerana semua Sekolah-sekolah Menengah penuh didirikan di bandar-bandar besar sahaja. Inilah satu kenyataan dan inilah satu perkara yang susah bagi saya sebagai Wakil Rakyat untuk memahami. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan apalah salahnya sebegitu banyak sekolah rendah di kawasan Parlimen Permatang Pauh mengapa tidak didirikan satu pun sekolah menengah penuh bukan setakat L.C.E. sahaja tetapi sekolah menengah penuh dalam kawasan luar bandar. Saya yakin dan percaya ini akan dapat memperbaiki lagi kedudukan, keciciran murid-murid di luar bandar, dan dalam perkara ini juga kurang pedoman dan kurang nasihat. Tidak ada siapa yang hendak memberi guidance kepada mereka ini, apa jurusan hendak diambil, apa universiti dia hendak masuk, sehingga ada seorang itu dia telah dapat M.A. (Economics) daripada Aligarh University. Jadi balik ke sini, minta kerja ini tak dapat, kerja itu tak dapat, kerana tak diiktiraf. Jadi pergi ke Pejabat Buruh hendak daftar sebagai buruh. Pejabat Buruh juga tolak kerana Pejabat Buruh kata, kami tidak mengambil orang yang ada ijazah M.A. Jadi hamba Allah itu, Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaannya. Jadi saya menyeru bagi pihak hamba Allah itu, jika ada mana-mana Kementerian, mana-mana badan yang memerlukan seorang yang berijazah M.A. (Economics) tetapi dari Aligarh University, saya sentiasa dengan sukacitanya akan membawa hamba Allah itu pergi berjumpa dengan pihak yang berkenaan.

Tadi saya telah menyatakan kesihatan juga mengambil peranan yang penting dalam memodenkan masyarakat luar bandar, tetapi kesihatan tak akan dapat didapati selagi kilang-kilang pemaju-pemaju ini dibiarkan bermaharajalela. Tanah-tanah bukit diangkut pergi ke laut melalui kampung-kampung orang Melayu sehingga debu-debu bertaburan. Apakah yang Kerajaan boleh buat? Apabila lesen diberi untuk mengambil tanah-tanah merah itu tidak disyaratkan supaya jangan mencemarkan kawasan-kawasan itu? Mungkin apabila syarat itu diadakan, pihak pemodal itu akan mendapat keuntungan yang kurang. Mungkin kerana itu, saya tak nampak sebab yang lain. Sungguhpun masaalah ini ialah masaalah Kerajaan Negeri tetapi apabila diluluskan lesen untuk mengambil tanah-tanah untuk memecah batu (quarry) perlulah ada sedikit perasaan dalam hati-perut mereka yang berkenaan untuk menjaga kepentingan masyarakat di luar bandar, gunakanlah fikiran sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tak payah bawa contoh yang jauh ke Permatang Pauh, Damansara Heights juga banyak lori-lori macam itu membawa tanah merah.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan keselamatan. Kepada pihak tentera dan polis, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih, kerana mereka sanggup memperjuangkan, mengadai nyawa untuk mempertahankan negara, tetapi saya juga menyeru supaya mereka itu diberi latihan yang cukup, melengkapkan alat senjata yang sesuai bukan diberikan kepada askar-askar kita kapal terbang F-5E Supersonic Jet. Ini pada fikiran saya satu jalan untuk membazirkan wang. Bagaimanakah kiranya kita lengkapkan tentera udara kita dengan kapal terbang helikopter, kerana ini akan lebih sesuai memandangkan keadaan di sekitar Malaysia di mana pihak penjahat adalah menjalankan guerilla warfare bukan conventional warfare seperti mana yang dijalankan di Senai dan sebagainya. Mungkin kapal terbang F-5E Supersonic Jet itu mustahak untuk menjalankan conventional warfare, tetapi untuk menentang guerilla warfare pada fikiran saya, mengikut pengalaman saya juga, helikopter sahajalah yang mustahak.

Demikian juga gaji-gaji mereka mesti diberi seimbang dengan tugas dan tanggungjawab yang akan dijalankan oleh mereka itu, dan juga apabila mereka gugur dalam perjuangan, anak dan balu mereka mesti dijaga. Saya ada satu kes di mana seorang perajurit telah meninggal dunia dalam masa bertugas, meninggalkan seorang balu dan dua anak. Jadi balu itu mendapat lebih kurang \$100 sehingga satu tahun, selepas itu dikurangkan pula, apabila anaknya sudah besar dan mahu pergi ke sekolah—dikurangkannya lagi bukan ditambah. Dasar manakah yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pertahanan? Kita tahu sebaliknya apabila anak-anak sudah besar dan memasuki bangku sekolah, perbelanjaannya lebih, mesti ditambahkan lagi; ini bukan ditambah tetapi dikurangkan pula.

Satu lagi perkara yang ganjil mengenai mereka yang terkorban. Sebagai penghormatan diadakan police atau military honour. Dikebumikan mayat itu dengan military atau poice honour dengan ditembak ke atas dengan blank. Jadi mungkin saya ini kurang terpelajar, kurang faham, kurang arif dalam perkara ini tetapi pada fikiran saya untuk mayat orang Islam tak patut dibuat seperti itu. Apakah yang hendak ditembak-tembakkan lagi ke atas, pada hal dia telah mengalami perkara tembak menembak itu semasa hidupnya. Apa guna rohnya sendiri yang sudah pergi hendak dikacau-kacau, ditembak-tembak lagi. Nasib baik rohnya itu tak mati pula kena heart attack kerana terkejut pula kena tembak. Inilah satu perkara ganjil. Pada fikiran saya elok dibuangkan, kerana banyak cara lagi untuk menghormati perajurit-perajurit, bunga bangsa kita, tetapi bukan dengan cara tembakan ke atas, dan bukan juga dengan cara membeli bunga. Jadi kesimpulannya hamba Allah yang ditimpa kemalangan, hamba Allah yang menjual bunga pula mendapat faedah. Ini saya harap pihak Bahagian Ugama dalam Jabatan Perdana Menteri dan pihak-pihak yang berkenaan dapat memikirkan perkara ini.

Satu lagi perkara yang saya terbaca dalam akhbar sehingga sekarang saya berasa sedih dan kadang-kadang rasa tak puas hati iaitu berkaitan dengan kejadian di Kramat Pulai. Mengapakah pelatih-pelatih dihantar ke satu tempat sebelum dapati Special Branch clearance, diclear tempat itu bukan sekadar satu kaki, tetapi tiap-tiap satu inci tempat itu mesti diclear tempat itu sebagai satu kawasan yang selamat, barulah kita boleh

'antar pelatih-pelatih itu. Mungkin pelatih itu akan tamat esok lusa, tetapi bagaimanapun mereka itu masih pelatih. Mengapakah mereka itu dihantar ke tempat itu sehingga tak diketahui langsung oleh pihak keselamatan bahawa ada musuh dalam kawasan itu. Pada fikiran saya mereka yang berkenaan patut diambil tindakan dengan setegas-tegasnya dan kepada mereka yang telah gugur mestilah diberi anugerah yang sehabis tinggi kerana merekalah sebagai perwira bangsa dan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan Negeri Pulau Pinang, iaitu peruntukan yang diberi begitu besar. Saya ingin menyoal di sini cara manakah peruntukan ini akan digunakan, samada peruntukan ini diberi terus kepada Kerajaan Negeri untuk digunakan ataupun ada kawalan oleh Kerajaan Pusat? Kalau tidak ada kawalan, saya dalam Dewan yang mulia ini, berani menyatakan bahawa kami penduduk-penduduk luar bandar takkan dapat nikmat, sebaliknya beban sahaja yang kami akan dapat. Ini telah terbukti dalam Rancangan Malaysia Kedua di mana projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja tidak memberikan keuntungan kepada penduduk-penduduk luar bandar tetapi memberi kerugian, penderitaan dan kesusahan. Sehingga sekarang di Negeri Pulau Pinang terutama sekali di Seberang Perai kemunduran dan kemajuan itu berjiran. Sebelah ini kemunduran dan sebelah ini kemajuan. Inilah satu perkara yang saya minta kalau diberi peruntukan ini untuk digunakan dengan sebebas-bebasnya oleh Kerajaan Negeri dimintalah diberi peruntukan asing untuk Seberang Perai. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, once again we missed the boat. Dahulu pun begitu juga, nampak sudah macam boleh dipegang, tetapi tidak dapat nikmatnya.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah sampai.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Minta satu minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, satu minit betul sahaja.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Dalam perkara ini yang menghabiskan sekali oleh sebab Kerajaan akan membelanjakan berbilliion-billion ringgit, satu perkara yang mustahak mesti diadakan iaitu kawalan supaya wang-wang ini jangan disalahgunakan dan satu badan sahaja yang boleh mengawalinya, pada fikiran saya ialah B.S.N. (Biro Siasatan Negara). Sungguhpun Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa kekuatan B.S.N. sekarang ialah 300 orang lebih tetapi apa yang saya tahu cuma 102 orang sahaja di seluruh Malaysia yang menjadi penyiasat, yang lain itu Office Boy, Typist dan sebagainya. Jadi memerlukan sangat supaya B.S.N. dibesarkan supaya mereka ini dapat mengawal dan kalau eloknya biarlah B.S.N. ini di bawah satu pentadbiran yang bebas.

5.51 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana diberi peluang mengambil bahagian berbahas mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang dirancang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa hari dahulu. Saya menyokong penuh usul tersebut dan saya yakin segala golongan rakyat kita mengharapkan Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dilancarkan dengan licin dan mencapai kemakmuran dan perpaduan yang lebih erat yang akan dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menyatakan sedikit fikiran dan pandangan saya kepada Rancangan tersebut dan saya minta izin mengemukakan fikiran saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I am happy to note that Y.A.B. the Prime Minister has spelt out clearly the basic principles underlying the implementation of the Government's restructuring policies. He has cleared the air because some of the measures taken in the past under the New Economic Policy had seemed to be in favour of one section of the people at the expense of other section. I

particularly welcome the statement that the targets for employment of bumiputras in the private sector will be enforced pragmatically. This will ensure a more natural integration of labour force comprising of all races.

Tuan Yang di-Pertua, the Third Malaysia Plan sets the target for reducing the current unemployment rate of 7 to 6.1% in 1980. With the increasing birth rate and the greater number of young people coming into the employment market that rate of reduction would seem too low. I suggest ways and means must be found to reduce much further the unemployment rate. One of the ways, even if it is of temporary nature, is the creation of works brigades for school leavers or dropouts. They can be employed in development projects, land development schemes or public works. I would, therefore urge the Government to give consideration to this proposal.

Tuan Yang di-Pertua, the Third Malaysia Plan has also spelt out the measures to be taken to reduce the incidence of poverty in the rural areas and among the urban poor. I hope these measures will solve the social problem of the trend of young people from rural areas drifting to towns attracted by the bright lights and the illusory "good" life. I think we must think of how to improve and enhance the quality of life in the kampungs and villages to arrest this trend and the drift.

I believe that the Government sincerely wants to help the less developed States within the Federation and the poor. Sarawak is very backward in development. What we need urgently is the infrastructure whereby the State can be developed. Taking the size and in comparison I think Sarawak has the lowest mileage of roads—trunk roads or feeder roads. Sarawak as a State has potentiality, but how can such natural resources in the State be developed for the good of the nation without good and proper communication and transport system. Although trunk roads are important, I maintain rural roads should have priority. In the past, the priority was in building trunk roads or highways. I would therefore request that priority be given instead to the construction of rural roads and feeder roads.

Tuan Yang di-Pertua, while appreciating the value of academic qualification and the Government's plans to train more qualified personnel in all fields, I think we should

utilise the stock of skills available. Take, for instance, there are many successful farmers in growing pepper, fruits and other crops, though without any diploma or formal education. Can we not make use of these people particularly as advisers in agricultural extension schemes. Many of such schemes have failed because we have not sufficient extension workers to supervise the follow up. To meet the need and in compliance with the policy of having the best possible use of the existing stock of human resources, surely the General Orders can be relaxed to accommodate these people so that their skill can be put to good use.

There are people who feel that injustice has been done to them either by those in authority misusing or abusing their power or suffer under some bureaucratic unjust decisions, and who have no recourse whereby they can hope to have the wrong redressed. They are likely to harbour anti-Government feelings. A suggestion was made before of setting up the office of an "Ombudsman". May I ask, will such suggestion be considered again.

Tuan Yang di-Pertua, we all agree that without political stability our development programmes will be adversely affected. The threat posed by the anti-national elements is the concern of us all. We cannot leave the matter entirely to Army and the Police. It is more a political problem than a military one. The success will depend on the type of political leadership and guidance the Government can provide at all levels. The manner of implementation of this Third Malaysia Plan is important. If it is carried out fairly and in the true spirit in which it is introduced, there will be no lack of support by the people for the Government. It is only through this way that we can get people to be involved and committed, and national unity assured.

6.00 *ptg.*

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan dalam Pendahuluan, Bab III, halaman 42 hingga 133, Rancangan Malaysia Ketiga merupakan peringkat kedua dalam proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Rancangan ini disediakan berasaskan kepada kemajuan penting ekonomi dan sosial di tahun-tahun kebelakangan khususnya semasa

Rancangan Malaysia Kedua dan akan berpandukan kepada pengalaman yang telah diperolehi dalam proses mendorong pembangunan ekonomi dan sosial. Tetapi apa yang memeranjatkan kami ialah hingga saat ini Dewan ini masih belum lagi diberikan satu lapuran yang lengkap dan mustahak tentang kedudukan Rancangan Malaysia Kedua yang sebenarnya, adakah Rancangan ini sudahpun berjaya dilaksanakan, atau berjaya separuhnyanya, atau gagal langsungnya ataupun hasilnya tak dapat dinilai dan diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum Rancangan Malaysia Ketiga ini dibentangkan di Dewan ini, yang mustahak sekali ialah Dewan ini hendaklah diberitahu apakah hasilnya dari perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua supaya Ahli-ahli Dewan ini dapat menilai dan meneliti dengan lebih mendalam dan menyeluruhnya tentang Rancangan Malaysia Ketiga ini. Juga, ini adalah selaras dengan Pendahuluan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, diketahui bahawa Ahli-ahli Dewan ini hanya disediakan Buku Hijau ini pada 9hb Julai. Tetapi sebuah dokumen dasar yang akan mentakdirkan masa depan pembangunan sosial-ekonomi dan politik negara ini, Dewan hanya diberikan masa 9 hari untuk membacanya, dan masa 9 hari ini adalah termasuk 5 hari untuk menyediakan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan, Rang Undang-undang (Pindaan) Pekerjaan dan lain-lain Bilnya. Ini adalah sangat jelas bahawa masa yang diperuntukkan untuk mengkaji dan menilai Buku Hijau yang berhalaman sebanyak 504 dan mempunyai sebanyak 1,492 perenggan ini, adalah sangat-sangat tidak mencukupi.

Dalam keadaan ini, saya ingin sekali mengetahui bahawa bolehkah Rancangan Malaysia Ketiga ini yang merupakan dasar-dasar program-program dan projek-projek bagi pembangunan negara kita dalam masa lima tahun yang akan datang ini, dapat diperbincangkan dan dibahas dengan sepenuh dan sedetail-detailnya. Kecuali ianya hanya dapat dilulus dan dipersetujui oleh Dewan yang Barisan Nasional menguasai dua pertiga undinya melalui suara "Ia" yang terbanyak sahaja. Tetapi apakah maknanya sebuah dokumen dasar yang terpenting bagi negara kita ini hanya diluluskan dengan secara membabi-butanya tanpa memahami isi kandungan yang sebenarnya. Ini adalah sangat memalukan dan mengecewakan, tentu

rakyat jelata akan ikut merasai keadaan yang mendukacitakan ini, kerana hak penyertaan mereka dalam Rancangan ini langsung tidak dihormati dan diakui.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kata Pendahuluannya bahawa Rancangan Malaysia Ketiga adalah berteraskan kepada tiga matlamat penting iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat, dan memperkuatkan lagi keselamatan negara. Inilah matlamat-matlamat yang ingin dicapai dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan lain-lain perkataan, matlamat R.M.T., sebenarnya adalah sama seperti matlamat yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah sangat jelasnya dinyatakan dalam Bab I, perenggan ke 6 pada halaman 2, yang berbunyi:

"R.M.T. adalah merupakan sambungan dari semua usaha-usaha ini. Ia merupakan lanjutan dari Rancangan Malaysia Kedua yang berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru—satu dasar sosial ekonomi yang telah dirancang bagi mencapai perpaduan negara melalui kedua-dua matlamatnya iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi membasmi pengenaln kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi."

Ringkasannya matlamat di antara Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Kedua, adalah tidak berbeza, tetapi yang berlainan hanya pada angka perbelanjaannya, iaitu dari \$9,820.85 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua ke \$18,554,987 dalam Rancangan Malaysia Ketiga berbeza dari warna kulit iaitu dari Rancangan Malaysia Kedua yang berwarna merah ke Rancangan Malaysia Ketiga yang berwarna hijau, dari tipis halamannya ke tebal, dan isi kandungan penerangan yang agak baru. Itulah bezanya. Tetapi selepas menempuhi 4 kali Rancangan Lima Tahun ini, sejak Kemerdekaan pada tahun 1957, sudahkah taraf ekonomi dan kehidupan rakyat diperbaiki atau dipertingkatkan. Sudahkah kadar kemiskinan dikurangkan. Sudahkah perpaduan negara tercapai. Bolehkah segala matlamat yang ditetapkan dan diadakan serta berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan dalam Rancangan-rancangan ini memberikan satu jawapan yang memuaskan. Jawapannya adalah tidak. Apakah sebabnya. Ini sebenarnya adalah disebabkan dasar pembinaan

negara yang diadakan oleh Kerajaan Perikatan dahulunya dan Barisan Nasional sekarang yang serba-salah.

Disebabkan dasar ekonomi dan sosialnya yang tidak berpandangan jauh dan adil, maka jurang pendapatan masih begitu luas. Umpamanya, dalam Bab I, Perenggan 19, halaman 6, ternyata bahawa:

“Bilangan keluarga-keluarga yang boleh dianggap sebagai miskin adalah kira-kira 49% dari jumlah keluarga-keluarga dan hanya menerima 15%—18% dari jumlah pendapatan. Sementara itu kumpulan teratas dalam susunan agihan pendapatan yang merupakan 5% dari jumlah keluarga-keluarga telah menerima hampir 30% dari jumlah pendapatan. Mengikut bilangan, kira-kira 792,000 dari 1.6 juta keluarga-keluarga di Semenanjung Malaysia telah menerima pendapatan pada atau di bawah paras kemiskinan dalam tahun 1970.”

Inilah barangkali salah satunya “kejayaan yang teragong” dicapai oleh Kerajaan kapitalis selama 20 tahun ini, sehingga majoriti rakyat Malaysia masih hidup di bawah paras kemiskinan dan dikongkongi oleh 5% orang atasan, iaitu golongan yang menyokong kuat Kerajaan Barisan Nasional hari ini. Sebenarnya, Barisan Nasional adalah bergantung masa depannya pada sumbangan kewangan dari golongan ini. Itulah sebabnya mengapa sistem ekonomi ini masih diperlindungi dengan nyawa Kerajaan Barisan Nasional seperti UMNO dan M.C.A. Itulah sebabnya situasi yang tidak sihat dan menguntungkan di Malaysia ini masih didewadewakan. Disebabkan ketiadaan dasar pembinaan negara yang adil dan saksama, maka masyarakat Malaysia hari ini adalah merupakan satu masyarakat yang berpecah-belah, korupsi menjadi-jadi, kemiskinan kian bertambah serious, keselamatan kian terancam.

Selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, adakah masalah-masalah pokok dalam usaha pembinaan negara tersebut ini telah diatasi, atau sudahkah Kerajaan Barisan Nasional menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab I, perenggan 27 pada halaman 8.

“Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan satu kewajiban positif Kerajaan untuk mengujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, kukuh, adil dan saksama serta maju. Tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah

untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan taraf hidup golongan miskin dari semua kaum secara progressif dengan menambahkan peluang-peluang mendapatkan tanah, modal dan latihan serta kemudahan-kemudahan awam.”

Kenyataannya adalah golongan miskin yang terdiri daripada kaum petani, kaum pekerja, kaum nelayan ini masih begitu azab sengsara, pendapatannya tidak berbezaan dengan 5 tahun yang lepas. Rakyat yang tinggal di masyarakat luar bandar untuk beberapa jenerasi ini masih hidup dalam satu keadaan yang tidak banyak berubah dengan tahun-tahun yang lepas, iaitu masih begitu terbelakang. Demonstrasi Baling pada penghujung tahun 1975 adalah merupakan satu contoh yang konkrit untuk membuktikannya. Adakah ini merupakan satu rekod atau kejayaan yang harus dibangga-banggakan oleh Malaysia hari ini? Mungkin, Kerajaan Barisan Nasional yang hanya memperlindungi kepentingan golongan kapitalis ini akan merasa gembira dan bangga terhadap sumbangan dan jasanya untuk memperkukuhkan situasi ini.

Sungguhpun, Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin negara kita selalu melaung-laungkan pelbagai langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Tetapi apa yang kita dapat lihat hari ini, ialah Dasar Ekonomi Baru telahpun dijadikan satu perlindungan dan alat yang berkesan untuk menciptakan satu kelas Melayu yang kapitalis, melainkan jurang pendapatan di antara yang berada dengan yang tidak berada ini kian meluas.

Sebenarnya, Dasar Ekonomi Baru telah dijadikan oleh orang-orang yang berpengaruh dan bertalian rapat dalam pemerintahan Barisan Nasional sebagai jambatan untuk menuju ke gunung emas mereka.

Saya ingin sekali mencabar bahawa sejak Dasar Ekonomi Baru dijalankan, berapa persen kadar kemiskinan terutamanya di masyarakat Bumiputra telah dikurangkan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab persoalan ini? Lebih baik biarlah saya menjawabnya, iaitu yang menikmati faedah dari segala usaha Dasar Ekonomi Baru ini bukanlah Bumiputra yang sebenarnya, tetapi adalah UMNOPUTRA yang sebenarnya. Juga, hingga hari ini, kami

masih belum dapat lagi mendengar atau melihat satu konsep pembasmian kemiskinan kebangsaan yang sempurna dan dapat diterima oleh semua pihak sebagai panduan dalam usahanya untuk membasmi kemiskinan. Yang dapat kita lihat ialah satu konsep pembasmian kemiskinan yang hanya berdasarkan kepentingan pihak yang memerintah, iaitu bagaimana konsep ini digunakan sebagai perlindungan atau payung untuk memperkayakan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya matlamat Dasar Ekonomi Baru ini tercapai iaitu dalam masa 20 tahun, kaum Bumiputra telah memiliki 30% saham dalam bidang perusahaan dan perdagangan, tetapi 30% saham ini hanya di tangan segelintir orang sahaja, melainkan majoritinya masih begitu miskin. Adakah ini bererti berjaya atau objektif Dasar Ekonomi Baru sudah tercapai. Sebenarnya, dengan cara ini untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, saya fikir bahawa Kerajaan tak usah menunggu sampai 1990, barangkali pada tahun sebelum 1979, matlamat 30% ini akan tercapai. Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri-pun pernah berkata demikian. Tetapi adakah ini merupakan matlamat yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jika sekiranya Kerajaan Barisan Nasional masih begitu degil terus melaksanakan dasar pembinaan negara yang tidak adil dan sak-sama ini, saya sangat khuatir bahawa situasi keselamatan negara kita ini akan bertambah serious, krisis keharmonian racial mungkin akan tercetus lagi dan akhirnya Malaysia akan menjadi Vietnam dan Kemboja yang kedua. Masaalah yang Malaysia hadapi hari ini sebenarnya adalah dari dalam negara kita sendiri, seperti kemiskinan, korupsi, ketidak-adilan sosial, pertalian kelas dan bangsa kian menggentingkan, iaitu masaalah-masaalah yang diakibatkan oleh dasar pembinaan negaranya, tetapi bukanlah masaalah "Teori Domino" sebagaimana yang dilaung-laungkan. Menurut hemat saya, masaalah pembinaan negara ini adalah lebih serious daripada masaalah komunis.

Akhirnya, saya hendak memberikan satu arahan yang serious terhadap Kerajaan Barisan Nasional bahawa masaalah yang Malaysia hadapi hari ini hanya dapat diatasi

dengan diadakan satu dasar pembinaan negara yang adil terhadap semua rakyat Malaysia tanpa mengira warna kulit, keugamaan, kebudayaan dan bangsanya. Peperangan yang Malaysia hadapi ini bukanlah satu peperangan terhadap komunis yang sebenarnya tetapi adalah satu peperangan bagaimana untuk memenangi sokongan dan hati rakyat bagi menentang musuh negara kita, baik dari dalam atau dari luar negeri.

6.23 p/g.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga adalah satu dokumen yang paling komprehensif yang akan dapat menolong menyatukan semua rakyat Malaysia dan memberikan mereka kemakmuran. Walau bagaimanapun, ada sedikit perkara yang ingin saya timbulkan.

Saya ingin memberikan pandangan kaum wanita terhadap Rancangan Malaysia Ketiga ini. Pihak perancang kita tiada memberikan pertimbangan bahawa keluarga adalah merupakan satu unit asas di dalam masyarakat Malaysia kita. Unit keluarga yang terdiri dari 2.5 juta di dalam Malaysia adalah merupakan beberapa peringkat pembangunan ekonomi dan sosial. Keperluan dan aspirasi keluarga kita adalah berlainan dengan pendapatan, kedudukan sosial, bangsa dan kebudayaan mereka. Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah memenuhi keperluan dan aspirasi yang berlainan ini kiranya kita hendak mewujudkan satu bangsa yang bahagia dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk meninggikan taraf mereka yang tidak berada di negara ini dan memberikan setiap warga-negara satu pertaruhan tanpa mengira bangsanya dan tanpa mengira kedudukan sosialnya. Golongan-golongan yang tertindas di dalam masyarakat kita hendaklah mendapat faedah yang lebih bila rancangan ini dilaksanakan dalam tahun 1980. Untuk membolehkan orang-orang kita bersatu, tiap-tiap individual hendaklah merasakan d'ri mereka mendapat faedah melalui rancangan ini pada tahun 1980. Adalah perlu semasa rancangan ini dilaksanakan bahawa tiap-tiap keluarga hendaklah mendapat tempat kediaman yang baik dengan peralatan moden yang selisa. Tiap-tiap keluarga hendaklah memperoleh pendapatan yang baik dalam tahun 1980.

Setiap anak yang berumur di antara 5 hingga 19 tahun hendaklah berada di dalam sekolah dan berpelajaran supaya dapat mengambil tempat yang khas di dalam masyarakat Malaysia. Walaupun dalam tempoh rancangan lima tahun yang lepas kadar persekolahan di dalam negara kita sebanyak 61% dalam tahun 1970 dan hanya 53% sahaja anak-anak kita yang berumur di antara 5 hingga 19 tahun didaftarkan memasuki sekolah-sekolah, namun apabila angka buta huruf disatukan dengan kemiskinan ia adalah merupakan satu bahaya keselamatan bagi negara kita. Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah mengikis bahaya ini. Semua anak-anak kita di antara umur 5 hingga 19 tahun hendaklah bersekolah. Pelajaran wajib hendak diperkenalkan. Semasa di dalam persekolahan, anak-anak kita dari 0 hingga 20 tahun merupakan lebih dari 50% penduduk negara kita. Mereka sekarang hendaklah dilatih membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang patriotic. Selepas 20 tahun merdeka kebanyakan anak-anak kita tidak mempunyai cukup pengertian memiliki sesuatu dan arahan. Kita sebagai ibu-bapa hendaklah disalahkan. Kita di dalam Kerajaan tiada mengambil langkah yang berdisiplin di dalam Demokrasi Berparlimen ini. Sebaran am kita tiada begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan orang-orang kita berlumba-lumba di dalam dunia sains yang moden ini adalah perlu memberikan pelajaran yang komprehensif kepada anak-anak kita. Kerajaan kita telah pun menekankan kepentingan sains dan teknologi moden. Kerajaan kita menggalakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua. Kita hendaklah mengikuti polisi ini dengan cergas di sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kita hendaklah juga menggalakkan bahasa ibunda pada bila-bila masa dan di mana diperlukan. Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa rasmi adalah untuk menyatukan orang-orang kita. Bagi mereka yang dari lepasan sekolah hendaklah mempunyai kecekapan yang tinggi di dalam tiap-tiap bahasa ini supaya akan dapat mengikut pelajaran-pelajaran professional di dalam salah satu bahasa di seberang laut.

Semua anak-anak kita hendaklah mempunyai peluang yang sama di dalam pelajaran, pekerjaan dan di dalam semua peluang hidup di dalam masyarakat kita yang bebas dan liberal. Kita janganlah membiarkan anak-anak kita membesar dengan

perasaan frust. Tidak ada anak yang akan berasa malu disebabkan keturunan ibu-bapanya. Tidak ada anak yang akan berasa terganggu disebabkan bangsanya atau disebabkan ia telah dilahirkan di dalam sebuah keluarga yang tertentu. Anak-anak kita hendaklah membesar sebagai satu masyarakat dan terdidik dalam pengertian memiliki sesuatu dan membina satu bangsa yang bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan perumahan rakyat Malaysia adalah tidak memuaskan. 40% rumah tidak mempunyai bekalan letrik, 40% yunit-yunit kediaman tidak ada air yang mengalir. Jenis rumah-rumah untuk keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik di sekitar bandar dan di kawasan luar bandar tidak memuaskan. Apakah yang dapat kita buat untuk memberikan orang-orang kita rumah-rumah yang baik dan selesa di dalam dunia tamadun kita yang moden. Kerajaan kita telah merancang bandar-bandar baru, kampung-kampung baru dan cuba mengumpulkan orang-orang kita supaya mereka dapat diberi kemudahan-kemudahan moden seperti air paip, bekalan letrik, tempat membuang sampah yang baik, alam sekitar yang sihat, sekolah-sekolah yang baik, jalan-jalan raya yang baik, dewan masyarakat dan tempat-tempat ibadat, kawasan membeli belah yang baik, kemudahan-kemudahan recreation yang cukup serta kemudahan-kemudahan sosial yang lain yang akan dapat membaiki keadaan hidup mereka yang kurang bernasib baik. Keluarga-keluarga luar bandar ini memerlukan crash programme di dalam bidang pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tuan memandu di sepanjang kawasan-kawasan luar bandar Malaysia, Tuan akan dapat melihat bahawa pembangunan di bawah pemerintahan penjajah amat tidak memuaskan. Jalur-jalur pembangunan dan penempatan semula luar bandar di sepanjang jalan-jalan raya yang berbatu-batu telah membuatkan sukar dan mahal untuk memberikan orang-orang ini dengan kemudahan-kemudahan yang moden dan selesa. Sebahagian rumah-rumah ini terletak di kawasan-kawasan bandar yang sentiasa dilanda oleh banjir. Oleh itu, adalah perlu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini mendirikan kampung-kampung baru, bandar baru dengan perancang bandar yang moden dan mengumpulkan orang-orang kita di dalam bandar-bandar moden atau perkampungan

luar bandar dengan memberikan mereka rumah-rumah dengan segala keselesaan. Di atas tanah-tanah yang tinggi berhampiran dengan pusat-pusat perniagaan mereka supaya penduduk-penduduk luar bandar akan dapat hidup sebagai masyarakat bandar dengan segala kemudahan moden dan keselesaan yang diperolehi oleh kawasan-kawasan perumahan bandar. Adalah tidak bijak untuk membiarkan penduduk-penduduk luar bandar terus berlabuh di dalam rancangan perumahan yang lebih baik di atas tanah-tanah yang tidak sesuai yang mereka duduki sekarang. Orang-orang kita hendaklah digalakkan untuk mendirikan rumah-rumah mereka di dalam kampung-kampung baru dan di bandar-bandar baru yang perlu dirancangkan di seluruh negeri dan di tiap-tiap daerah di dalam Malaysia. Badan-badan perancang kita memerlukan sedikit penyelidikan tentang di mana dan bagaimana hendak membina kawasan-kawasan perumahan supaya masyarakat luar bandar tidak perlu berhijrah ke kawasan-kawasan bandar yang telah sesak dengan setinggan-setinggan dan menjadikan kurang berharga. Rancangan Malaysia Ketiga memberikan kemudahan kejenteraan di dalam sektor pertanian. Kemudahan seumpama itu kalau diberikan kepada pekebun-pekebun kecil di dalam sektor pertanian bukanlah satu projek yang sesuai. Kita sedar cara pertanian yang sebenarnya di seluruh dunia adalah punca kemiskinan di dalam kawasan-kawasan luar bandar adalah perlu bagi Kerajaan menggalakkan orang-orang yang mengamalkan kerja-kerja yang tidak ekonomi menyatukan tanah-tanah mereka secara koperasi dengan menggunakan teknik-teknik pertanian yang moden untuk memperbaiki pendapatan mereka dan disamping itu menggalakkan anak-anak mereka mendapat hasil yang lebih di dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan lihat kepada belanjawan yang berulang kali sebagai yang diundi oleh Parlimen dari setahun ke setahun untuk kemajuan pertanian, Tuan, akan dapat memastikan bahawa hanya di antara 3% hingga 4% jumlah perbelanjaan yang diuntukkan kepada Kementerian Pertanian adalah untuk membiayai lebih 70% penduduk-penduduk yang ada di dalam sektor pertanian. Mengapa 70% orang-orang kita diperuntukkan hanya dengan 4% perbelanjaan. Kita di dalam Parlimen akan disalahkan kerana mengekalkan kemiskinan

yang wujud di kawasan-kawasan luar bandar. Kita hendaklah membetulkan keadaan itu dengan serta-merta. Rancangan lima tahun yang lepas memberikan 21% hingga 23% perbelanjaan pembangunan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Saya sukacita bahawa kita telah membetulkan keadaan itu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan memberikan 68.3% jumlah perbelanjaan pembangunan untuk lima tahun yang akan datang ke arah pembangunan sektor pertanian ini. Wang ini akan memberikan faedah kepada semua tanpa pilih kasih. Bangsa kita di hari depan dan rakyat seluruhnya bergantung di atas kemakmuran yang diperolehi dari 12.47 billion yang akan dibelanjakan di dalam kawasan-kawasan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kita hendaklah memberikan keutamaan kearah pelaksanaan projek-projek ini dengan cepat. Parlimen hendaklah bersedia meluluskan lebih banyak wang sekiranya projek-projek itu siap sebelum 1980.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu mendapatkan kembali masa yang telah hilang. Dalam pada itu kita jangan lupa kepada kemiskinan di dalam bandar. Keluarga-keluarga di dalam bandar janganlah merasakan diri mereka terbiar. Di masa-masa yang lampau mereka seperti anak-anak yang terbiar. Orang-orang miskin di dalam bandar walaupun apa keturunan mereka memerlukan pertolongan kita dengan sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Rancangan Malaysia Ketiga ini akan membuatkan setiap keluarga hidup gembira tanpa sebarang diskriminasi dan sebagainya.

6.38 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini pada 19hb yang lalu. Saya ingin menyentuh beberapa perkara bagi menarik perhatian Kementerian yang berkenaan kepada keadaan rakyat di daerah kecil dan di luar bandar seperti di kawasan saya, terutamanya para petani, pekebun kecil, penanam padi dan juga nelayan-nelayan yang kebanyakannya terdiri daripada bumiputra yang bergantung sara hidup mereka kepada usaha di bidang ini.

Seerti Dewan ini sedia maklum iaitu di negeri Sarawak adalah seorang Menteri yang bertanggungjawab di bidang pertanian dan pembangunan luar bandar. Walaupun demikian, masalah kewangan untuk tujuan tersebut sangat-sangat terhad. Negeri Sarawak pada masa ini walaupun kawasan tanahnya lebih luas daripada semua negeri di dalam Malaysia serta mempunyai berbagai hasil seperti minyak, kayu-kayan dan lain-lain lagi hasil pertanian, tetapi di bidang ekonomi rakyat di negeri itu kurang maju. Oleh itulah Negeri Sarawak salah satu daripada negeri di negara kita ini diberi keutamaan di bidang pembangunan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tahun 1976-1980 dengan mendapat peruntukan berjumlah \$1,650,000 atau 8.9%. Kami ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat.

Rancangan Malaysia Ketiga ini saya anggap salah satu sebagai ubat yang boleh diharap menyembuh berbagai penyakit, umpamanya kemiskinan semua kaum rakyat Malaysia, keselamatan negara dan perpaduan di antara rakyat yang berlainan kepercayaan dan juga untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang boleh mengubah keadaan hidup rakyat dan negara untuk menjamin kemajuan ekonomi dan sosial yang berkekalan untuk dinikmati oleh semua rakyat bagi membina masyarakat Malaysia yang adil dan bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat dan teringat semenjak Rancangan Malaysia Kedua dijalankan, bandar-bandar yang tertentu di negeri Sarawak mahupun negeri yang lain telah begitu cepat berubah. Jalanraya besar yang cantik, rumah-rumah kediaman ditepi jalan berbagai rupa dan bentuknya diperbuat kebanyakan daripada batu atau simen, kereta atau motokar pun kadang kala tidak ada tempat untuk meletakkan. Ini sudah menjadi satu bukti nyata kejayaan Rancangan Malaysia Kedua. Walaupun demikian keadaan seperti itu adalah dinikmati oleh segolongan rakyat tertentu sahaja yang duduk di bandar. Apa yang menjadi perhatian saya sekarang ialah keadaan di luar bandar tentang untung nasib petani dan nelayan-nelayan yang boleh dikatakan bekerja keras siang malam untuk mendapat makan pagi dan petang diam senyap di tepi pantai dan di pinggir hutan tanpa bekalan air pa'p dan api letrik serta tidak mempunyai jalanraya. Maka harapan seluruh rakyat seperti ini di kawasan saya semoga Rancangan Malaysia Ketiga ini

dapat membuktikan hasrat Kerajaan Barisan Nasional dengan melaksanakan projek-projek yang tertentu seperti menambah hasil pertanian terutamanya padi dan memberi segala kemudahan bantuan yang berpatutan kepada para nelayan dan menjalankan segala usaha bagi meninggikan taraf hidup rakyat diperingkat kampung dan rumah panjang sejajar dengan matlamat di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentang di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap tahun ramai anak-anak muda meninggalkan bangku sekolah menengah yang mencapai Tingkatan III dan V tidak beri untuk menyambung pelajaran mereka ke tingkatan yang lebih tinggi lagi serta tidak dapat mencari pekerjaan seperti makan gaji. Kebanyakan daripada mereka ini tidak begitu gemar untuk bekerja sebagai petani, oleh itu saya suka mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya di tiap-tiap sekolah rendah atau menengah terutamanya di luar bandar semangat atau pelajaran dan latihan pertanian haruslah diperbesarkan lagi tidak sebagai satu latihan sambilan sahaja seperti terdapat sekarang di sekolah-sekolah tertentu di kawasan saya. Dengan menanam perasaan dan semangat di bidang pertanian dan ternakan daripada kecil-kecil lagi mungkin boleh menjadi satu dorongan bekerja di bidang itu apabila mereka meninggalkan sekolah. Oleh sebab negara kita ini lebih-lebih lagi seperti negeri Sarawak adalah mempunyai cukup tanah untuk rakyat berusaha di bidang pertanian cara moden yang boleh memberi hasil pendapatan lebih baik daripada berharap semata-mata dengan makan gaji seperti menjadi kegemaran pemuda dan pemudi hari ini.

Mengenai pelajaran pula sebahagian besar dari peruntukan wang akan dibelanjakan di bidang ini untuk negeri Sarawak. Perkara sekolah ini bukan sahaja memberi pelajaran kepada kanak-kanak bahkan saya fikir sekolah juga menjadi tempat memberi didikan perasaan melatih kanak-kanak sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan taat setia bagi bangsa dan negara. Apa yang mendukacitakan saya apabila saya melihat keadaan sekolah rendah luar-luar bandar di daerah Ulu Belangian, Ulu Mukah dan Ulu Oya sebahagian dari murid-murid belajar duduk di atas lantai disebabkan tidak mencukupi bangku dan meja untuk mereka itu. Keadaan bilik darjah juga penuh sesak,

begitu juga rumah kediaman guru-guru telah kojol tua. Kebanyakan bangunan sekolah seperti ini yang dibuat di waktu penjajah dahulu di bawah tadbiran Majlis Kerajaan Tempatan dan saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan mengambil perhatian perkara seperti ini supaya keadaan bangunan sekolah di bandar dan juga luar bandar sama tarafnya termasuk kediaman guru-guru. Pada tahun yang lepas daripada awal tahun ini tiga buah sekolah rendah sementara telah dibuat oleh rakyat sendiri untuk tempat anak-anak mereka belajar di mana tiga orang guru juga dibayar gaji oleh Jabatan Pelajaran Sarawak. Sekolah ini sebuah di Sungai Seping Ulu Belangian, kawasan rumah panjang dan dua buah lagi di Kampong Sau Mukah dan Kampong Bakong Oya. Maka saya merayu semoga sekolah seperti itu dapat dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menggantikan bangunan sementara itu di dalam tempoh tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Menteri Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar telah berucap di satu Majlis di Kuching atas perkara Sago Symposium yang dihadiri oleh para peserta dari U.S.A., United Kingdom, Germany, Netherlands, Jepun, Filipina, Indonesia, Australia dan Singapura berkaitan dengan perusahaan tepung sagu. Selain daripada boleh dimakan oleh rakyat tempatan tepung sagu ini telah begitu lama menjadi hasil pertanian yang dieksport dari negeri Sarawak sebelum penjajah datang ke situ hinggalah hari ini. Saya yakin atas segala kenyataan dan pandangan Yang Berhormat Menteri Sains dan Teknologi dapat memberi perubahan dan nafas baru kepada bahan ini supaya negara-negara luar yang membeli tepung sagu membeli lebih banyak lagi dengan harga yang lebih baik setanding dengan harga-harga bahan pertanian yang lain dihantar keluar negeri untuk mendapat tukaran wang negara asing untuk faedah perkembangan ekonomi negara kita.

Di samping itu juga saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi bantuan yang berpatutan kepada pekebun sagu sama seperti bantuan diberi kepada penanam kelapa, getah dan lain-lain lagi di negeri Sarawak.

6.49 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini sukalah saya mengambil

peluang bercakap untuk menyokong usul yang telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tanggal 19hb Julai yang lalu.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan Buku Hijau di Dewan ini yang lengkap dengan rancangan-rancangan yang benar-benar akan dapat memberi faedah kepada seluruh rakyat di negara ini. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh satu dua perkara.

Yang pertama, berhubung dengan Perancangan Keluarga. Kita memang sedar bahawa matlamat yang ditujukan oleh Kerajaan dalam perkara ini adalah baik iaitu bagi maksud hendak menjaga supaya bilangan penduduk di negara ini tidak melebihi paras yang ditentukan supaya dapat hidup dengan baik dan sejahtera, dan bagi membentuk sebuah negara yang rakyatnya adalah sempurna dari segi sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah banyak negara-negara dalam dunia ini mengamalkan Perancangan Keluarga ini. Tetapi bagi negara kita Malaysia yang tercinta ini usaha-usaha ke arah ini patutlah dilakukan dengan penuh berhati-hati sebab masalah-masalah bagi negara kita ini adalah sangat berlainan dengan masalah-masalah di negara lain. Kita mempunyai tanah yang sangat luas samada di Semenanjung atau di Sarawak dan Sabah dengan penduduk hanya seramai 11 juta sahaja. Ini bermakna lapangan untuk rakyat boleh hidup masih terlalu luas.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemah saya tidak mempunyai sebab-sebab mendesak untuk kita mengawal kelahiran anak-anak sepertimana di setengah-setengah negeri lain yang mungkin telah sempit tanahnya untuk menyara hidup rakyatnya, tetapi apa yang perlu dibuat dalam negara kita ini ialah rancangan-rancangan yang berkesan untuk memberi pekerjaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu kita dalam keadaan yang sama-sama hendak menyelesaikan masalah memberi pekerjaan kepada rakyat kita yang ramai, yang tidak mempunyai pekerjaan, tetapi Insya Allah dengan terlaksananya Rancangan Malaysia Ketiga nanti yang ada di hadapan kita sekarang ini, maka kita sudah berasa lega dan bolehlah kita memandang masa hadapan

yang agak cerah bagi kehidupan rakyat. Ini, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa apabila kita melakukan kerja yang bersungguh-sungguh bagi mengatasi masaalah yang seumpama ini maka akhirnya kita berjumpa juga jalan keluar yang baik. Dengan bertambah luas perkembangan sains dan teknologi di zaman kita ini, maka saya rasa masaalah perkembangan dan pertambahan manusia dalam negara kita ini tidaklah membimbangkan. Oleh hal yang demikian, maka masaalah Perancangan Keluarga ini tidaklah sepatutnya menjadi masaalah besar kepada negara kita sehingga kita hendak menghadkan kelahiran anak-anak.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memandang dari segi politik pula maka masaalah ini bertambah menimbulkan perasaan yang kurang menyenangkan kerana masaalah perbezaan bilangan kaum adalah secara langsung menyentuh politik yang sensitif dan saya bersetuju dengan pendapat dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang mengingatkan Kerajaan bahawa jikalau kurang berhemah, maka masaalah perbezaan bilangan kaum dalam masa akan datang mungkin akan menimbulkan masaalah yang amat merbahaya dan berat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan Islam perancangan keluarga ini sekurang-kurangnya adalah sesuatu yang tidak digalakkan, kerana dalam Islam sendiri ada nas-nas yang terang menggalakkan lelaki berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beranak banyak. Dan tabii manusia pun bukan tidak suka kepada anak banyak, lagi pun di setengah-setengah negeri lain memang ada yang sampai mengeluarkan hadiah-hadiah kepada ibu-ibu yang berjaya melahirkan anak yang banyak. Tambahan pula dengan melaksanakan perancangan keluarga ini dengan menggunakan pil-pil dan sebagainya boleh menimbulkan kebiakan maksiat di kalangan muda-mudi kita, dan menyentuh kerukunan dan kesejahteraan rumahtangga sehingga mengikut setengah buku dan ahli-ahli fikiran di barat sendiri telah sedar akan bencana-bencana yang timbul daripada perancangan keluarga ini. Di antaranya berlaku kehapusannya golongan terpelajar dan setengah terpelajar, dan pertambahan nisbah bilangan golongan buruh miskin bodoh dan beku. Banyak tersibar penyakit perempuan, kalau sebelum itu orang takut menghadapi sekendal melahirkan anak

di luar nikah, tetapi sesudah tersibar segala kemudahan-kemudahan perancangan keluarga hal tersebut boleh dihindarkan kepada mereka yang melakukan perzinaan sedangkan perzinaan yang banyak dan meluas boleh menyebarkan penyakit perempuan yang sangat merbahaya dari segi kesihatan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar perancangan keluarga ini janganlah digalakkan dan patutlah disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dari hal penyusunan semula masyarakat, saya memberi tahniah kepada Kerajaan atas langkah-langkah yang telah diambil atas perkara ini sehingga menghasilkan kejayaan yang baik khususnya di bahagian mengadakan rancangan-rancangan kemahiran di berbagai-bagai lapangan untuk kaum bumiputra, demikian juga dilapangan pertanian. Tetapi sebagaimana yang ditunjuk oleh buku Rancangan Malaysia Ketiga ini terdapat 74% daripada penduduk luar bandar yang masih di dalam kemiskinan dan kemelaratan hidup. Dan ini adalah suatu persoalan yang amat serious dan memerlukan tenaga dan usaha amat besar untuk menghadapi dan menyelesaikan persoalan ini.

Sungguhpun dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini telah ditunjukkan jalan dan cara bagi mengatasi masaalah ini tetapi keadaan yang sebenarnya yang telah berlaku dan sedang berlaku ada di antara rancangan-rancangan itu di samping faedah yang didapati ada pula bahayanya. Sebagai contoh ialah Rancangan Taliair Kemubu dan Lemal di negeri Kelantan.

Kedua-dua rancangan ini disamping sebahagian petani mendapat hasil dua kali menanam padi setahun tetapi ada beberapa banyak pula tanah yang tidak dapat diusahakan disebabkan takungan air dan setengahnya pula kekeringan air yang terkena kepada beribu-ribu ekar. Saya berharap pihak Kerajaan akan menyiasat bagi mengatasi masalah ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hasil daripada usaha tani daripada perusahaan tanaman padi yang sangat tidak memuaskan setakat ini dan tidak menarik minat pemuda-pemuda, maka ramailah pemuda-pemuda di seluruh negeri Kelantan telah berhijrah meninggalkan kampung masing-masing mencari rezki di luar kampung seperti di bandar besar Kuala

Lumpur terutama di Singapura. Dan setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pemuda-pemuda dari Negeri Kelantan malah di seluruh negara, pemuda-pemudanya telah berhijrah ke luar kampung, terutama ke Singapura sehingga mencapai angka tidak kurang daripada 50,000 orang. Ini adalah satu gambaran yang tidak baik, sebab selain daripada melahirkan gambaran bahawa dalam negeri sendiri mereka tidak mendapat kehidupan yang baik, maka bahaya daripada penghijrahan ini memang banyak pula. Mungkin mereka dihasut dengan berbagai-bagai fahaman politik yang merugikan negara, mempelajari unsur-unsur jenayah yang akan mengganggu keamanan negara apabila mereka balik kelak, mempelajari kerja-kerja maksiat dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah supaya Kerajaan mengambil langkah yang khusus dan dengan cara yang lebih tegas untuk membendung penghijrahan pemuda-pemuda keluar kampung masing-masing. Jika sekiranya langkah-langkah yang positif tidak diambil dengan segera, saya khuatir bahawa pembangunan kemajuan di kampung-kampung akan terjejas, terutamanya di dalam kemajuan persawahan, kerana apabila pemuda-pemuda ini keluar kampung, maka apa yang tinggal hanyalah yang tua-tua yang sudah lemah tenaganya, dengan ini akan banyaklah tanah-tanah yang terbiar yang tidak diusahakan. Ini secara langsung menyentuh dan menjejaskan rancangan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan.

Dari segi yang lain pula, Tuan Yang di-Pertua, cita-cita akhir daripada penyusunan masyarakat ini ialah untuk mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan hidup, lebih-lebih lagi secara khusus bagi orang-orang Islam tidak akan tercapai jika tidak dikembarkan dengan kesejahteraan hidup secara rohani bersama. Ini memang telah menjadi dasar Kerajaan kita pada masa ini cuma apabila kita membandingkan peruntukan yang diperuntukkan kepada pembangunan rohani dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga ini amatlah kecil jika dibandingkan dengan peruntukan kebendaan. Pada hal kalau pun sempurna pembangunan dari segi kebendaan, tetapi tidak sempurna dari segi pembangunan rohani, maka seseorang tidak akan sempurna hidupnya, kerana samada kebaikan atau keburukan seseorang itu adalah berpunca daripada hati dan hati tidak akan dapat dikawal kecuali dengan unsur-

unsur rohani atau ugama. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak berbelanja wang beribu-ribu juta ringgit untuk keselamatan negara dari ancaman subversif dan kominis, tetapi ancaman demi ancaman masih wujud. Ini ditimbulkan oleh orang-orang yang tidak terkawal rohaninya yang tidak percaya dengan kewujudan Allah s.w.t.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, merebaknya dadah dan berbagai rupa maksiat seperti perjudian, perzinahan, jenayah, minum arak yang berleluasa, khususnya di kalangan masyarakat atasan. Perkara ini adalah punca daripada segala keburukan, semuanya ini adalah menjadi unsur kegelisahan negara, dan ini semuanya tidak akan dapat dihapuskan atau dikurangkan melainkan dengan unsur-unsur rohani. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh harapan memohon daripada Kerajaan melalui penyusunan semula masyarakat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya mengatur langkah yang sungguh-sungguh untuk membendung apa yang saya sifatkan kemungkaran tadi, kerana untuk membangun sesuatu umat itu hendaklah bekerja keras dan sedia berkorban dan disiplin yang kukuh melalui pegangan dan akidah yang luhur dari ugamanya. Dengan itu mereka akan berani mati untuk tujuan yang suci yang dipegangnya dan ini tidaklah akan dapat dicapai dengan melalui tujuan-tujuan kebendaan semata-mata.

7.06 mlm.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan mengenai Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam beberapa perkara.

Yang pertama, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan berasa bangga kepada Kerajaan kita yang telah menyusun rancangan-rancangan bagi tujuan meninggi ataupun menambahkan lagi taraf hidup ataupun pendapatan rakyat di Malaysia ini.

Rancangan Malaysia Ketiga ini bolehlah kita anggapkan usaha Kerajaan bagi menyambung usaha-usaha yang telah dijalankan dan belum lagi selesai pada Rancangan Malaysia Kedua dahulu. Walau bagaimanapun, sudah tentu pihak rakyat merasa tidak puas hati dengan segala apa yang diberikan

ataupun segala apa yang diusahakan oleh pihak Kerajaan. Ini sudah tentulah menjadi kebiasaan kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini yang pertama saya sukanya menyenut dalam Bab IX mengenai Pembasmisan Kemiskinan dan Perimbangan Ekonomi Antara Kaum. Kita dapat melihat dengan jelas angka-angka ataupun statistics yang telah ditunjukkan di sini bahawa memang orang-orang Melayulah yang lebih tinggi peratusnya dari segi kemiskinan. Apa yang saya sukanya tentang di sini ialah mengenai kemiskinan kaum nelayan ataupun penduduk-penduduk di Malaysia ini yang mata pencarian mereka bergantung kepada menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di setengah-setengah tempat kita dapat rakyat di dalam negara kita ini menuduh Kerajaan bahawa di dalam rancangan-rancangan Kerajaan ataupun di dalam usaha-usaha Kerajaan hendak meninggikan pendapatan di negara ini seolah-olah kaum nelayan dibiarkan atau terbiar. Sehingga ini kita rasa tidak dapat hendak dibanggakan dalam usaha-usaha Kerajaan bagi membantu dan meninggikan pendapatan kaum nelayan ini, sebab banyak hal-hal yang dilaksanakan oleh Kerajaan, tetapi tidak dapat dirasakan nikmatnya oleh kaum nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya, di dalam buku ini menunjukkan sejumlah besar 38,000 kaum nelayan yang ada di Semenanjung Malaysia ini di dalam jumlah itu 28,000 yang terdiri ataupun terjumlah daripada kaum nelayan yang berpendapatan kecil ataupun berpendapatan rendah. Daripada jumlah itu pula, Tuan Yang di-Pertua, angka menunjukkan 19,000 adalah kaum nelayan yang duduk di Pantai Timur. Maka saya rasa amatlah sesuai sekalilah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah Kerajaan kita melipatgandakan lagi usaha-usaha ataupun mencari jalan supaya keadaan yang sebegini lama terbiar dapat digandakan, kalau tidak dapat diseimbangkan dengan penduduk-penduduk yang bukan nelayan, tetapi dapat ditinggikan taraf hidup mereka itu supaya mereka itu dapat merasai nikmat pembangunan. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau di masa-masa yang lepas cara-cara Kerajaan memberi bantuan kepada

kaum nelayan itu dengan berbagai cara termasuk subsidi. Ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Kaum nelayan itu pada hemat saya bukan sekadar kita memberi subsidi itu sahaja, tetapi yang amat perlu hendaklah kita mulakan bantuan ataupun pertolongan kepada mereka itu dari bawah dengan memberi tunjuk-ajar, memberi pendidikan, memberi semangat, memberi asuhan kepada mereka itu supaya mereka itu benar-benar tahu dan mengerti bagaimana cara mereka itu hendak meninggikan pendapatan mereka. Kemudian daripada itu soal pemberian subsidi, umpamanya, memberikan enjin bot kepada kaum nelayan itu, dengan syarat mereka mempunyai kolek sendiri, sedangkan hendak menyediakan kolek itu memerlukan wang yang sekurang-kurangnya \$6,000 ataupun lebih mengikut kadar botnya. Jadi, kepada kaum nelayan yang berpendapatan rendah yang tak pernah menjadi tokeh, sudah tentulah sampai bilapun tidak akan dapat merasai nikmat pemberian Kerajaan, sebab mereka itu tidak dapat menyediakan kolek-kolek. Begitu juga pemberian subsidi pukut kepada orang yang mempunyai bot. Bererti kepada orang-orang yang telah berada, maka orang itu akan dapat nikmat. Tetapi kepada orang yang benar-benar tidak berada, maka akan kekaliah mereka itu dalam keadaan yang lama juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah di dalam peluang dan kesempatan ini hendaklah Kerajaan kita memandang soal ini dengan benar-benar serius, yang benar-benar bersungguh-sungguh, baik dari segi apa sahaja, mahupun dari segi pelajaran ataupun dari segi lain. Sebab umumnya, Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kaum nelayan ini telah ketinggalan dalam segala hal dan segenap segi. Kalau Kerajaan kita tidak memberikan perhatian yang sungguh-sungguh dan perhatikan yang serius maka sudah tentulah kaum nelayan yang kebanyakannya, sebagaimana ternyata di sini ialah di Pantai Timur itu akan terus ketinggalan di belakang ataupun dalam kata-kata lain akan terus tinggal miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini juga saya menyeru Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memberikan kemudahan kepada rakyat dalam negara ini khususnya mengenai rancangan perumahan, maka hendaklah difikirkan oleh Kementerian

berkenaan supaya membolehkan kaum nelayan ini dapat meminjam ataupun dapat memiliki rumah mereka dengan cara-cara pertolongan daripada Kerajaan. Kalau tidak, pada hemat saya kaum nelayan akan tetaplah dengan keadaan rumah mereka yang seperti biasa. Jadi, ini sudah tentulah tidak dapat mereka itu merasai langsung nikmat-nikmat pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi takdir di Malaysia ini keadaan tanah di sepanjang Pantai Timur, di sepanjang-panjang pantai di tepi laut itu keadaan tanahnya tidak subur. Jadi, kalau Kerajaan kita tidak memikirkan untuk membantu mereka itu sudah tentu mereka itu tidak dapat menambah pendapatan mereka dari punca-punca pertanian. Kalaupun hendak digunakan tanah yang ada di Pantai Timur itu ataupun tanah yang disekitar perkampungan nelayan itu ialah ditanam dengan gajus. Kalau ditanam dengan tanaman lain, maka sudah tentulah tidak akan subur dan tidak akan menambahkan pendapatan mereka itu. Maka saya merayu kepada Kerajaan kita supaya berusaha membawa projek-projek perindustrian ataupun perkilangan ini di mana tempat-tempat yang didapati sesuai di negeri Pantai Timur khususnya di Trengganu. Saya sedar di dalam Dewan ini beberapa kali persoalan ditimbulkan dan beberapa kali pula Menteri-menteri kita menjawab usaha-usaha dilaksanakan, usaha-usaha dijalankan untuk menarik pelabur-pelabur ini ke Pantai Timur. Apa yang menjadi kenyataan kepada kita walaupun persoalan ini ditimbulkan beberapa kali, jawapan pun kita menerima beberapa kali tetapi keadaannya masih tetap tinggal sebagaimana keadaan biasa juga. Dengan alasan-alasan yang diberi disebabkan pelabur-pelabur ini tidak berminat menanam modalnya di kawasan-kawasan Pantai Timur, dengan alasan-alasan lain mengatakan kemudahan-kemudahan asas yang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya merayu kepada Kerajaan kita supaya menyediakan ataupun tolong menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang dikehendaki oleh pemodal-pemodal untuk menanam modal di sana. Jadi kalau kita menunggu Kerajaan mengatakan bagaimana Kerajaan

hendak menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan sedangkan pelabur-pelabur atau pemodal-pemodal ini belum lagi menaruh minat untuk menanam modal di sana, maka akan berkata pula pelabur-pelabur ini bagaimana kami hendak berminat ke sana sedangkan kemudahan-kemudahan asas tidak ada, letriknya tidak cukup, jalannya tidak sempurna, airnya tidak ada dan bermacam-macam lagi. Jad. sampai bila persoalan ini hendak dimajukan akan berkelilinglah begitu selama-lamanya. Orang ini kata tidak ada kemudahan, orang yang hendak memberikan kemudahan kalau tidak ada minat. Maka tidak habislah siapa yang dahulu siapa yang akhir, telur dahulukah atau ayam dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat sesuai sekali di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan menumpukan perhatian kepada penduduk-penduduk di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali memang sudah takdir Ilahi bahawa keadaan ataupun penduduk di Pantai Timur ini keadaannya masih tinggal kebelakang. Kalau ada projek-projek yang diharapkan ataupun yang diletakkan harapan untuk meninggikan taraf hidup penduduk di Negeri Trengganu umpamanya, ada-ada sahaja halangan yang menyebabkan projek-projek ini tergendala ataupun sekurang-kurangnya lembab, sejuk, umpamanya projek Trengganu Tengah sedangkan di dalam Malaysia kita ataupun di dalam Semenanjung Malaysia ini ada beberapa Lembaga, umpamanya, Lembaga Johor Tenggara, Jengka Pahang Tenggara ataupun sebagainya tetapi di dalam perlaksanaannya mengikut apa yang saya tahu projek-projek di Johor Tenggara dapat berjalan dengan baik. Pahang Tenggara begitu juga ataupun khususnya projek-projek di dalam Pahang dapat berjalan dengan baik. Saya tidak iri hati, sebagai wakil daripada Negeri Trengganu pun tidak irihati kepada Negeri Pahang, saya berterima kasih, tetapi apa yang saya mahu projek-projek seperti ini juga dapat dilaksanakan di Negeri Trengganu. Kalaulah di Trengganu Tengah, maka rakyat negeri Trengganu memang menggantungkan harapan yang sepenuhnya. Tetapi, sehingga sekarang ini pun kita tidak nampak bahawa perlaksanaannya berjalan dengan lancar sebagaimana yang dikehendaki. Saya contohkan umpamanya daripada tanah yang diperuntukkan dalam

kawasan Trengganu Tengah yang berjumlah 1.2 juta ekar itu hanya dapat diluluskan kepada FELDA sebanyak 20,000 ekar sahaja dan 5,000 ekar lagi yang masih di dalam perundingan. Kalau berbanding dengan apa yang terdapat di Johor Tenggara umpamanya, dapat memberi tanah kepada FELDA ini sejumlah 160,000 ekar ataupun 65 peratus daripada jumlah kesemua tanah di dalam Johor Tenggara tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian.

Begitu juga di Jengka Pahang umpamanya, tanah seluas 96,000 ekar diberi kepada FELDA sedangkan tanah-tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA ini kebanyakan negeri-negeri yang memberi tanah itu mengsyaratkan peneroka-penerokanya hendaklah rakyat negeri itu, kecuali Negeri Pahang yang memberi peluang kepada rakyat daripada negeri lain dapat menyertai sama di dalam Rancangan FELDA di negeri itu. Jadi, kalaulah perkara ini terus menerus berlaku, sampai bilakah rakyat di negeri lain, umpamanya, di Negeri Trengganu yang kita sedari bahawa banyak rakyat yang memang berminat untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA ini. Jadi kalau tanah dibuka di negeri lain, rakyat di negeri lain tidak dapat peluang hendak menyertai rancangan FELDA di dalam negeri itu. Ini mungkin bergantung kepada Undang-undang Tanah di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat dukacita sekali sekiranya keadaan pada hari ini terus menerus berlaku. Jadi sampai bilakah rakyat di Negeri Trengganu ataupun di negeri-negeri lain yang tidak mempunyai rancangan FELDA. Saya juga bersimpati dengan negeri-negeri lain yang tidak mempunyai rancangan FELDA. Oleh itu, saya rasa pihak FELDA sendiri ataupun pihak Kerajaan kita hendaklah menimbangkan, berunding supaya membolehkan rakyat daripada negeri lain dapat menyertai rancangan-rancangan FELDA yang dibuka di dalam negeri-negeri yang berkenaan itu.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali Kementerian yang berkenaan menyatakan angka-angka yang banyak sampai 25,000 yang masih menunggu untuk menyertai ataupun memasuki di dalam rancangan FELDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada masaalah rancangan di Trengganu Tengah itu. Saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian yang sungguh-sungguh dalam usaha untuk memajukan rancangan di Trengganu Tengah, walaupun saya sedar tanggungjawab ini kalau dahulu di bawah Jabatan Perdana Menteri dan sekarang ini berpindah kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya menyerulah sungguh-sungguh supaya dapat difikirkan, dapat diikhtirakan supaya projek Trengganu Tengah ini dapat berjalan, dapat disegerakan perjalanannya. Kalaulah sekali ditimbulkan, Consultant ini tidak siap; itu tidak siap, sampai bila? Sedangkan rancangan-rancangan di negeri-negeri lain dapat dijalankan dengan lancar. Saya amat dukacita sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Waktu yang di-untukkan untuk Ahli Yang Berhormat berucap telah cukup dengan masa yang ditetapkan. Sekarang kita hendak menangguhkan mesyuarat.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Abdullah Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab Ucapan Penangguhan yang telah dicadangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini yang akan dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak akan dibuat pada hari ini dicadang akan ditetapkan pada hari lain, maka saya kemukakan usul ini bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 23hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.